

## **DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

### **PENYATA RASMI PARLIMEN**

#### **Penggal Yang Pertama**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)



- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K.  
J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah  
(Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P.,  
P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat: Dato’ Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,  
A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab
- Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

- Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt .Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 20hb. Disember, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**HUBUNGAN MALAYSIA/AMERIKA SYARIKAT -**

## MENGGUNAKAN KUMPULAN LOBI

1. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kerajaan menggunakan kumpulan lobi (lobbyist group) untuk mempengaruhi kerajaan Amerika Syarikat bagi menjaga hubungan Malaysia/Amerika Syarikat terutama berkaitan dengan kepentingan politik dan ekonomi negara Malaysia sepertimana negara Israel dan Jepun menggunakan kumpulan lobi dengan begitu berkesan sehinggakan dasar luar Amerika Syarikat menguntungkan kedua-dua buah negara tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Kerajaan Malaysia tidak menggunakan khidmat kumpulan lobi di Amerika Syarikat untuk menjaga kepentingan politik dan ekonomi negara dalam hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat. Kedutaan Besar Malaysia kita di Washington D.C. sentiasa mengikuti perkembangan dasar Amerika Syarikat secara menyeluruh dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan sekiranya terdapat dasar negara tersebut yang boleh menjejaskan kepentingan ekonomi dan politik negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pernah menggunakan khidmat nasihat beberapa kumpulan pakar runding atau consultant, dengan izin, dalam menangani kes dan isu khusus yang timbul dari masa ke semasa yang mungkin menjejaskan kepentingan ekonomi dan perdagangan negara kita seperti isu GSP dan Kempen Anti Kelapa Sawit.

## INDAH WATER KONSORTIUM - PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN DI KAWASAN PERBANDARAN

2. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) setakat ini, berapakah jumlah kawasan perbandaran yang telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium (IWK) dalam usaha perkhidmatan pemetungan;
- (b) adakah kementeriannya mengambil tindakan supaya kutipan bayaran pemetungan yang terlalu tinggi itu diturunkan lagi; dan
- (c) adakah kementeriannya mengarahkan IWK menghentikan sementara kutipan bayaran pemetungan daripada pengguna sehingga syarikat itu merangka mekanisme baru bagi membezakan kiraan bagi air bersih dan air yang digunakan untuk perkhidmatan tangki septik.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter**

**Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga ini sejumlah 82 pihak berkuasa tempatan yang meliputi majlis perbandaran dan daerah telah diambil alih perkhidmatan pemetungannya oleh Indah Water Konsortium (IWK).
- (b) Caj pemetungan yang dikenakan oleh IWK kepada para pengguna sama ada domestik atau komersil adalah munasabah dan berpatutan. Caj tersebut telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri setelah ianya dikaji dengan terperinci dan mendalam oleh sebuah jawatankuasa khas diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi dengan mengambil kira semua aspek dan keperluan yang patut disediakan oleh IWK demi menjamin projek pemetungan ini berdaya maju. Dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan Malaysia dan Indah Water ada peruntukan supaya tarif pemetungan boleh diulang kaji selepas 5 tahun pertama dan sekali tiap-tiap 3 tahun selepasnya.

- (c) Pihak kementerian merasakan kutipan tidak perlu dihentikan kecuali jika syarikat atau kilang terlibat mempunyai sistem perawatan air sisa industri sendiri di mana mereka perlu memaklumkan kepada IWK untuk menyelaras semula bil yang dikenakan sekarang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan Indah Water ini banyak, bukan sahaja di kawasan Lembah Kelang tetapi di Ipoh dan sebagainya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula tentang perjanjian yang telah ditandatangani di antara pihak kerajaan dan IWK bagi memperbaiki beberapa syarat, terutamanya berhubung dengan kutipan dan penyelenggaraan yang menjadi masalah itu, mengkaji dan membuat keputusan baru berhubung dengan perkara ini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui memang ada masalah yang dihadapi oleh pihak Indah Water. Sebenarnya setakat ini kita sudah menerima aduan-aduan daripada pihak orang awam, tetapi antara aduan-aduan yang diterima itu 91% telah boleh diselesaikan dan sudah diselesaikan. Oleh sebab itu, maka kita rasa masalah yang timbul sekarang ialah tentang cara untuk pelaksanaan bil-bil tersebut dan bukan dari segi dasarnya dan dari segi cajnya dan sebagainya. Oleh sebab itu, maka kita patutlah memberi masa yang cukup kepada pihak Indah Water untuk mengendalikan perkara ini dengan lebih licin dan lebih teratur. Saya rasa pihak Indah Water juga cubalah sedaya upayanya untuk menguruskan perkara bil-bil



ini dengan lebih teratur supaya tidak ada kesilapan sepertimana yang berlaku sekarang timbul lagi di masa akan datang.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa pada masa sekarang pihak IWK membuang enapcemar atau sludge, dengan izin, yang disedut dari tangki najis ke dalam parit di tepi jalan atau sungai dan di dalam oxidation pond. Jika benar, apakah kawalan yang lebih ketat yang akan dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat mengawal alam sekitar?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah menjelaskan kepada IWK tentang perkara ini kerana perkara ini sudah dibawa ke Parlimen juga dan mereka sudah memaklumkan kepada pihak kementerian atau kepada pejabat pembentungan. Dalam perkara ini dalam laporan mereka tidak ada apa-apa laporan mengenai kontraktor-kontraktor mereka membuang enapcemar ini ke sungai atau ke belukar dan perkara ini sedang disiasat oleh mereka.

Pihak kementerian mengambil perhatian mengenai perkara ini dengan serius dan IWK sudah mengarahkan kepada semua kontraktornya supaya perkara ini diambil kira dengan baik, diurus dengan baik dan memberi cukup perhatian supaya tidak berlaku insiden-insiden seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Ada satu insiden di Cheras di mana ada aduan tentang Indah Water Konsortium (IWK) ini membuang enapcemar ke oxidation pond.

Sebenarnya pihak Indah Water Konsortium sudah menjelaskan perkara ini dan ada salah tafsiran oleh pihak penduduk di taman tersebut. Sebenarnya enapcemar ini bukan dengan izin, row sewage atau perkara-perkara yang belum diuji atau belum diolahkan dalam saptic tank yang tersebut. Oleh sebab itu, saya rasa adalah salah tafsiran atau salah anggapan sebagai satu perbuatan yang tidak betul oleh IWK.

### **BAHASA BAKU - PENGGUNAAN DI RTM**

3 **Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah RTM dapat melaksanakan penggunaan bahasa baku dalam program tempatan yang diterbitkan oleh RTM.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan yang digunakan dalam siaran radio dan televisyen (RTM) sekarang adalah berteraskan loghat Johor-Riau. Ianya masih lagi sesuai dipakai memandangkan sebilangan besar rakyat negara ini memahami dan menggunakannya dalam berkomunikasi secara lisan setiap hari. Namun begitu, sebutan perkataan-perkataan yang telah diubah sebutannya selaras dengan pelaksanaan bahasa baku telah pun dipakai oleh RTM. Umpamanya perkataan 'teknoloji' menjadi 'teknologi'. Ini bermakna bahawa RTM telah memulakan penggunaan bahasa baku secara berperingkat-peringkat sebaik sahaja bahasa itu diperkenalkan di negara ini.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan mengenai penggunaan bahasa baku peringkat demi peringkat.

Tetapi soalan yang hendak saya bangkitkan, adakah RTM mempunyai latihan dalaman untuk membaiki bahasa ini, kerana apabila kakitangannya berpindah ke TV3 hari ini pindah besok sudah boleh berbahasa baku.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi menjawab soalan itu, ‘ya’ Tuan Yang di-Pertua, sememanya ada langkah pihak RTM untuk melatih para kakitangan yang terlibat dalam pembacaan sama ada Berita Perdana dan lain-lain rancangan. Insya-Allah usaha ini akan dipertingkatkan lagi.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kerajaan ada mengarahkan supaya Berita Perdana disiarkan serentak jam 8.00 malam. Soalannya apakah rasionalnya dan sebab-sebab ia diarahkan serentak dan dikenakan kepada semua siaran TV di negara ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebetulnya Kabinet telah memutuskan supaya Berita Perdana ini diadakan pada jam 8.00 malam serentak dengan rangkaian-rangkaian yang lain iaitu TV1, TV2, TV3 dan juga Metro Vision. Ini adalah bertujuan supaya masyarakat di negara ini mempunyai pilihan dan juga maklumat yang keseluruhannya dapat dimasukkan dalam jangka masa yang sama.

### **INFLASI - LANGKAH MEMBASMI**

4. **Dr. G. Leelavathi** minta Perdana Menteri menyatakan kerajaan kini sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membasmi masalah inflasi dengan melaksanakan kempen inflasi sifar sedangkan harga rumah-rumah serta hartabenda lain di kawasan pusat bandar semakin meningkat ke tahap yang di luar dugaan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mengatasi masalah sosial ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh untuk membasmi inflasi melalui pakej antiinflasi yang komprehensif meliputi langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran. Kerajaan telah melancarkan Kempen Anti Inflasi yang komprehensif untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai punca dan kesan inflasi serta peranan mereka dalam memerangi inflasi. Langkah pentadbiran yang bertujuan memperluaskan sebaran maklumat harga dan menggalakkan amalan perniagaan yang berhemah dan beretika juga telah dipergiatkan.

Kerajaan juga telah melaksanakan dasar fiskal yang berhemat dengan mengawal perbelanjaan mengurus manakala perbelanjaan pembangunan ditumpukan kepada projek yang dapat mengatasi kekurangan infrastruktur dan bekalan. Hasil daripada langkah-langkah di atas kadar inflasi dapat dibendung di tahap yang membanggakan.

Bagi tahun 1994, Indeks Harga Pengguna telah naik sebanyak 3.7% dan pada tahun ini, untuk tempoh Januari-Oktober berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, indeks tersebut telah meningkat sebanyak 3.5% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah inflasi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini termasuk langkah meningkatkan bekalan serta liberalisasi import bagi menjamin bahawa bekalan barangan dan perkhidmatan mampu memenuhi permintaan. Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal yang berhemat

meliputi kawalan yang lebih baik ke atas perbelanjaan serta melaksanakan projek pembangunan secara terpilih bagi mengurangkan kekangan infrastruktur dan penawatan. Agregat kewangan melalui dasar kewangan akan diawasi dengan teliti bagi memastikan penawaran wang tidak menjadi punca inflasi.

Kerajaan akan terus menjalankan Kempen Anti-Inflasi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini termasuk langkah pentadbiran seperti menguatkuasakan tanda harga dan mencegah amalan perniagaan yang tidak sihat. Maklumat yang lebih baik mengenai harga akan disediakan untuk meningkatkan kesedaran di samping mendidik pengguna mengenai peranan mereka dalam usaha memerangi inflasi.

Kerajaan juga mengawasi kenaikan harga barang-barang lain termasuk rumah melalui dasar yang sesuai dari semasa ke semasa. Pada 16 Oktober lalu, Bank Negara telah mengumumkan langkah baru untuk pinjaman pembelian perumahan dan pangsapuri yang berharga RM150,000 ke atas serta rumah kedai termasuk lot kompleks beli-belah yang berharga RM300,000 ke atas dengan 'the margin of financing' dengan izin, tidak melebihi 60% daripada harga harta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan di sini bahawa objektif jangka panjang kerajaan adalah mencapai inflasi sifar bagi barangan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan yang merupakan sebahagian besar daripada keperluan golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, harga barangan tersebut akan diawasi dengan teliti untuk

memastikan harga barangan keperluan asas golongan ini tidak akan naik dalam jangka panjang.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa sewa bulanan kedai-kedai atau gerai-gerai di pusat membeli-belah telah dinaikkan sebanyak 100% atau lebih, apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengawal sewa bulanan dengan tahap yang berpatutan untuk memastikan jualan barang-barang makanan tidak dinaikkan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya soal sewa yang tinggi itu adalah luar daripada kawalan kita. Sebab ini merupakan satu pekara yang ditentukan dan dipengaruhi oleh market forces.

Kedua, kalau dalam soal harga meningkat disabitkan oleh sewa tinggi, maka kita galakkan supaya pembeli-pembeli tidak membeli daripada tempat-tempat yang mana sewanya tinggi kerana benda itu boleh dibeli di tempat yang lain.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baru-baru ini Menteri Kerjaraya iaitu Yang Berhormat dari Sungai Siput berkata kenaikan kadar Lebuhraya Utara-Selatan 33% bukan satu kenaikan yang boleh membebankan rakyat dan membawa inflasi. Sebagai sebuah kerajaan yang berkata collective responsibility, apakah peratusan boleh dianggap sebagai boleh membebankan rakyat dan membawa inflasi? Sekian.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan kenaikan tol jalan raya ini, bagi mereka yang mempunyai kereta sudah tentulah mereka mempunyai keupayaan untuk membayar tol itu dan kalau bagi mereka yang tidak mahu melalui membayar tol

ini mereka mempunyai pilihan untuk melalui jalan yang lain. Dan untuk saya hendak menentukan itu apakah sebenarnya kenaikan yang dianggap membeban dan tidak membebankan, ini merupakan satu perkara yang subjektif yang perlu dilihat kepada perkara-perkara tertentu. Kita tidak boleh menentukan satu peratusan dan menganggap itu sebagai peratusan yang bagi semua barangan ia merupakan tidak membeban ataupun membebankan.

### **PEKERJA ASING - KESAN NEGATIF KEPADA PELABUR**

5. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak kementeriannya sedar bahawa ketiadaan garis panduan yang konkrit berasaskan undang-undang menyukarkan pihak yang bertanggungjawab mengenai urusan kemasukan pekerja asing menjejaskan bekalan tenaga kerja dalam sektor perkilangan dan perladangan di negara ini. Justeru itu adakah pihak kementerian sedar bahawa ia boleh menimbulkan kesan negatif di kalangan pelabur-pelabur. Apakah langkah yang difikirkan/diambil oleh kementerian bagi mengatasi kecemasan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kerajaan tidak mempunyai garis panduan dalam urusan pengambilan pekerja asing. Dalam hal ini, majikan di sektor-sektor yang dibenarkan boleh mengambil pekerja asing dari negara-negara sumber yang dibenarkan iaitu Indonesia, Thailand, Pakistan, Filipina dan Bangladesh dengan kelulusan Kementerian Dalam Negeri. Mulai 2hb. Ogos 1995, pengambilan tersebut dilaksanakan antara kerajaan. Dasar ini adalah jelas dan kementerian berpendapat, ianya telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan di sektor-sektor yang berkenaan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa sebabnya hanya beberapa negara sahaja boleh mengambil pekerjaanya masuk ke negara kita. Apakah sebab itu?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menerangkan sebab-sebabnya. Antara sebab yang lain negara-negara ini adalah negara yang berdekatan dengan Malaysia dalam urusan perjalanan dan kedatangan dan pemulangan itu adalah lebih senang dan juga kita kena hadkan kepada beberapa negara untuk memudahkan lagi urusan antara kerajaan dengan kerajaan.

Kalau kita pada masa yang sama terpaksa kena urus dengan banyak sangat kerajaan, maka ini akan jadi lebih kompleks dan susah untuk mengawal. Selain daripada itu, negara-negara yang telah kita tetapkan itu adalah negara didapati perhubungan dengan Malaysia adalah sangat baik.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tidakkah kerajaan merancang untuk menggalakkan tenaga-tenaga pekerja dari Sabah ataupun Sarawak untuk memenuhi keperluan permintaan di sektor-sektor tertentu yang banyak terdapat di Semenanjung bagi memudahkan lagi urusan kemasukan sejauh yang melibatkan undang-undang?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan menggalakkan tenaga manusia dari mana-mana satu negeri daripada dalam Malaysia tetapi kebanyakan majikan yang datang memohon itu, mereka telah cuba membuktikan bahawa mereka sudah cuba tetapi tidak dapat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Sabah sendiri pun tidak cukup pekerja. Mereka minta juga untuk mengambil pekerja asing. Maka, ini menunjukkan satu kejayaan pertumbuhan ekonomi kita.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara sebab kenapa orang-orang



tempatan kurang yakin bekerja di dalam sektor-sektor ini adalah kerana gaji yang rendah dibandingkan dengan sektor-sektor yang lain. Jadi apakah tindakan kerajaan supaya mengkaji masalah ini dan supaya menarik pekerja tempatan untuk mengisi tempat yang diambil oleh pekerja asing ini? Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan majikan tidak menyalahgunakan pengambilan pekerja asing ini, oleh sebab itulah kerajaan menubuhkan pasukan petugas khas pekerja asing supaya pengambilan ini adalah ketat. Terlebih dahulu mesti semak betul-betul sesuatu permohonan itu adalah benar-benar mendesak dan mereka sudah cuba mengambil pekerja tempatan dan gagal dan juga adakah gaji yang mereka tetapkan itu terlalu untuk orang tempatan. Ini antara syarat-syarat yang terlebih dahulu disemak sehingga ramai majikan masa kini sudah mencuba kata kerajaan ketat sangat tetapi ketat itu adalah untuk kepentingan pekerja di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

[Soalan No. 6 - Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi tidak hadir]

**MALAYSIA NEGARA DALAM TAMAN  
- HASIL PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU)**

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan sehingga kini untuk menjadikan “Malaysia Negara Dalam Taman” menjelang 2005. Apakah hasil ekoran dari perjanjian persefahaman (MoU) antara kerajaan dengan pihak swasta bagi kejayaan program ini dan syarikat manakah yang telah dipilih bagi mengendalikan program ini.

16. **Tuan Yeong Chee Wah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dengan teliti bagaimanakah garis panduan “Landscaping

The Nation” yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat ditunaikan dengan secepat mungkin:

- (a) sebutkan garis panduan, peraturan dan tanggungjawab oleh setiap kementerian;
- (b) sebutkan peruntukan dan had masa kepada setiap kementerian untuk menyempurnakan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dan
- (c) apakah tindakan terhadap pihak swasta dan badan korporat yang tidak atau kurang berminat untuk menyertai cadangan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan**

**Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sebab terdapat satu soalan lagi hari ini iaitu nombor 16 daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang maksudnya hampir sama dengan soalan ini, oleh sebab itu saya minta dua soalan ini dijawab sekaligus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Banyak usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai langkah persediaan untuk menjadikan “Malaysia Negara Dalam Taman”. Di antaranya ialah menyediakan satu garis panduan Lanskap Negara yang boleh digunakan oleh semua pihak. Peruntukan juga disediakan bagi pihak berkuasa tempatan meningkatkan lanskap di kawasan masing-masing. Kerajaan juga sedang mengenal pasti tapak-tapak semaian di mana bahan-bahan tanaman lanskap akan disediakan untuk keperluan seluruh negara.

Beberapa jabatan dan agensi telah dikenal pasti untuk turut menjayakan pelaksanaan seluruh negara seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Wilayah dan pihak berkuasa tempatan. Jabatan dan agensi kerajaan ini akan melaksanakan program ini mengikut bidang kuasa dan tanggungjawab masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani, sebenarnya memorandum ini adalah ditandatangani oleh beberapa pihak kebanyakannya pertubuhan bukan kerajaan yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai kumpulan penanaman pokok atau Tree Planting Group, dengan izin. Mereka bergabung untuk menjalankan projek menanam pokok melalui sumbangan daripada syarikat-syarikat dan orang perseorangan. Mereka terdiri dari FIABCI (International Real Estate Federation), Persatuan Penilai-penilai dan Perunding Harta Swasta (PEPS), Lions Club of Kuala Lumpur (HOST), One Earth Enterprise, Malaysian Nature Society dan Forest Research Institute of Malaysia (FRIM).

Tiada syarikat yang telah dilantik oleh kumpulan tersebut sehingga kini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program mereka. Sekian.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah pelaksanaan Skim Bersih dan Indah yang selama ini dilancarkan oleh pihak berkuasa memandangkan kita sering dapat aduan daripada orang awam tentang kelemahan dalam perkhidmatan mengangkat dan melupuskan sampah? Sekian, terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim ini masih dijalankan dan akan diteruskan mengikut peruntukan yang kita dapati dalam Budget ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, skim ini akan diserapkan dengan skim-skim yang lain seperti parit dan longkang,

Lanskap Negara. Kita haraplah dengan adanya ketiga-tiga skim ini, maka kita boleh mendapat satu suasana yang lebih selesa di kawasan pihak berkuasa tempatan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam program “Malaysia a Nation in Garden” menjelang tahun 2005, berapakah taman akan dibina dan berapakah peruntukan akan diberi kepada projek ini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini meminta angka-angka yang saya tidak ada pada masa sekarang, tetapi saya boleh bekalkan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, di satu-satu kawasan pembangunan perumahan terdapat tanah-tanah lapang yang mana digazetkan sebagai kawasan lapang untuk kemudahan orang ramai. Tetapi, apakah langkah yang diambil oleh kementerian, kerjasama daripada pihak berkuasa kerajaan tempatan untuk memajukan kawasan-kawasan tersebut yang mana kawasan-kawasan tersebut biasanya dibiarkan begitu sahaja dan kadang-kadang menjadi tempat buangan sampah yang menjolok pandangan mata.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Inilah usaha yang kita hendak pertingkatkan lagi dalam skim lanskap negara seperti yang saya sebutkan tadi. Dengan adanya skim lanskap negara, apabila program ini dijalankan, kita harap pihak berkuasa apabila disalurkan dengan peruntukan-peruntukan akan menggunakan peruntukan-peruntukan ini, mencantikkan dan mengindahkan kawasan-kawasan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kita akan jangkakan skim Lanskap Negara ini di mana kita akan menjalankan tugas ini sampai tahun 2005 di mana kita anggapkan sejumlah 6,742,000 pokok akan ditanam di seluruh negara dan belanjanya hampir RM1.9 bilion akan dibelanjakan untuk usaha ini.

**TEKSI/KERETA SEWA MEMBAWA PENUMPANG -  
OPERASI MENGESAN ASAP**

8. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-
- (a) bahawa terdapat rungutan dari pemandu teksi/kereta sewa dan penumpang yang menyatakan bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah membuat sekatan jalan raya dan mengarahkan teksi/kereta sewa yang pada masa itu membawa penumpang-penumpang untuk diuji kenderaan ketika operasi mengesan asap kenderaan. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dan kemarahan penumpang-penumpang yang ingin segera kedestinasinya. Adakah kerajaan melalui JPJ bercadang untuk menguji asap kenderaan teksi/kereta sewa di tempat yang ditetapkan pada setiap tempoh yang tertentu agar tidak menimbulkan kerumitan kepada pengguna; dan
  - (b) adakah benar, bahawa kualiti minyak disel yang dijual di negara ini yang digunakan oleh teksi/kereta sewa kurang baik dan banyak mengeluarkan asap hitam berbanding dengan minyak diesel yang dijual di Singapura. Jika benar, apakah langkah kerajaan dan jika tidak benar, apakah nasihat kepada pengusaha/pemandu teksi/kereta sewa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee**

**Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hanya kenderaan-kenderaan yang didapati mengeluarkan asap berlebihan sahaja yang akan diuji tahap pelepasan asapnya dan pemeriksaan pelepasan asap daripada kenderaan adalah dilakukan di tempat-tempat di mana penguatkuasaan diadakan. Pemeriksaan ini tidak mengambil masa yang panjang.
- (b) Adalah tidak benar sekali, jika dikatakan bahawa kualiti minyak diEsel yang dijual di negara ini rendah mutunya.

Pelepasan asap yang berlebihan oleh sesebuah kenderaan bukanlah kerana mutu minyak yang digunakan, tetapi ianya berkait rapat dengan penjagaan dan penyelenggaraan enjin kenderaan tersebut. Oleh itu, pengusaha dan pemandu teksi dan kereta sewa adalah perlu memastikan enjin kenderaan mereka dijaga dan diselenggarakan dengan baik bagi menentukan kenderaan tersebut tidak mengeluarkan asap yang berlebihan.

#### **KOMPLEKS IMIGRESEN TEBEDU - JUMLAH KEMASUKAN WARGANEGARA INDONESIA**

9. **Tuan Richard Riot anak Jaem** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) jumlah warganegara Indonesia yang telah masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu sejak ianya dibuka pada 25/2/91 hingga sekarang;
- (b) jumlah warganegara Malaysia yang telah masuk ke Indonesia melalui kompleks tersebut dalam tempoh yang sama;
- (c) sama ada kerajaan bercadang untuk melancarkan satu lagi Tahun Melawat Malaysia (TMM) iaitu Tahun Melawat Malaysia Ketiga; dan
- (d) kalau ya, bilakah ianya akan dilancarkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah warganegara Indonesia yang masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu sejak dibuka pada 25hb. Februari, 1991 hingga 30hb. September, 1995 adalah seramai 560,989 orang.
- (b) Jumlah warganegara Malaysia yang masuk ke Indonesia melalui kompleks tersebut dalam tempoh yang sama seramai 147,346 orang.
- (c)&(d) Tahun Melawat Malaysia Pertama pada tahun 1990 dan yang kedua pada tahun 1994 serta promosi secara berterusan telah dapat meningkatkan jumlah ketibaan pelancong dan juga pendapatan dari tukaran wang asing. Sehubungan dengan itu dan bagi mengekalkan kadar pertumbuhan industri pelancongan negara, kementerian memang memikirkan kemungkinan mengadakan satu lagi bentuk promosi yang sama. Walau bagaimanapun, nama dan bila ianya akan diadakan masih belum dapat ditentukan lagi.

#### **USAHASAMA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA - GALAKAN**

- 10. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-
  - (a) langkah-langkah yang akan diambil dan insentif yang diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera; dan



- (b) bidang-bidang yang telah dikenal pasti sebagai bidang utama untuk usaha sama tersebut.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya tahap usaha sama antara bumiputera dengan bukan bumiputera di negara kita adalah tidak memuaskan. Oleh hal yang demikian, salah satu daripada rumusan utama Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada bulan Januari 1992 ialah untuk mewujudkan lebih banyak lagi usaha sama tulen di antara usahawan bumiputera dengan bukan bumiputera. Sejak kongres tersebut, beberapa langkah telah pun diambil oleh kerajaan. Antara langkah yang terpenting ialah untuk menubuhkan sebuah tabung yang dinamakan Tabung Galakan Usahasama Bumiputera/Bukan Bumiputera dengan dana berjumlah RM280 juta yang disumbangkan oleh enam buah bank. Setakat ini sebanyak RM67.76 juta telah pun dipinjamkan oleh tabung tersebut.

Untuk meneruskan galakan ini pihak Kementerian Pembangunan Usahawan telah memanggil pemimpin-pemimpin Dewan Perniagaan Melayu dan Cina pada 13hb. September yang lalu untuk membincangkan cara-cara kita boleh meningkatkan lagi usahasama ini. Hasil daripada perbincangan tersebut, satu jawatankuasa bersama telah ditubuhkan antara Dewan Cina dan Dewan Melayu dan pada 18hb. Disember yang lalu, sukacita saya melaporkan bahawa satu majlis telah pun diadakan di mana 12 buah projek usahasama telah berjaya diwujudkan antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Ini melibatkan sebanyak 24 buah syarikat iaitu 12 buah syarikat bumiputera dan 12 buah syarikat bukan bumiputera.

Projek yang terbesar yang diwujudkan di bawah skim ialah usahasama di antara GKM Amal Sdn. Bhd. dengan Suyen Group of Companies. Di bawah projek ini satu syarikat akan ditubuhkan yang akan membuat barangan logam ekuiti bukan bumiputera 70% dan bumiputera 30%, kos projek ialah RM30 juta. Antara usahasama yang terkecil melibatkan kos projek cuma RM1 juta ialah antara sebuah syarikat bumiputera Sikap Avenue dengan sebuah syarikat bukan bumiputera Oymee Engineering di mana penglibatan bumiputera ialah 51% dan bukan bumiputera 49%.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya skim-skim ini maka lebih banyak lagi usahasama tulen akan lahir antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu usahasama dapat diisytiharkan sebagai satu usahasama dan supaya ianya boleh menikmati pinjaman tersebut.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, usaha ini adalah terbit daripada inisiatif kerajaan dan usaha seterusnya dibuat oleh pihak swasta iaitu Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perniagaan Melayu dan antara kriteria yang ditetapkan oleh kedua dewan tersebut ialah syarikat bumiputera ataupun bukan bumiputera hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 30% ekuiti tersebut, bermakna kalau syarikat kepunyaan bukan bumiputera 100% dan cadangan

bumiputera cuma 20% maka ini tidak tergolong di bawah skim yang digalakkan oleh dewan Melayu dan dewan Cina.

Selain itu, kita menggalakkan mereka yang tulen, mereka yang benar-benar terlibat dalam bidang perniagaan tersebut dan ini hendaklah dicerminkan dalam pengurusan dan juga bilangan pekerja. Dengan lain perkataan, kita ingin melihat penyertaan yang bermakna di antara kedua-dua kaum, kita tidak ingin melihat satu kumpulan yang tidak mengambil peranan aktif dalam perjalanan syarikat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan atas usaha-usaha untuk mewujudkan kerjasama tulen antara usahawan bumiputera dengan bukan bumiputera. Baru-baru ini kita dapati MoU ditandatangani di antara bumiputera (Melayu) dengan bukan bumiputera (Cina). Apakah usaha selanjutnya bagi mewujudkan usaha sama tulen di antara bumiputera dengan bukan bumiputera lain, termasuk India.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan peringkat pertama program perintis ini dan kita sedang berusaha setelah kita mengkaji prestasi program ini untuk memperluaskan program ini untuk meliputi kaum-kaum lain, bukan sahaja kaum India tetapi juga kaum-kaum lain di negara kita dan juga pelabur-pelabur asing. Jadi, kita berharap program ini akan melibatkan kaum India, kaum-kaum lain di negara kita dan juga pelabur-pelabur asing. Selain daripada itu kita juga akan memperluaskan memorandum yang ditandatangani pada hari Isnin yang lalu yang melibatkan cuma syarikat-syarikat di

Semenanjung. Kita juga akan memperluaskan skim ini kepada Sabah dan Sarawak.

### **TUDM - LANGKAH MENGATASI NAHAS UDARA**

**11. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengelakkan atau mengurangkan kadar kemalangan anggota tentera terutamanya semasa latihan berikutan dengan banyaknya kejadian nahas udara yang berlaku.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan Lembaga Penyiasatan, pihak TUDM telah mengambil beberapa langkah untuk mengelak berulangnya kejadian kemalangan pesawat iaitu:

- (i) keutamaan diberikan kepada latihan serta mempertingkatkan profesionalisme;
- (ii) mempertingkatkan alat-alat 'avionics' dan juga alat-alat pandu arah pesawat;
- (iii) mendedahkan kesedaran keselamatan menerusi pendidikan dan kempen keselamatan;
- (iv) mengkaji dengan lebih kerap lagi prosedur merawat pesawat;
- (v) menerapkan polisi hayat komponen, dengan izin, lifing policy, ke atas sebahagian peralatan yang kritikal; dan
- (vi) memperolehi tambahan peralatan ujian untuk membuat ujian ke atas peralatan yang kritikal.

Langkah-langkah lain yang diambil untuk mengurangkan atau mengelakkan berlakunya kemalangan, anggota tentera, terutamanya semasa latihan, adalah dengan menumpukan kepada latihan yang lebih menggunakan simulator, dengan izin, supaya setiap juruterang dan teknisyen dapat diberi latihan yang lebih jitu dan mendalam, yang mana tidak dapat dibuat dengan pesawat yang sebenar. Ini juga satu daripada sebab-sebabnya banyak kemalangan yang timbul dari kalangan pelatih.

Penyesuaian diri dengan simulator akan meningkatkan kemahiran dan dengan sedemikian akan dapat mengurangkan kadar kemalangan di dalam tugas penerbangan yang penuh risiko ini. TUDM telah menentukan agar pesawat-pesawat yang baru dilengkapi dengan simulator untuk latihan yang lebih menyeluruh.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hari ini ada di dalam akhbar di mana Ketua Turus, Tentera Udara mengatakan bahawa kapal-kapal terbang kita ini tidak mempunyai ‘transponder’ semasa latihan. Jadi, mungkin setelah berlaku beberapa kemalangan barulah kementerian bercadang untuk membeli alat ini. Jadi, bilakah program untuk membekalkan alat-alat keselamatan untuk pesawat-pesawat kita dan juga pesawat-pesawat latihan dan juga program untuk menggantikan pesawat-pesawat yang lama kepada pesawat-pesawat yang baru?

**Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pesawat-pesawat yang baru semuanya telah pun dilengkapi dengan alat ‘transponder’.

Cuma yang lama sahaja, pihak kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan dan insya-Allah, dalam sedikit masa lagi kita akan dapat membekalkan alat 'transponder' ini kepada semua pesawat yang ada dalam TUDM.

Tentang pesawat baru itu adalah dalam perancangan negara kita mengikut keupayaan kita. Sudah tentu kita mahu memastikan alat-alat yang ada pada kita itu adalah alat yang terancang dan terkini. Itu terpulanglah kepada peruntukan yang akan diluluskan oleh pihak kerajaan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kemalangan kapalterbang berlaku, surat khabar akan membuat laporan, ini penting. Jadi, apabila kemalangan berlaku, kita mengatakan bahawa kemalangan kerap berlaku di kalangan latihan ataupun tidak latihan di antara pilot TUDM. Jadi, soalan yang penting, adakah benar dan apakah bandingan negara kita dalam persoalan latihan ini dibandingkan dengan negara-negara lain semasa menjalankan latihan, sama ada, dengan izin, averagenya tinggi ataupun lebih rendah dari negara-negara lain, terutama Amerika dan England dari mana kita mendapat latihan-latihan tersebut.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan kadar kemalangan ini lebih kurang sama rata ataupun sama tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain, termasuk negara Amerika Syarikat.

**12. Dato' Yap Pian Hon** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berkenaan dengan angka orang-orang cacat yang telah didaftarkan setakat ini:

- (a) berapakah peratus orang cacat yang didaftarkan menerima penjagaan dan pemulihan Jabatan Kebajikan;
- (b) berapakah peratusan atau jumlah yang telah diambil untuk mengikuti program latihan orang cacat. Apakah reaksi mereka dan kejayaan program ini; dan
- (c) bagaimanakah cara dan syarat seseorang kanak-kanak cacat memohon mengikuti program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

**[Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang cacat yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, sehingga 31hb. Disember, 1994 ialah seramai 53,900 orang. Purata pendaftaran orang cacat semenjak 4 tahun kebelakangan ini ialah 3,000 orang setahun. Dari jumlah purata orang cacat tersebut, peratusan mereka yang menerima jagaan dan pemulihan ialah 48%.
- (b) Peratusan atau jumlah yang telah diambil untuk mengikuti program latihan ialah 43%. Reaksi daripada mereka adalah memuaskan kerana mereka mendapat banyak faedah dari program latihan kemahiran dalam institusi dan latihan sambil belajar. Kejayaan program latihan ini boleh dilihat dari segi kemahiran vokasional yang mereka perolehi daripada bidang-bidang latihan jahitan, motor mekanik, komputer, kajisawat kenderaan motor, kraftangan, pertukangan kayu, kimpalan,

mombaiki radio dan sebagainya. Ramai di antara mereka yang telah berjaya membuka perusahaan sendiri, memperolehi pekerjaan di pasaran terbuka ataupun bekerja di bengkel-bengkel terlindung yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan.

- (c) Seseorang kanak-kanak cacat boleh mengikuti program pemulihan dalam komuniti dengan syarat ibu bapanya memohon terus kepada pegawai kebajikan masyarakat daerah yang terdekat. Syarat utama ialah kanak-kanak tersebut harus berdaftar dengan Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, apakah cara-cara Jabatan Kebajikan untuk mendaftar mereka yang cacat ini, ertinya adakah Jabatan masuk ke desa ataupun mereka menunggu orang-orang cacat datang sendiri untuk berdaftar?

Daripada 48% yang diberi latihan ini, bagaimana pula dengan 52% yang tidak diberi latihan. Apakah tindakan yang diberi dan program yang diberikan kepada mereka?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan bagi soalan (c) tadi. Syarat-syaratnya ialah ibu bapa ataupun keluarga yang dekat mendaftar dengan Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan bukan menunggu, tetapi dia sendiri pergi mendaftar.

Bagi soalan kedua, iaitu lebih daripada 43%, yang lain yang tidak dilatih memang ada. Bagi pihak kerajaan, seramai 142 badan kebajikan sukarela yang menerima geran tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mengendalikan tempat mereka berlatih selain dari rumah kanak-kanak yang ada di dalam negara kita ini.



Jadi, yang lain yang belum dilatih itu, sebabnya ialah tempat latihan pada masa ini memang banyak lagi akan dilatih. Jadi, saya telah difahamkan bahawa pusat latihan belum cukup. Yang lain, iaitu mungkin orang cacat tidak dapat berlatih walaupun mungkin sudah tua ataupun sebab-sebab yang lain. Dalam semua usaha ini, memang kerajaan prihatin terhadap orang-orang cacat tetapi yang lain lagi ialah dijaga oleh keluarga mengikut pemulihan dalam komuniti.

### **KEKURANGAN PAKAR PERUBATAN - BILANGAN**

13. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan kekurangan pakar-pakar perubatan (specialist);
- (b) bilangan kekurangan doktor-doktor;
- (c) bilangan kekurangan jururawat-jururawat; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi kekurangan pakar-pakar perubatan, doktor-doktor dan jururawat-jururawat.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan perjawatan pada 1hb. Oktober 1995 adalah seperti berikut:-

- (a) Bilangan jawatan pakar mengikut perjawatan ialah sebanyak 680. Jumlah yang diisi ialah sebanyak 339. Kekurangan pakar perubatan ialah sebanyak 341.

- (b) Bilangan jawatan pegawai perubatan ialah sebanyak 5,032. Jumlah yang diisi ialah 3,848. Kekurangan pegawai perubatan ialah sebanyak 1,184.
- (c) Bilangan jawatan jururawat adalah sebanyak 14,120. Jumlah yang diisi adalah sebanyak 13,001. Kekurangan jururawat adalah sebanyak 1,119.
- (d) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi kekurangan pakar-pakar perubatan, doktor dan jururawat adalah seperti berikut:-
- (i) Langkah jangka pendek untuk menampung kekurangan pakar, pegawai perubatan dan jururawat. Pihak kementerian telah diberi jawatan secara kontrak seperti berikut:-

	Jawatan	Isi	Kosong
Pegawai Pakar	261	100	161
Pegawai Perubatan	443	193	350
Jururawat	841	369	472

- (ii) Bagi langkah jangka panjang Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan:
- (a) kerajaan menyediakan kerjaya yang baik terutama dari segi mendapatkan Ijazah Lanjutan dan kenaikan

pangkat. Kementerian pada masa ini menyediakan 730 jawatan Simpanan Latihan. Ini akan memberi peluang kepada pegawai perubatan untuk mengikuti kursus Ijazah Lanjutan.

- (b) Menyediakan beberapa kemudahan elaun untuk mereka yang mempunyai Ijazah Lanjutan.

Bagi perkara menyentuh soal jururawat, kerajaan menambahkan pengambilan jururawat terlatih dan membanyakkan kemudahan-kemudahan latihan seperti menambahkan lagi tempat latihan kejururawatan dan tenaga pengajar. Pengambilan jururawat pelatih pada tahun 1995 adalah seramai 1,781 orang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiap tahun kita dapati banyak pegawai perubatan serta pakar memohon untuk berhenti daripada berkhidmat dengan kerajaan dan kadangkala kadang permohonan mereka ini ditolak. Bagaimanakah prestasi kerja mereka setelah mereka berasa frust kerana permohonan untuk berhenti ditolak. Adakah ini akan melibatkan pesakit-pesakit dan apakah sebabnya kekurangan pakar-pakar dan pegawai-pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan? Adakah disebabkan oleh gaji dan kemudahan dan sebagainya?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soal pemberhentikan pegawai-pegawai termasuk pegawai pakar perubatan daripada

hospital tidak dapat kita elakkan kerana tidak ada undang-undang yang boleh menyekat seseorang itu berhenti bila tiba masa sudah tidak mempunyai ikatan atau syarat-syarat dengan perkhidmatan kerajaan.

Kalau Yang Berhormat mengatakan bagaimanakah prestasi mereka selepas mereka tidak dibenarkan atau dirunding untuk tidak berhenti kerana kekurangan yang ketara dalam perkhidmatan kerajaan, saya kira masalah yang dihadapi oleh kerajaan adalah lebih berat.

Sebagai contoh, saya ingin memberikan contoh keadaan pegawai pakar yang meletakkan jawatan semenjak 1980 - saya ambil dari segi averagenya - pada 1990 bagi pegawai pakar perubatan sebanyak 35, 1991 - 35, 1992 - 28, 1993 - 20, 1994 - 11 dan setakat Jun 1995 - 14. Bagi pegawai perubatan tidak pakar, sejak 1990 - 234 yang meletakkan jawatan, 1991 - 257 yang meletakkan jawatan, 1992 - 226, 1993 - 323, 1994 - 235. Ini bererti bahawa purata secara menyeluruh setiap tahun secara kasar adalah sebanyak 20 bagi pegawai perubatan pakar dan sebanyak 150 pada puratanya bagi pegawai perubatan biasa.

Kalau kita bandingkan dengan bilangan pegawai perubatan yang meletakkan jawatan setelah tamat perkhidmatan wajib selepas 6 tahun berkhidmat dan selepas 10 tahun berkhidmat bagi tempoh 3 tahun kebelakangan, bagi pegawai perubatan yang meletakkan jawatan sebaik sahaja tamat perkhidmatan wajib pada tahun 1994 - 220, 1995 - 53 dan peratusan bagi tahun 1994 adalah sebanyak 58% dan 1995 semenjak Mei/Jun adalah sebanyak 77%.

Bagi pegawai perubatan yang meletakkan jawatan selepas 6 tahun berkhidmat, pada tahun 1994 sebanyak 48 orang dan setakat Mei/Jun 1995 adalah sebanyak 15 orang yang memberi peratusan pada 1995 sebanyak 20% dan lain-lain.

Ini menunjukkan bahawa keadaan ini sudah menjadi satu masalah yang universal dan sebab itulah kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti diberikan jawatan secara kontrak untuk membantu mengatasi masalah kekurangan dan perletakan jawatan ini.

Bagi menyediakan beberapa kemudahan elaun, sudah semestinyalah kerajaan tidak boleh bersaing dengan keadaan kemudahan ataupun ganjaran yang diberikan oleh pihak swasta kerana mereka lebih mampu dengan keadaan investment yang dilaburkan itu juga membolehkan mereka mendapat yang paling baik dan memberi ganjaran atau insentive service yang menarik sehingga mereka tidak memikirkan untuk meletakkan jawatan daripada kerajaan seperti langkah-langkah ataupun usaha yang sedaya mungkin cuba disediakan oleh pihak kerajaan adalah seperti bagi pegawai perubatan pakar, mereka diberi elaun mengikut gred jawatan iaitu RM1,200 sebulan untuk Gred U3 sehingga RM2,400 sebulan untuk gred Jusa ke atas.

Manakala bagi pegawai perubatan pentadbir kesihatan awam dan pentadbir hospital juga telah dinaikkan kadar bayaran dari RM700 sebulan kepada RM840 sebulan untuk gred U3 dan RM1,680 sebulan untuk gred C ke atas dan dalam tahun 1994, satu elaun khas kerja di luar waktu bekerja biasa bagi pegawai

perubatan telah diluluskan oleh agensi pusat untuk berkuatkuasa dari 1hb. Oktober 1994 dan ini bererti semua pegawai perubatan yang berkhidmat atas panggilan di wad ataupun on-call, dengan izin, akan diberi bayaran mengikut formula-formula yang ditetapkan.

### **GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA - MENGEKALKAN**

**14. Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada bantuan geran dan peruntukan yang disediakan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Malaya untuk menjalankan penyelidikan akan terus dikekalkan apabila universiti tersebut dikorporatkan kelak.

**Timalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas Universiti Malaya dan lain-lain institusi pendidikan tinggi telah distruktur semula atau dikorporatkan, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada semua institusi tersebut. Ini adalah untuk memastikan agar institusi pendidikan tinggi terus memberi tumpuan dalam R&D dengan tujuan utamanya untuk menjadikan negara ini sebagai negara perindustrian.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang RM200 juta untuk institusi pendidikan tinggi melaksanakan projek R&D dan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan masih meneruskan peruntukan bagi institusi tersebut melaksanakan R&D tersebut.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila pensyarah-pensyarah ini telah berjaya membuat sesuatu penyelidikan, adakah mereka ini akan dibenarkan untuk melibatkan diri dalam perniagaan iaitu dengan menubuhkan syarikat dengan pihak-pihak swasta untuk memasarkan penemuan-penemuan hasil penyelidikan mereka?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan cadangan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, maka Kementerian Pendidikan terus mengadakan cadangan untuk mengkorporatkan universiti-universiti tersebut. Salah satu tujuan utamanya ialah untuk membolehkan universiti-universiti tersebut berfungsi sebagai satu badan korporat, bukan sahaja untuk menjalankan tugas-tugas R&D, tetapi juga untuk mendapat hasil daripada R&D tersebut.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kadang-kadang para academicians memandang penting kepada sumber kewangan, tetapi ramai juga di kalangan mereka yang betul-betul berminat dari segi pendidikan dan penyelidikan.

Jadi, adakah benar geran yang diberi, insentif yang ada dan kemudahan-kemudahan yang diberi di tiap-tiap universiti di negara kita ini adalah sangat-sangat berkurangan kalau dibandingkan dengan institusi-institusi yang sama di negara lain? Ini telah memudarkan kemahuan, keselesaan dan perasaan pihak profesor ataupun researchers yang berkaitan. Apakah tindakan kementerian agar perkara ini tidak berlaku?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tujuan soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa ialah bahawa universiti-universiti tempatan memberi sokongan yang kurang dibandingkan dengan universiti-universiti asing untuk menyokong pensyarah-pensyarah melaksanakan R&D, Kementerian Pendidikan tidak bersetuju kerana peratusan sumbangan yang perlu diberi adalah mengikut kebolehan atau mengikut peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada universiti-universiti tempatan.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan akan mengkaji cara-cara di mana kita boleh memperluaskan sumber-sumber untuk memberi bantuan atas usaha-usaha R&D. Ini termasuklah membolehkan universiti-universiti tersebut menjalankan tugas-tugas untuk memperluaskan sumbangan kepada universiti-universiti.

#### **PEMOHON RUMAH KOS RENDAH DBKL - JUMLAH**

**15 Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pemohon rumah kos rendah Dewan Bandaraya setakat 30.9.95 yang masih berada dalam pendaftaran baik secara jualan atau sewa dan bilakah jangka masa mereka ini dapat ditempatkan dalam rumah-rumah milik DBKL.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji**

**Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan pendaftaran terbuka menyewa dan membeli untuk semua kategori rumah semenjak tahun 1983.

Sehingga bulan September 1995, jumlah pendaftaran yang dikumpul adalah seperti berikut:



Pendaftaran bagi menyewa : 83,160

Pendaftaran bagi membeli : 131,538

Jumlah ini adalah meliputi permohonan untuk semua kategori dan tidak terhad kepada permohonan rumah kos rendah sahaja. Rekod-rekod yang ada setakat ini tidak membolehkan ianya dipecahkan mengikut kategori.

Usaha untuk membina lebih banyak rumah untuk disewa dan dijual kepada pemohon-pemohon sentiasa dibuat, sama ada melalui pembinaan sendiri oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, melalui projek-projek yang diswastakan dan juga melalui pengenaan syarat perintah pembangunan ke atas pemaju-pemaju swasta.

Memandangkan bilangan pemohon rumah kos rendah ini sentiasa bertambah dari semasa ke semasa, adalah sukar bagi kerajaan untuk menetapkan jangka masa bagi golongan ini boleh ditempatkan di rumah-rumah milik DBKL kerana ianya bergantung kepada kekosongan unit-unit dan kelancaran pembinaan projek-projek baru yang sedang dan akan dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

***[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 16 hingga 27 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]***

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[19 Disember 1995]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan sila menjawab.

**3.36 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dengan memberi berbagai cadangan dan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak kecewa dengan taraf perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti pembangkang yang begitu rendah sekali nilainya. Hampir semua hujah mereka begitu cetek, meleset dan muflis dari segi idea.

*[Tepuk]* Tidak ada langsung hujah-hujah yang bernas dan substantif *[Tepuk]* yang boleh dijadikan natijah untuk memurnikan lagi Rang Undang-undang ini. *[Tepuk]* Walaupun mereka banyak bercakap, tetapi mereka sebenarnya tidak memperkatakan apa-apa pun. *[Tepuk]*

Pada pendapat saya, keadaan ini mungkin wujud kerana, pertama mereka tidak begitu minat dengan urusan pendidikan negara; kedua, mereka terlalu banyak political play; dan ketiga, ahli-ahli pembangkang nampaknya memang tidak arif langsung dengan bidang pedagogy.

Ini nyata sekali menggambarkan tidak ada minat pembangkang terhadap kepentingan dan kesungguhan pendidikan negara dari sejak kerajaan mengadakan permuafakatan pendidikan melalui penubuhan Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang mana tidak seorang pun wakil dari parti pembangkang yang hadir. Sementara itu, untuk menutup sikap tidak bertanggungjawab mereka, berbagai alasan telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Mereka sepatutnya harus maklum yang rakyat tidak selamanya boleh diperbodohkan.

*[Tepuk]*

Namun demikian, saya juga merasa amat bangga dan puas hati kerana Rang Undang-undang ini sudah begitu mantap, bernas dan bermutu sehingga telah meninggalkan pihak pembangkang terpinga-pinga tanpa apa-apa modal atau hujah-hujah yang pokok dan bernas.

Keharu-biruan atau tidak tentu arah serta carca- marbanya perbahasan ahli-ahli parti pembangkang jelas sekali boleh dilihat daripada ucapan yang saling bercanggah dan bercelaru di kalangan ahli-ahli pembangkang. Kita juga telah mendengar melalui perbahasan yang telah berjalan dalam masa dua hari yang lepas, di kalangan ahli-ahli parti pembangkang, mereka memang tidak boleh mewujudkan sebarang bentuk permuafakatan. Yang jelas nampaknya, hanya

Barisan Nasional boleh mengadakan permuafakatan antara kaum [*Tepuk*] khasnya tentang pendidikan yang sesuai untuk negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan anak-anak buahnya dari DAP asyik memperjuangkan perkembangan sekolah Cina. Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan anak-anak buahnya pula menuntut supaya hanya satu bahasa pengantar sahaja digunakan dalam semua jenis sekolah. “Menuntut” dengan ini, membawa maksud bahawa sekolah-sekolah jenis kebangsaan China dan Tamil dan sekolah-sekolah Independent Chinese School hendak dihapuskan sama sekali.

Anehnya melalui pakatan gagasan rakyat semasa kempen di Pulau Pinang dalam pilihan raya Parti Semangat 46 langsung tidak pernah menyebut tentang menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal di semua jenis sekolah. Mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapatkan sokongan dari kaum Cina, tetapi jelas mereka gagal dan telah ditolak oleh rakyat. Gagasan itu sendiri juga telah ditolak sebulat-bulatnya. Sekarang mereka menukar haluan dan pendirian pula sehingga mereka tidak menghiraukan langsung sensitiviti kaum-kaum lain di negara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya rasa cukuplah, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini hari saya pula. [*Ketawa*] Sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Marang dan anak-anak buahnya sibuk menyatakan

bahawa taraf bahasa Inggeris telah diberi status yang lebih daripada Bahasa Kebangsaan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya pun hairan peruntukan mana dalam Rang Undang-undang ini yang menyatakan status bahasa Inggeris lebih tinggi daripada Bahasa Kebangsaan. Ya, dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian seperti ini di kalangan parti-parti pembangkang sebenarnya menunjukkan bahawa mereka tidak mampu mencapai persetujuan tentang satu sistem pendidikan untuk negara. Yang jelas ialah hanya Kerajaan Barisan Nasional boleh mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan semua kaum di negara ini. *[Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan anak-anak buahnya tidak mahu menyertai Majlis Perundingan Akta Pendidikan, tetapi apabila Majlis Perundingan itu mencadangkan seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 digugurkan dan Kerajaan Barisan Nasional yang terdiri dari parti-parti komponen mewakili pelbagai kaum di negara ini mempertimbangkan cadangan ini, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang hendak meraih kredit atas pengguguran tersebut, Bagaimana pula orang yang tidak hadir.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat, boleh beri jalan?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Bukan, kita sudah dengar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berucap 1 jam 18 minit....

**Tuan Lim Kit Siang:** Beri jalan, adakah Yang Berhormat Menteri takut!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sudah cukup, sudah cukup.

**Beberapa Ahli:** Duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sudah cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak beri jalan kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kita sudah beri 1 jam 18 minit - cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong, dia tidak beri jalan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya sudah teliti satu persatu, tidak ada benda, tidak ada idea baru..

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu minta Yang Berhormat Menteri *[Menyampuk].....*

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Cukup, jangan membuang masa Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada standard, tidak ada .....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Masa Dewan ini bernilai, Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong!

**Beberapa Ahli:** Besoklah!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang hendak meraih kredit atas pengguguran tersebut. Bagaimana pula orang yang tidak hadir dalam Majlis Perundingan tersebut mengambil kredit dalam perkara ini?

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak malukah..... *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Beri atau tidak beri jalan, saya hendak beri penjelasan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak beri lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak patut, saya hendak beri penjesalan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Satu jam, Tuan Yang di-Pertua, .....

**Beberapa Ahli:** [Boo!] [Sorak!]

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Buang masa.

**Seorang Ahli:** Aya! Tun Razak panggil lu!

**Seorang Ahli:** Memang tabiat!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sebab dia ganggu saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang balik. Tak malukah Ketua Pembangkang dari DAP menuai kredit hasil daripada usaha tanaman orang lain?

*[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, tak beri?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tak beri,....

**Tuan Lim Kit Siang:** Malulah.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tak beri - tak beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah dunia propaganda.....*[Menyampuk]*

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tak beri, dia buang masa Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malu!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya ulang balik, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....



**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak malukah, Ketua Pembangkang dari DAP menuai kredit hasil daripada usaha tanaman orang lain, 'lembu punya susu, sapi mahu nama' [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Beri jalan?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Mana boleh - mana boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malulah.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Ini susu...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .... susu Barisan Nasional ini,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .... ini sapi DAP hendak ambil nama - mana boleh - tak boleh - tak boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa malulah.....[*Menyampuk*]

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** ... tidak boleh, saya tidak beri, 1 jam 18 minit sudah cukup - sudah cukup, lebih lama daripada saya berucap membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana kesilapan sendiri.....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, rata-rata jelas sekali, pihak pembangkang memang langsung tidak ada sumbangan yang bererti dalam perbahasan mereka kecuali untuk meragut kredit murahan politik dengan memperkudakan kerusi mereka dalam Dewan ini. Kononnya mereka ingin memberi sumbangan idea dengan mengutarakan cadangan-cadangan untuk kebaikan sistem pendidikan negara, malangnya cadangan-cadangan mereka itu sebenarnya bukanlah perkara-perkara baru kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyampaikan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil berat tentang soal komputer dan internet. Beliau telah berucap seolah-olah kerajaan tidak tahu menahu langsung tentang perkara ini.

Sebenarnya program pendidikan komputer telah dirancang dan telah pun dilaksanakan oleh kementerian secara beransur-ansur. Ingin saya memaklumkan bahawa komputer dalam pendidikan telah diberi penekanan utama dalam usaha meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam bidang pengkomputeran di sekolah rendah dan menengah. Antara program yang dilaksanakan ialah program pengajaran, pembelajaran pembantu komputer sedang dilaksanakan berperingkat-peringkat. Antara tahun 1995 hingga 1996 terdapat 20 buah sekolah rendah yang terlibat dalam projek ini. Di samping itu pengajian komputer untuk tahun 4 dan 5 di sekolah rendah...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Buang masa sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sebab saya ada bab untuk Yang Berhormat dari Kepong, sekejap lagi, ada pointnya.

Di samping itu, pengajian komputer untuk tahun 4 dan 5 di sekolah rendah akan dilaksanakan dan sukatan pelajarannya sudah pun siap disediakan. Pendidikan komputer juga dijadikan mata pelajaran elektif di sekolah menengah atas. Sementara itu literasi komputer diberikan kepada pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga melalui aktiviti kelab dan kokurikulum.

Perlu juga saya tegaskan Kementerian Pendidikan juga sedang merancang untuk mengadakan Jaring dan Internet dan unit maklumat sudah pun diwujudkan di semua Jabatan Pendidikan Negeri. Pada ketika ini proses penyambungan kepada Internet melalui Jaring sedang dijalankan di 50 buah sekolah. Sebagai permulaan 4 buah sekolah di Kuala Lumpur telah pun dihubungkan secara terus dengan sistem Jaring dan pelajar di sekolah ini telah diajar menggunakan E-mail dan world wide web browser, dengan izin, untuk mendapat maklumat. Jadi, tidak usahlah pihak pembangkang mengheboh-hebohkan tentang program pendidikan komputer dan internet, seolah-olah perkara ini belum difikirkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tetapi satu perkara yang melucukan sementara Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersungguh-sungguh memperjuangkan pendidikan komputer dan Internet, anak buahnya dari Kepong pula mengingatkan kita supaya jangan terlalu ghairah dengan penggunaan komputer dan alat elektronik lain, kerana mengikut beliau ini boleh menyebabkan seseorang itu akan sakit-sakit tulang jari dan terbongkok-bongkok sebelum usia tuanya *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalankah kepada Kepong?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak ada, tidak beri jalan.

**Beberapa Ahli:** Duduk! Duduk!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Yang jelas tiada sebarang strategi atau program yang tersusun dikemukakan. Sepanjang perbahasan ahli pembangkang sememangnya selama ini pihak pembangkang memang tidak pernah ada program untuk dikemukakan. Kalau ada pun strategi pembangkang hanyalah strategi politik basi pada setiap kali pilihan raya dan setiap kali pula mereka ditolak oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kekhuatiran tentang 'tikus membaiki labu' yang telah saya sebutkan dalam ucapan pembentangan saya telah menjadi kenyataan, malahan lebih teruk lagi sebab tikus-tikus yang cuba membaiki labu tersebut banyak pula bilangannya. Cubalah bayangkan apa akan terjadi kepada labu yang cuba dibaiki oleh tikus-tikus mondok tersebut?

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pula telah menuduh bahawa oleh kerana Majlis Perundingan Akta Pendidikan tidak dibentangkan di Dewan yang mulia ini, maka laporan tersebut tidak pernah disediakan. Eloklah saya jelaskan perkara ini.

Laporan Majlis tersebut telah disediakan dalam dua bentuk. Pertama ialah laporan verbatim perbincangan majlis telah diedarkan kepada semua peserta. Kedua ialah laporan persidangan majlis tersebut yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Akta Pendidikan. Oleh kerana majlis tersebut ditubuhkan oleh Kabinet, apakah logiknya pula laporan berkenaan perlu dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Lagi pun semangat kedua laporan tersebut telah pun diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Pada pendapat saya, cadangan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu tidak lain dan tidak bukan hanya satu umpan politik semata-mata. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan tentang kuasa Menteri yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini. Tiap-tiap sistem memerlukan authority untuk menjamin kelicinan dan keluwesan perjalanan sesuatu sistem itu.

Sebenarnya kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Pendidikan dalam Rang Undang-undang ini, adalah kuasa biasa yang diperlukan untuk memastikan sistem pendidikan di negara ini berjalan dengan teratur dan sempurna. Kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri itu diperlukan untuk memudahkan serta mengawal

selia perjalanan sekolah dan institusi pendidikan. Tidak ada mana-mana pihak seharusnya bimbang dengan pemberian kuasa kepada Menteri oleh kerana Menteri Pendidikan sentiasa bertindak sebagai anggota Kabinet yang biasanya mengambil keputusan secara kolektif dan permuafakatan.

Sejarah pendidikan di negara ini telah membuktikan bahawa kuasa tersebut telah digunakan dengan adil dan saksama oleh Menteri-menteri Pendidikan. Tidak ada amalan diktator dalam pemerintahan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Mana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ni?*[Disampuk]* Lain halnya dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Dalam kempen pilihan raya baru-baru ini Ketua Pembangkang telah secara terang-terang menyatakan bahawa beliau ingin menjadi, dengan izin, Chief Minister with power, *[sorak]* Ini diperkukuhkan lagi dengan menggambarkan dirinya sebagai *Robocop*. Belum ada jawatan, sudah mahu power.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parti PAS mendakwa sistem pendidikan kebangsaan adalah sistem bercorak sekular. Sekiranya Ahli Yang Berhormat memahami konsep falsafah pendidikan negara, Yang Berhormat akan mengetahui bahawa konsep falsafah tersebut mengandungi proses pembangunan insan *[sorak - Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masuk Dewan]* yang merangkumi kedua-dua dimensi pembangunan akhliah iaitu berteraskan ilmu keduniaan dengan pembangunan nakhliah yang berteraskan kepada ilmu-ilmu ukhrawi.

Dalam Islam sebenarnya tidak ada sekularisme. Ianya hanya diadakan oleh Parti PAS. Adakah Ahli Yang Berhormat bermaksud bahawa mereka yang

menuntut ilmu seperti perakaunan, kedoktoran, sains dan teknologi lebih rendah nilainya di sisi Allah dan hanya mereka yang memasuki bidang Usulludin dan Syariah sahaja yang diredhai Allah [*Tepuk*]. Sekiranya itu fahaman Ahli Yang Berhormat memang nyata ianya begitu sempit dan jumud [*Tepuk*] dan inilah yang menimbulkan kecelaruan di kalangan pengikut-pengikut parti Ahli Yang Berhormat yang menyalahafsirkan konsep yang sebenarnya.

Sebab itulah ilmu-ilmu yang baik sentiasa bersepadu antara akhliah dan nakhliah, ukhrawi dan duniawi. Inilah matlamat pendidikan negara. Perkara ini diperjelaskan dalam falsafah pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah menyentuh beberapa perkara tentang pendidikan khas. Ingin saya menjelaskan bahawa kemudahan bagi pendidikan khas dan diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Untuk memperluaskan lagi pendidikan khas, program pendidikan inclusive, dengan izin, telah diperkenalkan dalam mana kanak-kanak dengan keperluan khas dan tidak mengalami masalah pendengaran atau pembelajaran yang serius ditempatkan di sekolah biasa bersama-sama dengan kanak-kanak normal. Bilangan pelajar dalam kelas pendidikan khas dikecil dan dihadkan mengikut jenis kecacatan murid. Selain dari itu, kanak-kanak yang bermasalah ringan, ditempatkan di bawah program kelas bercantum di sekolah-sekolah biasa.

Berhubung dengan soal kekurangan guru pendidikan khas, ingin saya jelaskan bahawa kekurangan ini adalah disebabkan kanak-kanak dengan keperluan khas memerlukan guru-guru yang mempunyai sifat-sifat istimewa seperti

kesabaran yang tinggi, keprihatinan yang mendalam serta kasih sayang dan minat yang tinggi terhadap kanak-kanak istimewa ini. Bilangan guru yang berminat kepada pendidikan khas adalah sangat terhad.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang berusaha mengatasi masalah ini melalui program penerangan, penjelasan dan motivasi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengambilan guru-guru pendidikan khas yang baru bagi tahun 1996 di Maktab Perguruan Ilmu Khas adalah seramai 70 orang iaitu 25 orang untuk kursus cacat pendengaran, 25 orang untuk kursus cacat penglihatan dan 20 orang bagi kursus khas bermasalah pembelajaran.

Berhubung dengan program pendidikan untuk kanak-kanak khas yang berumur 14 tahun ke atas, suka saya menjelaskan bahawa program tersebut memang disediakan. Murid-murid boleh belajar di tiga buah sekolah menengah pendidikan khas iaitu 2 buah di program cacat pendengaran dan sebuah untuk program cacat penglihatan. Perlu saya tegaskan di sini bahawa selaras dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat penyayang, maka Rang Undang-undang ini sebenarnya telah membuat peruntukan yang khusus bagi pendidikan khas iaitu seperti yang terdapat dalam Fasal 40 dan 41.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Batu dan Teluk Intan telah menimbulkan rasa kebimbangan terhadap kedudukan sekolah jenis kebangsaan yang tidak ditubuhkan oleh kerajaan bila membaca seksyen 17(1) dan seksyen 28. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat tidak perlu merasa bimbang kerana kedudukan sekolah-sekolah tersebut memang kekal seperti yang sedia ada. Ini



adalah kerana Fasal 151(a) memperuntukkan sekolah-sekolah ini telah berdaftar atau disifatkan berdaftar dan kedudukan dilindungi. Usahlah Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Machang, Kota Bharu dan Gua Musang telah mempersoalkan kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam Rang Undang-undang ini. Mereka menuduh seolah-olah Rang Undang-undang ini merendahkan kedudukan Bahasa Kebangsaan. Pendirian yang seumpama ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak membaca Rang Undang-undang ini dengan teliti atau mereka sengaja hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai isu selepas ketandusan modal yang lain.

Kalau diteliti Rang Undang-undang ini amat jelas sekali bahawa kedudukan Bahasa Kebangsaan telah dipertingkatkan. Seperti yang saya nyatakan dalam ucapan pembentangan saya dahulu, semenjak Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib mencadangkan supaya Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa pengantar utama, sehinggalah sekarang...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Machang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak beri jalan. Sehinggalah sekarang belum pernah diadakan undang-undang untuk memperuntukkannya tetapi Rang Undang-undang ini dalam mukadimahya dan

Fasal 17 memperuntukkan perkara ini buat pertama kalinya. Buat pertama kalinya juga Bahasa Kebangsaan dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah termasuk sekolah swasta. Bukanlah ini merupakan peningkatan kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pendidikan di negara ini.

Berhubung dengan soal kedudukan Bahasa Inggeris, biarlah saya nyatakan bahawa peruntukan masa yang diberikan kepada Bahasa Kebangsaan bagi sekolah rendah ialah 24 waktu seminggu berbanding dengan 8 waktu Bahasa Inggeris sahaja seminggu. Di peringkat menengah, 6 waktu diperuntukkan bagi pengajaran Bahasa Kebangsaan dan 4 waktu untuk pengajaran Bahasa Inggeris. Selain dari itu, penguasaan Bahasa Kebangsaan murid-murid diperkukuhkan lagi melalui penggunaannya sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh itu di manakah letaknya kebenaran tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Parti Semangat 46 dan PAS yang menyatakan bahawa bahasa Inggeris diberi kedudukan yang lebih tinggi dari Bahasa Kebangsaan. Yang jelas ini merupakan tuduhan yang liar dan tidak berasas dari parti-parti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang telah sengaja menyalahafsirkan niat dan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan sistem pendidikan kebangsaan dengan meletakkan prasekolah sebagai asas dalam pembangunan pendidikan. Program pendidikan prasekolah adalah digalakkan oleh kerajaan kepada mana-mana pihak yang hendak mengendalikannya secara persendirian tetapi perlulah

mendaftarkannya dengan Kementerian Pendidikan selari dengan dasar dan falsafah pendidikan negara.

Kalau pihak pembangkang sudah keliru dengan hasrat ini, jangan mengelirukan rakyat dengan dakwaan bahawa kerajaan berhasrat untuk menutup atau menyekat program prasekolah kecuali mereka menggunakan prasekolah untuk tujuan yang lain. Saya ingin menegaskan bahawa demi kepentingan masa depan bangsa, peluang dan kualiti pendidikan prasekolah tidak akan dikompromikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekolah rendah di negara ini mempunyai dua tahap. Tahap 1 yakni tahun 1 hingga tahun 3, tahap ke-2 tahun 4 hingga tahun 6. Saya hendak membuat pengumuman bahawa Kementerian Pendidikan akan mula melaksanakan kelas ekspres mulai tahun 1997 tetapi kelas ekspres ini dihadkan kepada mereka yang layak dan berkebolehan daripada tahun 3 di tahap 1 melompat ke tahun 5 di tahap 2. Ini adalah pada tahun tersebut iaitu selama tiga tahun kesan proses sosialisasi pelajar di tahap satu telah mantap setelah berada selama tiga tahun. Juga tahap penguasaan asas KBSR lebih kukuh pada ketika itu. Di peringkat ini juga, kemampuan dan kesan pengaruh prasekolah lebih stabil apabila pelaksanaannya akan diumumkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, mukadimah rang undang-undang ini mempernyatakan strategi visi pendidikan untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa perundangan untuk kita meju ke arah pencapaian Wawasan 2020 tanpa mengorbankan dasar asas Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Tentu sekali pelaksanaan rang undang-undang ini akan melibatkan banyak perubahan struktur, kurikulum, program dan sebagainya.

Pelaksanaan rang undang-undang ini akan disesuaikan dengan Dasar Pembangunan Nasional yang terdapat dalam rancangan-rancangan lima tahun Malaysia, oleh kerana pendidikan merupakan penentu utama kepada kejayaan sesuatu rancangan pembangunan.

Saya ingin menegaskan dan juga mengingatkan bahawa janganlah ada dari mana-mana golongan yang cuba menabur fitnah dan membakar sentimen rakyat dengan cara mengelirukan mereka melalui fakta-fakta yang tidak benar lagi palsu tentang hasrat murni kerajaan untuk membangunkan pendidikan di negara ini. Sesungguhnya persoalan pendidikan adalah sesuatu yang sensitif, yang tidak perlu sama sekali dipolitikkan secara sempit dan chauvinist di samping mempunyai niat jahat terhadap keikhlasan dan sikap liberal kerajaan. Jangan diremehkan usaha ini sehingga kestabilan dan keamanan negara terjejas.

Sekali lagi saya menyeru semua pihak dan rakyat untuk menerima Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini sebagai usaha murni kerajaan membangunkan pendidikan dan menjadikan titik tolak ke arah reformasi pendidikan yang komprehensif dan menyeluruh serta membawa kita ke milinium yang akan datang dengan penuh iltizam dan keyakinan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri telah habis menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**4.05 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) untuk ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** 54(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** 54, sebutkan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, untuk mencadang bahawa rang undang-undang ini diserahkan kepada jawatankuasa sebuah-buah majlis atas sebab-sebab berikut. Ini satu cadangan yang tak perlu notis yang atas sebab-sebab berikut:-

Pertama, sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi menyeru semua Ahli-ahli Parlimen menyokong rang undang-undang untuk membawa Malaysia ke milinium yang baharu tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri tak berani untuk memberi jalan kepada sesiapa yang mahu meminta penjelasan, yang menunjuk

bahawa beliau tidak keyakinan, tidak standard, tidak command menguasai subjek ini. *[Tepuk]*

Sekiranya menteri-menteri yang lain khasnya orang yang diharap satu hari boleh memuncak satu jawatan tertinggi di tanah air kita dan haraplah di masa depan kalau tidak mahu memberi jalan kepada lain orang, jangan dalam ucapan memberi sebab kenapa buat cadangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cuba padatkan ucapan dan Yang Berhormat, saya rasa ini bukan masanya Yang Berhormat untuk mengambil kesempatan untuk berhujah, ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya belum sebut sebab ini, supaya di masa depan kalau tak mahu beri jalan, janganlah ganggu orang yang lain, mahu ada itu standard reciprocity, jangan tidak ada itu standard.

Kedua, oleh kerana beberapa pindaan yang kita ada kemukakan yang patut menjadi satu penumpuan perbahasan dalam Dewan yang mulia ini dan mengikut semangat pendemokrasian tetapi ada di tolak dan ini tidak akan memberi ruang yang secukupnya untuk mengkaji semua peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini. Sebenarnya, kita ada lapan pindaan yang telah dikemukakan yang nampaknya sudah di tolak; pindaan mengenai tafsiran tanah, sumbangan modal yang akan meliputi tanah, tafsiran mengenai sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di mana pindaan kepada Fasal 17, mengenai seksyen 28, mengenai preamble, pindaan kepada 69 mengenai peperiksaan bersama sekolah menengah persendirian Cina yang dianjurkan oleh dong ziau Chong untuk

sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia dan kita rasa bahawa perlulah satu rujukan rang undang-undang supaya semua pihak boleh ada satu peluang untuk mengkaji, membincang dan memberi input yang lebih mendalam.

Sungguhpun ada majlis perundingan Rang Undang-undang Pendidikan tetapi tentulah Yang Berhormat Menteri tidak bermakna bahawa sebelum penubuhan majlis perundingan Rang Undang-undang pendidikan bahawa dalam draf 1990 kerajaan yang ada disediakan dalam draf itu tidak mahu memansuhkan peruntukan 21(2), kemudian baru mahu memansuhkan 21(2) ini, sebab itu perlu semua dirujuk untuk select committee untuk perbincangan.

Baiklah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya benarkan Yang Berhormat untuk membangkitkan point of order, tetapi ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan point of order, ini untuk kemukakan satu Usul, bukan point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Usul, baik! Ya, 54(2).

**Tuan Lim Kit Siang:** 54(2), ya, bukan point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 54(2) Usul yang disebutkan itu memang kena dikemukakan bagi diputuskan. Tetapi sebelum itu, elok juga kalau saya dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa walaupun terdapat beberapa cadangan pindaan terhadap peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam akta ini tetapi sekiranya kita meneliti Peraturan Mesyuarat yang sedia ada, dan

kalaulah terdapat mana-mana perkataan ataupun isi kandungannya bertentangan dengan fasal yang sedia ada, maka ianya boleh di tolak. Yang Berhormat cuba telitikan, ya. Dan teliti apa yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat.

Menurut Peraturan Mesyuarat 54(2) sepertimana yang saya sebutkan tadi, sekarang saya suka mengemukakan masalah ataupun Usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong kepada mesyuarat ini untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan Usul tidak disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

## **Fasal 1**

### **4.13 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada sesuatu Yang Berhormat? Point yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** 57(3)

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.



**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya baru menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Pendidikan dikemukakan oleh saya pada 14hb. Disember, telah ditolak kerana tidak mengikuti peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 57(3) dan 57(4). Di sini saya tidak nampak macam mana ia tidak kena bila saya hanya pinda, seperti suatu contoh - sumbangan modal di mana bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi mengadakan bangunan dan tanah sama ada hakmilik kerajaan atau persendirian yang digunakan untuk tujuan pendidikan. Saya rasa ini tidak ada apa-apa unsur percanggahan atau tidak kena pada tempatnya atau menyalahi Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bolehkah saya mendapat penjelasan macam mana keputusan dibuat kerana saya amat tidak puas hati, hak saya untuk membuat pindaan telah dinafikan?

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Nanti dahulu Yang Berhormat, belum sampai giliran.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** Point of order, Tuan Pengerusi. 57(3) dan 57(4).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, 57(3) dan 57(4). Saya akan membuat keputusan. Memang, itu adalah hak Yang Berhormat berdua untuk mencadangkan pindaan yang difikir wajar. Tetapi, elok juga Yang Berhormat, sepertimana yang saya nasihatkan tadi, sekiranya Yang Berhormat meneliti apa

yang tertera dalam Peraturan Mesyuarat 57(3) dan 57(4), maka jelaslah ianya juga tertakluk kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua, sama ada ianya melanggar syarat-syarat perenggan yang berkenaan atau tidak. Saya rasa sebelum Yang Berhormat membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini mungkin Yang Berhormat telah mendapat notis atau pemberitahuan dan saya rasa elok juga Yang Berhormat .....

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]* Ya, saya setuju dengan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekarang ini bukan masanya untuk Yang Berhormat mempertikaikan keputusan Kerusi. Sebab keputusan ini setahu saya memang telah pun dibuat dan juga disampaikan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, sungguhpun saya telah membuat cadangan ini dan telah memberikan pemberitahuan pada 14hb. Disember, saya hanya dapat surat penolakan sebentar tadi sahaja. Oleh sebab itu, kalau saya mendapat semalam, saya akan mengikut nasihat oleh Tuan Pengerusi untuk berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tidak ada peluang langsung, saya hanya mendapat surat baru ini sahaja dan sekarang sudah masuk ke peringkat Jawatankuasa. Oleh sebab itu, saya tidak nampak macam mana cadangan saya untuk membuat pindaan telah dinafikan dan telah ditolak. Atas dasar apa pun saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya memang tidak hendak bercakap panjang lebar tentang perkara ini, cuma satu sahaja yang saya ingin mengingatkan Yang Berhormat. Sebenarnya, kelmarin atau malam semalam, kalau tidak silap saya jawapan itu telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak, saya rasa saya hanya menerimanya di sini sahaja. Saya boleh 'confirm' dengan Usher, itulah yang saya terima.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya cuma terima di sini sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat, saya tahu.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan hendak menimbulkan perkara yang besar, tetapi itulah .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu, oleh kerana itu bukan ditandatangani oleh Tuan Pengerusi, maka saya tahu Tuan Pengerusi dalam keadaan yang serba salah. Kalau hendak bercakap setuju, nanti kena dan kalau hendak bercakap tidak bersetuju, nanti susah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya rasa tidak elok dan wajar Yang Berhormat membuat sangkaan terhadap Kerusi. Ini bukan caranya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi saya hendak merekodkan perasaan yang tidak puas hati dan membantah dengan sekeras-kerasnya tentang keputusan yang saya rasa tidak adil dan menafikan hak saya sebagai seorang wakil rakyat, di mana saya dipilih oleh rakyat untuk membuat pindaan bagi memenuhi kehendak rakyat.

*[Pembesar Suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa ini bukan masanya untuk Yang Berhormat menunjukkan kemarahan ataupun hendak melepaskan geram.

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana saya boleh buat, hasrat penting saya boleh ditolak tanpa alasan. Itu saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebenarnya, kertas warna hijau itu telah pun diedarkan, setahu saya, termasuk juga Yang Berhormat sendiri telah pun menerimanya semalam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, semalam saya ada tanya Timbalan Yang di-Pertua, dan ia memberitahu bahawa dia akan siasat. Dan baru hari ini kita tahu bahawa dia ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 57(3) dan 57(4), tetapi tanpa diberikan sebab, baru tadi sahaja diterima. Jadi, macam mana pentadbiran ini dijalankan dan hak saya dinafikan. Itu pokoknya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sudah bercakap bahawa saya hendak memberi nasihat yang wajar dan saya rasa Yang Berhormat, sebagai seorang Ahli lama, Yang Berhormat tahu juga caranya dan

sekarang bukan masanya Yang Berhormat kritik saya semacam ini, saya rasa itu tidak wajar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu, Tuan Pengerusi, tetapi itu bukan cara yang diamalkan sebelum itu dan saya rasa, ini menafikan hak saya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, point of order 42.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, oleh sebab dia telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat.....

**Dato' Yap Pian Hon:** Point of order 42. Bila-bila ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka siapa-siapa Ahli yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap hendaklah duduk. Ini tidak menghormati Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, cukup jelas Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Duduk.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya rasa Yang Berhormat mesti akur kepada apa yang diputuskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akur. Tetapi ini untuk rekod protes saya, saya rasa memang tidak puashati.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu hak Yang Berhormatlah, demikian juga Yang Berhormat berdua dari Bagan dan Kota Bharu. Saya faham itu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.....

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** Tuan Pengerusi, atas perkara yang sama, memang benar, tetapi saya berhak juga untuk menyuarakan ketidakpuasan hati atas.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sila, Yang Berhormat bangun atas Peraturan Mesyuarat apa?

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** Atas 57(3) dan 57(4). Jadi, pada saya itu tidak betul. Saya minta maaf. Saya terpaksa menyatakan bahawa tidak patut dan tidak adil kerana dalam 10 perkara yang saya bangkitkan untuk dipinda, tetapi hanya diterima 3, dan apakah alasan yang itu diterima, yang ini ditolak, iaitu 3 sahaja di terima dan 7 lagi ditolak. Apa alasannya? Kalau alasannya 57(3), saya tidak nampak alasannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak:** Jadi, itulah sebabnya saya rasakan tidak patut. Sepatutnya kita dimaklumkan atas sebab-sebab sebenar ia ditolak, jadi kita boleh memperbaiki.

Saya telah menghantarkan notis itu pada 15hb. dan sekiranya notis itu tidak mencukupi dari segi pembentangannya (presentation) mungkin tidak sesuai, maka saya telah menghantar sekali lagi, cuba untuk memperbetulkan sekiranya ada kelemahan pada hari semalam tetapi masih juga tidak ada apa-apa alasan di pihak Parlimen untuk menolak. Jadi, bagi saya, saya fikirkan tidak puas hatilah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan cuba fahamkan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Satu demi satu, ada masa Yang Berhormat. Machang nanti dahulu. Saya hendak cuba menangani apa yang dibangkitkan oleh Kota Bharu tadi.

Yang Berhormat Kota Bharu, sukalah saya menasihatkan Yang Berhormat, ini pun bukan perkara yang patut kita gunakan kaedah trial and error. Ini bukan trial and error, Yang Berhormat dan lagi pun saya rasa, apa yang saya putuskan tadi bila Kota Melaka bangun atas point of order itu cukup jelas.

Jadi, sekiranya Yang Berhormat tidak puas hati dengan tiadanya hujah-hujah kenapa cadangan pindaan itu ditolak, saya rasa Yang Berhormat boleh uruskan kemudian ikut kaedah yang berpatutan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, banyak ini. Ya, Machang dahulu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 57(3) dan 57(4).  
Saya bacakan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baca.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya baca point of order ini supaya dapat mencari kata putusnya, Tuan Pengerusi.

“Seseorang Pengerusi tidak boleh menolak di bawah Peraturan 57(3) dan (4) kecuali atas sebab-sebab yang dinyatakan di dalam perkara berkenaan”.

Perkara 57(3), antara satu sebab yang dicadangkan, yang memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menolak ialah bahawa jika sesuatu fasal itu, yang dicadangkan itu akan menjadi fasal yang bertentangan dengan fasal-fasal lain yang ada dalam Akta. Antara sebab-sebab disebut: yang kedua; sia-sia, yang ketiga; jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali. Atas alasan ini sahaja Pengerusi berhak menolak.

Sekarang ini, kami telah menfailkan 7 cadangan. Jadi, kami tidak diberi tahu di atas perenggan mana ianya bercanggah. Di bawah peraturan mana? Adakah peraturan 57(4)(a), (b) atau (c)? Tidak diberi tahu. Ini tidak bertanggungjawab langsung, Tuan Pengerusi. Ini perkara serius. Langsung tidak bertanggungjawab.



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jangan bersikap menang sorak, kampung tergadai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Machang, saya rasa suara yang lain itu Yang Berhormat janganlah hiraukan sangat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta mereka bersopan, Tuan Pengerusi. Minta mereka bersopan. Saya tidak akan ganggu mereka, Tuan Pengerusi.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum Cheras ataupun Bagan hendak bangkitkan perkara yang sama, saya hendak beri tahu Yang Berhormat yang terlibat sama ada penolakan cadangan pindaan itu disebabkan oleh 57(4)(a), (b) atau (c). Saya rasa, kalau Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat boleh minta jawapan bertulis tetapi sukalah saya ingatkan Yang Berhormat berkenaan....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, sabar. Tadi Yang Berhormat sudah baca 57(4)(a), (b) itu luas perangkumannya, 'sia-sia' dan juga di antara cadangan pindaan yang tertentu yang dibangkitkan itu ada juga yang melanggar syarat-syarat perenggan asal. Cuma Yang Berhormat hendak minta satu jawapan khusus. Itu sahaja yang saya tahu dan saya rasa sekiranya ini terhad

kepada keurusetiaan dan prosedurnya, Yang Berhormat boleh minta, tetapi di sini saya sebagai Yang di-Pertua, saya kena jalankan tugas saya supaya semua fasal yang berkenaan itu dapat kita bahas dengan sebaik mungkin.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cheras sama juga saya tahu sebab Yang Berhormat....

**Tuan Tan Kok Wai:** Perkara yang tidak sama, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Memang point of order yang sama, perkara yang tidak sama. Untuk makluman Tuan Pengerusi, saya sudah memberi notis saya kepada Tuan Pengerusi....*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup. Saya tidak akan ulangi apa yang saya ....

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ada hak untuk point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Hak itu memang ada tetapi ingin juga saya beri tahu Yang Berhormat sekiranya perkara yang sama diulangi lagi ataupun Yang Berhormat sengaja tidak mahu mengerti apa yang diputuskan, saya tidak akan melayani apa yang diulangi oleh Yang Berhormat. Saya tidak akan beritahu dan saya tidak akan beri nasihat lagi, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat. Kalau ada perkara yang baru,

boleh Yang Berhormat bangkitkan. Itu hak Yang Berhormat. Kalau Peraturan Mesyuarat yang sama juga, jadi apa perkara yang baru itu? Saya hendak tahu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Perkara yang baru ialah saya sepertimana yang diterangkan oleh Tuan Pengerusi, kita minta sebab khusus, alasan yang khusus. Saya telah memberi tahu kepada Tuan Pengerusi bahawa saya bercadang untuk meminda kepada Rang Undang-undang, notis diberi selama 6 hari dan saya tidak boleh diberikan satu alasan yang khusus mengapa pindaan saya ditolak. 6 hari!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mengertikah apa yang saya sebutkan tadi dalam Bahasa Malaysia?

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi tidak ada sesiapa.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekiranya ini bersabit.... nanti dahulu. Sekiranya ini bersabit lagi, dengan keurusetiaan, saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat ungkit-ungkitkan lagi. Saya sudah buat keputusan tadi. Yang Berhormat boleh minta secara bertulis. Ini serius.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah ini masalah urusetiakah atau masalah dengan Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak. Yang Berhormat, saya kata keurusetiaan, bukan urusetia. Okay?

**Tuan Tan Kok Wai:** Cukup jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang mustahak. Kita Dewan yang tertinggi di tanah air kita. Lebih tinggi daripada mahkamah dan perlulah apa pengurusan kita, apabila menguruskan proses perundangan dilihat bukan sahaja keadilan dilakukan, bukan sahaja....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Nanti dahulu, saya akan beri peluang. Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** 57(3).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan sahaja keadilan perlu dilakukan tetapi keadilan perlu dilihat dilakukan. Justice not only must be done, but must be seen to be done. Kalau dalam Parlimen kita pun tidak faham ini, apa kelayakan kita meneruskan undang-undang untuk seluruh negara? Apa kelayakan kita untuk duduk di sini sebagai Ahli Parlimen? Malu! [Tepuk] Saya mahu tadi ialah mengenai...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat, kalau hendak bangkitkan sesuatu mengikut Peraturan Mesyuarat, saya izinkan. Tetapi Yang Berhormat rupa-rupanya Yang Berhormat cuba hendak mengambil kesempatan untuk berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sikap Ahli-ahli Parlimen yang kita perlu bongkar. Tidak boleh benarkan sikap yang begitu tidak bertanggungjawab mengenai satu Rang Undang-undang Pendidikan yang begitu mustahak dan suasana yang begitu mustahak, tidak begitu bertanggungjawab. Saya tidak tahu kenapa Yang

Berhormat Menteri takut kemukakan, menerima, melayani pindaan-pindaan semacam ini tetapi saya masuk ke Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tenang Yang Berhormat, yang lain. Ya, tenang dan sabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini satu perkara yang malu, sejarah Parlimen. Peraturan 57(3)...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu sudah sebut, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sudah sebut tetapi angle yang baru. Sebenarnya ini 57(3) tidak boleh pakai. Tidak boleh pakai langsung. Kita baca, tidak boleh pakai langsung. “Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal yang telah disetujui”. Belum ada satu fasal disetujui. Tidak boleh dipakai. “Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal yang telah disetujui atau dengan apa-apa ketetapan yang telah diambil”. Tidak ada apa ketetapan yang diambil. Tidak ada apa-apa Fasal disetujui oleh Jawatankuasa itu dan pada bila-bila masa dalam perbahasan, itulah precondition.

Bagaimana boleh 57(3)? Tak boleh pakai! Ini ditolak, out. Keadilan! Keadilan bukan sahaja perlu dilakukan, dilihat dilakukan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat memang boleh cadang ataupun berpendapat bahawa ini tidak boleh diterima.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh. Saya percaya.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat boleh bangkitkan, tetapi biarlah saya buat keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Betul. Kita percaya bahawa kerusi kita adalah satu kerusi yang bijaksana dan yang tidak membuat keputusan yang tidak adil dan tidak berasas. Ini sangat jelas. Tidak ada interpretasi yang kedua. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kalau berani, berdiri, cakap pun mahu setuju. Kalau berani berdiri, cakap pun mahu bersetuju, bukan? *[Disampuk]* Berani bercakap? *[Ketawa]*

57(4), “Pengerusi boleh.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh tiga orang berdiri? Boleh dua orang berdiri?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar.

*[Disampuk]* Yang Berhormat, sopanlah sedikit.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Dia belum habis lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak boleh tumbang.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bila hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, tidak boleh menyampuk ataupun mencelah.

Faham? *[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat - point of order di atas point of order, belum ada. Belum ada! Belum ada point of order di atas point of order!

*[Disampuk]* Belum ada. Belum ada!

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum ada!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....kalau Yang Berhormat tak dengar itu, saya rasa bukan tanggungjawab saya. Biarlah dia bangkitkan 57(3). Dia sudah sebut tadi. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Duduklah, duduk!

**Tuan Noh bin Omr:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! Tanjong.....Tanjong teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Parit Sulong bangun, atas apa ini? Ya?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi telah buat ruling, buat apa hendak beri dia lagi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, 57(3) dan (4) tadi, Tuan Pengerusi telah pun membuat ruling. Tuan Pengerusi sudah buat ruling, apa hendak beri dia bercakap lagi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebab dia ini, dia bangun di atas peraturan mesyuarat yang sama, tetapi kononnya ada sudut yang baru!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, new angle! *[Ketawa]* New angle. Tentunya new angle! *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu teruskan. Saya mahu teruskan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa masa itu berjalan. Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap dia boleh ikut peraturan. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya akan jawab!

**Tuan Lim Kit Siang:** 57(4) ada tiga bahagian;

“(a) akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda

itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya;

atau

(b) sia-sia; atau

(c) jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan

semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak

memasukkan syarat-syarat lain.”



Sungguhpun inilah keputusan muktamad Tuan Pengerusi untuk memilih mana-mana bahagian, tetapi perlu diberi notis supaya kita faham oleh kerana keadilan perlu dilakukan dan dilihat dilakukan. Kita harap bahawa kita boleh menjadi satu contoh yang baik kepada negara kita - akauntabiliti. Tuan Pengerusi pun mahu akauntabiliti. Sungguhpun muktamad, tetapi.....*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, peluang telah pun diberi, Yang Berhormat, jangan hendak ambil kesempatan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, memang akauntabiliti, tetapi muktamad, macam hakim-hakim.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukup!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup!

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan bahawa Dewan ini boleh ditangguhkan supaya kita boleh mengatasi masalah ini dalam satu suasana *[Disampuk]* yang bertanggungjawab, bukan...*[Disampuk]* Di sana apa bising-bising? *[Disampuk]*

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Nanti dahulu Yang Berhormat. Takkan Yang Berhormat tak faham?

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, saya akan buat keputusan. Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya rasa dakwaan tadi itu tidak berasas sama sekali kerana sekiranya Yang Berhormat meneliti 57(3), memang bacaan kali yang kedua telah pun berlalu. Di peringkat preliminary, ianya telah pun dipersetujui dengan voice vote. Ini pertama. Yang Berhormat, takkanlah kata semua fasal ini belum lagi disetujukan. Cuma sekarang ini, kita beralih ke peringkat Jawatankuasa dan inilah peluang untuk Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawatankuasa....Jawatankuasa, sorry, bukan kepada Dewan yang full house.....Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, jangan menyampuk, Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, ini salah! Salah kita menimbulkan dalam Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya habiskan. Yang Berhormat, saya rasa soal kebertanggungjawaban itu, itu tetap ada! Sebab, saya sudah nasihatkan Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kota Bharu tadi, sekiranya tidak puas hati ataupun hendak dapatkan sebab-sebab kenapa cadangan pindaan itu ditolak, ianya boleh diuruskan. Ini semuanya bersabit dengan

keurusetiaan dan bukannya Yang Berhormat dinafikan hak Yang Berhormat. Itu tak timbul.

Jadi, saya rasa dakwaan tiada pertanggungjawaban dan sebagainya, itu tidak timbul sama sekali dan saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Saya tidak akan melayani hujah-hujah yang sama yang berulang kali diungkit-ungkitkan itu. Ini sudah cukuplah. Sama ada Bagan atau sesiapa, kalau ada yang baru, boleh saya layan. Kalau tidak, saya nasihatkan Yang Berhormat, janganlah buang masa.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, saya beri Tanjong Karang dahulu.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, walaupun saya hendak bercakap 57(4), hendak minta penjelasan daripada Tuan Pengerusi. Di dalam 57(4) ini, ini adalah clause budi bicara Tuan Pengerusi. Tidak ada sebut pun di dalam ini mesti diberi jawapan secara bertulis. Kalau di dalam ini disebut jawapan bertulis, bolehlah secara bertulis! Tetapi sekarang ini, budi bicara. Apabila budi bicara tadi, telah diterang oleh Tuan Pengerusi, saya rasa tidak perlu ditimbulkan lagi 57(4). Ini the matter of procedure, budi bicara Tuan Pengerusi. Saya rasa pembangkang ini tidak faham dan tidak membaca Perlembagaan ini!.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nasib baik bukan semua peguam di negara kita seperti dia! *[Disampuk][Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar.....sabar!  
Yang Berhormat, sabar! Memang, kalau menurut apa yang tersurat dalam 57(4) ini memang apa yang dikatakan oleh Tanjong Karang itu benar. Tetapi untuk menyuburkan semangat demokrasi, saya memang nasihatkan Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Kota Melaka supaya kalau tak puas hati, bolehlah menguruskannya dengan kaedah yang betul, iaitu....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa tak elok Yang Berhormat menyampuk macam ini. Saya sudah cakap, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Bagan, ada apa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** 57(3) dan (4) *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini sama juga. Tak payahlah!  
*[Disampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan. Tuan Pengerusi, beri peluang untuk saya. Bukan...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya dah cakap tadi. *[Disampuk]* Saya sudah beri keputusan muktamad. Itu dia.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Parit Sulong bangun atas apa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sekarang kita sudah putus, saya kata 57(3) dan (4) sudah putus. Jadi, saya minta Tuan Pengerusi teruskan dengan Urusan Mesyuarat. Itu sahaja. *[Tepuk][Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Memang hendak teruskan, Yang Berhormat, sabar. Setiausaha, sila.

**Fasal 1 -**

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**4.39 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, walaupun saya telah terima surat yang sama, baru sahaja tadi pada pukul 2.30 petang mengenai .....*[Disampuk]* Saya hendak ulas mengenai cadangan pindaan saya ke atas mukadimah di dalam Rang Undang-undang ini. Ini satu perkara yang baru. Saya ingat Parit yang Sulong itu tak faham langsung. *[Disampuk]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun ini. Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia belum cakap lagi, Yang Berhormat. Dia belum cakap lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejaplah. Tunggu sekejap parit yang sulong. Saya hendak terangkan, walaupun Tuan Pengerusi telah menggunakan Peraturan 57(3) dan (4) untuk menolak pindaan saya, saya sanggup membangkitkan sekali lagi iaitu.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Fasal yang beberapa Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, mukadimah. Mukadimah ini.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat itu kemudian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu Fasal 1....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mukadimah selepas Fasal 1?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini gopoh-gapah sangat ini.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tengok dahulu.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini satu perkara yang songsang, bermula dengan Mukadimah, kemudian Fasal 1.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini songsang dah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak juga, Yang Berhormat -  
tidak juga,.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** ... ada peluang lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada peluang, ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sabar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu perkara songsang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak songsang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak songsang? *[Ketawa]*

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Setiausaha.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kemudian Mukadimahnya mana?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

**Fasal 2 -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Bharu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Fasal 2 muka surat 16 iaitu berkaitan dengan istilah pendidikan prasekolah. Tetapi sebelum saya....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dinasihatkan cadangkan apa yang hendak dipinda dan bukannya menyentuh pada soal-soal yang lain, yang tidak berkaitan.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tetapi saya hendak tahu mengapa Mukadimah tidak boleh dibincangkan sekarang?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa itu pun bukan satu soal yang patut dipertikaikan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Sebab tadi kata selepas Fasal 1 terus kepada.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, yang dimaksudkan itu selepas ini, Fasal 2 sekarang ini ada pindaan, ada cadangan pindaan, itu pun saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukan tidak beri peluang.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Saya terima, tetapi saya rasa peliklah Mukadimah sepatutnya didahulukan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekarang ada api tau! Duduklah nanti dia nak marah.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ada point of order, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Pengerusi,.....



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ya, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order. 57(1)....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Hendak minta ruling, saya hendak minta pentafsiran daripada Tuan Pengerusi. Perkara 57(1) itu dia kata:

“57(1) Setiausaha hendaklah menyebutkan nombor tiap-tiap fasal atau beberapa fasal dalam Rang Undang-undang itu lepas satu fasal satu fasal.....”

Jadi, saya hendak tanya Mukadimahny adakah fasal? Fasal berapa, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa cukuplah. Yang Berhormat saya beri peluang kepada.....

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** .....Kota Bharu mencadangkan apa yang hendak dipinda.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Dalam pentafsiran pendidikan prasekolah saya ingin mencadangkan supaya digantikan angka '5' kepada angka '4', kerana sepertimana saya telah ucapkan dalam ucapan dasar semalam, perkembangan pesat di dalam dunia persekolahan khususnya pendidikan awal

dalam abad ini, lebih kurang 40-50 tahun kebelakangan ini, perkembangan begitu pesat sekali di dalam pendidikan awal persekolahan. Jadi, kita haruslah bergerak serentak dengan perkembangan-perkembangan di dunia dan yang sedang menjadi realiti di tanah air kita sendiri. Kalau kita lihat rata-rata khususnya di bandar-bandar besar, tadika-tadika menggunakan pendekatan-pendekatan .....*[pembesaran suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, teruskan.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** ... tadika-tadika menggunakan pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan jiwa ataupun fitrah kanak-kanak yang membolehkan kanak-kanak menimba ilmu di peringkat umur yang sangat awal. Kalau berbandingkan dengan zaman kita dahulu....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat ....

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:**..... kita masuk kindergarten ataupun tadika pada peringkat umur.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya dari Kota Bharu ini. Sebagaimana saya tahu pemimpinnya menolak Rang Undang-undang ini, kalau dia hendak meminda bermakna dia setuju, adakah Yang Berhormat setuju dengan Rang Undang-undang ini? Tidak payahlah kalau begitu!

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Janganlah putar-belit di sini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Bagi kami dari Parti Melayu Semangat 46, kami telah pun menyatakan oleh tiga wakil, Gua Musang, saya sendiri dan juga wakil dari Machang, iaitu bagi kami ada yang baik di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi beberapa perkara yang pokok, khususnya berkenaan dengan bahasa pengantar yang kami tidak dapat setuju.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Setuju?

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tidak pandaikah bahasa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak...

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Itu saya kata janganlah kita di sini bermain putar-belit. Pada saya sebenarnya kalau hendak mengikut hati saya, saya tidak mahu membincang dalam Jawatankuasa ini, disebabkan pindaan-pindaan yang pokok, iaitu berkenaan dengan seksyen ataupun Fasal 17, Fasal 15, Fasal 143 dan Fasal 50 ditolak....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, diingatkan hanya Fasal 2 sahaja....

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang saya benarkan...

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** ... tetapi dia hendak ajak saya bincang dalam perkara ini....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang saya benarkan Yang Berhormat bangkitkan bukan yang lain.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Pengacaulah dia ini.  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu pun Yang Berhormat beri jalan pada dia.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Saya tidak patut beri jalan lagi ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat. [Ketawa]

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Saya pun setuju dengan Tuan Pengerusi. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pendekatan-pendekatan yang sedang diambil oleh beberapa sekolah tadika seluruh negara khususnya di bandar-bandar besar, dia sangatlah sesuai dengan jiwa dan fitrah kanak-kanak sehingga membolehkan kanak-kanak menimba ilmu pada peringkat yang sangat awal. Kalau di zaman kita dahulu umur 6 tahun belum boleh membaca, adalah segelintir kita yang boleh membaca, tetapi biasanya apabila kita masuk sekolah barulah kita pandai membaca pada umur 7 tahun. Tetapi sekarang ini dengan pendekatan-pendekatan yang telah diperkenalkan oleh tadika-tadika, kita dapati anak-anak umur sangat muda, umpamanya kalau yang dihantar ke tadika sendiri pun sudah boleh membaca pada peringkat umur 3 tahun. Ini bukan satu perkara yang pelik,

sudah berlaku dengan begitu berleluasa. Jadi, oleh sebab itu, tadika sekarang ini tidaklah harus, kalau mengikut rancangan ataupun cadangan Rang Undang-undang ini hendak dimulakan pada umur 5 tahun, sepatutnya dimulakan pada peringkat umur yang lebih awal..

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Dato' Menteri bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, jangan buang masa Dewan ini. Saya hendak jelaskan bahawa Yang Berhormat dari Kota Bharu tersilap fakta ini, sebab pengertian pendidikan prasekolah dalam Akta ialah berumur 4 hingga 6 tahun. Jadi, Yang Berhormat kata 5 sampai 6 tahun, tetapi sebenarnya 4 hingga 6 tahun. Kita sudah masukkan lebih awal daripada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Bharu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Bukan, yang saya maksudkan sebenarnya ialah 4 dan 5 itu sebab ia berikutan dengan cadangan saya seterusnya iaitu persekolahan dimulakan pada peringkat umur 5 tahun, membolehkan kanak-kanak masuk pada peringkat umur 5 tahun. Sekarang ini kalaulah Rang Undang-undang ini diluluskan, maknanya kanak-kanak yang pintar tidak dapat tempat.

Saya tidak ada masalah sekiranya pihak kementerian atau kerajaan mahu memindahkan peringkat prasekolah kepada 3 tahun, 3 hingga 6 tahun atau 3 hingga

5 tahun, pada saya tidak menjadi masalah. Yang mustahaknya kita memberi peluang kepada kanak-kanak pintar untuk masuk alam persekolahan di peringkat tadika seawal yang mungkin mengikut kematangan masing-masing. Kita harus berjalan , bergerak, we move with the time.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya tidaklah bercadang hendak cakap panjang dalam perkara ini sebab saya sudah pun mengeluarkan hujah-hujah saya di dalam ucapan dasar tetapi saya ingin mengingatkan kita semua bahawa negara kita mampu mengeluarkan ramai rakyat pada peringkat awal, maknanya umur yang muda yang berpotensi untuk menjadi gifted ataupun genius sekalipun dengan syarat kita memberi peluang kepada ibu bapa untuk memasukkan mereka di institusi-institusi yang memperkenalkan pendekatan-pendekatan yang membolehkan mereka merealisasikan potensi kanak-kanak itu.

Oleh itu, saya mohon mencadang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada yang menyokong, tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun dan bertanya sesuatu kepada Tuan Pengerusi]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Akan dibahaskan, Yang Berhormat. Akan dibahaskan. Yang Berhormat tak kan tidak tahu kaedahnya?  
*[Tepuk]*

Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam slip pindaan yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi sekarang terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Machang.

**Beberapa Ahli:** *[Sorak]*

**4.52 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tengoklah Tuan Pengerusi, inilah sikap inilah perangai, perangai semacam inilah perangai yang langsung tidak bertanggungjawab, Tuan Pengerusi. Tidak layak duduk dalam Dewan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun dan menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Rompin, berilah peluang kepada dia.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi telah disalahtafsirkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu ialah supaya kanak-kanak yang umurnya lebih muda dapat dimasukkan ke sekolah secara formal, bukan pendidikan prasekolah tetapi secara formal kerana berdasarkan kepada perkembangan dan kedudukan sekarang, situasi sekarang di mana kanak-kanak yang mencapai umur yang kadang-kadang 3 tahun sudah pun tahu membaca dan menulis, jadi alangkah malangnya kalau

kanak-kanak sedemikian terpaksa menunggu tempoh tiga atau dua tahun lagi sementara dapat memasuki sekolah secara formal kerana tahap pencapaian pendidikan mereka, membaca dan menulis adalah lebih terdahulu daripada orang-orang lain atau kanak-kanak lain. Jadi, adalah dicadangkan, Tuan Pengerusi, supaya had umur untuk memasuki sekolah secara formal, bukan peringkat prasekolah. Peringkat prasekolah memang boleh dimasukkan awal, tetapi secara formal supaya had umur itu dikurangkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Dato' Menteri, sila jawab.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu tidak faham, dia yang tidak faham. Bila kita cadangkan dasar prapersekolahan dengan pengertian umur di antara 4 hingga 6 ertinya prapersekolahan akan dijadikan sebahagian dari pendidikan yang formal bukan dalam bentuk sekarang ini. Kurikulum ditingkatkan, guru dibekalkan guru yang terlatih, premisnya lebih baik dan sebagainya. Itu yang dimaksudkan dengan cadangan ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang terhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera didalam slip edaran oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi dikemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*].



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebelum Machang berucap, saya hendak maklumkan Yang Berhormat Kepong dan juga Tanjong Karang tadi, saya lupa hendak sebut sebab Ahli Yang Berhormat berdua menyoal tentang pendahuluan itu, bila agaknya akan dibahaskan. Saya minta Yang Berhormat berdua rujuklah kepada Peraturan Mesyuarat 57(9) dan (10), baca dengan teliti, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** 57?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, (9) dan (10). Itu cukup jelas, saya tidak akan buang masa untuk menjelaskannya. Ya, Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, Fasal 2 belum diluluskan. Apa yang diputuskan ialah pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu ditolak, tetapi Fasal 2 belum diluluskan oleh kerana masih ada beberapa bahagian Ahli-ahli Parlimen yang mahu memberi ulasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tadi ada yang bangun?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada, ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada yang bangun, nanti dulu Yang Berhormat. Yang saya nampak tadi tu, ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu sahaja yang bangun. Yang Berhormat, nanti. Adakah cadangan pindaan Yang Berhormat mengenai Fasal 2 ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Walaupun cadangan pindaan saya telah ditolak, tetapi saya ingin turut mengambil bahagian membahasnya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bahagian, tetapi itu pun saya rasa selepas Yang Berhormat Machang berucap, ada peluang juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hal itu mengenai hal pindaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Machang nanti dulu ya. Nanti dulu. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat... Ya, Kota Melaka hendak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Fasal 2, sekarang kita dalam Fasal 2.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya beri peluang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya nampak tadi tu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah bangun, tetapi Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tumpukan kepada Kota Bharu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, Saya merujuk kepada muka surat 17 iaitu takrifan sekolah jenis kebangsaan dan juga sekolah kebangsaan. Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin tanya Yang Berhormat Dato' Menteri, mengapakah nampaknya ada layanan yang berbeza-beza diberikan ke atas bahasa ibunda yang diajar di sekolah kebangsaan sama ada sekolah menengah kebangsaan berbanding dengan mata pelajaran agama. Bagi pihak saya dan parti saya, kita tidak menentang peruntukan yang ditetapkan bahawa kalau ada lima orang murid Islam di mana-mana institusi pendidikan, mata pelajaran agama Islam adalah diwajibkan.

Kita tidak menentang peruntukan ini tetapi kita rasa bahawa layanan yang sama harus diberikan kepada bahasa ibunda, penekanan yang sama harus diberikan kepada bahasa ibunda.

Tuan Pengerusi, adalah perlu untuk menyeragamkan syarat-syarat pengajaran bahasa ibunda, bukan sahaja untuk bahasa Cina, India tetapi juga untuk kaum asli khasnya untuk kaum kadazan di Sabah dan juga Iban di Sarawak. Saya harap bahawa kita buang sahaja, kita tidak perlukan sahaja peruntukan bahawa sekurang-kurangnya mesti ada 15 ibu bapa meminta bahawa pengajaran dalam bahasa ibunda dibenarkan. Kalau ada 5 orang murid berbangsa Cina, Tamil atau dari golongan Orang Asli, Kadazan, Iban atau mana-mana kaum, ia harus diwajibkan, pengajarannya harus diwajibkan. Kalau tidak saya rasa itu bercanggah dengan perkara di perlembagaan yang mewajibkan layanan yang sama rata ke atas semua penduduk rakyat Malaysia. Saya tidak nampak macam mana Rang Undang-undang ini boleh adil dan liberal seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kalau untuk satu mata pelajaran 5 orang murid diwajibkan tetapi untuk bahasa ibunda mesti ada 15 ibu bapa meminta, memohon sahaja, barulah ia boleh diberikan. Bukan secara automatik, Tuan Pengerusi. Bukan secara automatik tetapi mesti diminta. Bolehkah perkara ini diseragamkan, disamaratakan supaya tidak ada double standard seperti yang berlaku di sini?

Dan saya harap bukan sahaja untuk bahasa Cina, bukan sahaja untuk bahasa Tamil tetapi juga untuk bahasa Kadazan Dusun di Sabah dan bahasa Iban di

Sarawak dan barulah Rang Undang-undang ini akan memenuhi hasratnya sebagai peruntukan atau sebagai Rang Undang-undang yang adil dan saksama.

Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 19 tafsiran istilah sebagai ‘sumbangan modal’ di mana saya baca tafsiran ‘sumbangan modal’. ‘Sumbangan modal’ ertinya bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi-

- (a) mengadakan bangunan;
- (b) pengubahan atau penambahan premis yang sedia ada;
- (c) mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baru, diubah atau ditambah; atau
- (d) apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa kita harus mengiktiraf sumbangan atau derma tanah yang dibuat oleh pihak swasta atau persendirian dan mengapakah pihak kerajaan tidak menggalakkan derma yang dibuat oleh pihak swasta khususnya juga kepada sekolah-sekolah swasta Cina sama ada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau sekolah menengah persendirian Cina, di mana sungguhpun tanah telah didermakan oleh orang awam untuk tujuan pendidikan tetapi kerajaan enggan memberikan sebarang bantuan penuh kepada mereka. Untuk sekolah menengah persendirian Cina tak ada langsung, untuk sekolah rendah jenis kebangsaan yang bersifat bantuan modal, mereka hanya mendapat gaji untuk operasi sahaja, untuk pembangunan adalah berdasarkan sumbangan yang diberikan oleh orang awam.

Kerajaan telah berjanji kalau ada RM1.00 derma orang awam, kerajaan akan memberikan RM1.00 tetapi kebanyakan kerap sekali, ia jarang ditunaikan dan bila ditunaikan hanya pada musim pilihan raya sahaja khususnya bila menteri-menteri pergi memancing undilah. MCA paling suka membuat janji-janji manis ini, semua omong-omong kosong. Yang penting sekali, kalau kita hendak memenuhi hasrat untuk menjadikan pendidikan sebagai satu pusat keunggulan, pusat pendidikan serantau Asean, saya rasa kita harus menggalakkan institusi pendidikan yang sedia ada di negara kita. Dan tidak boleh dinafikan, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan juga sekolah menengah persendirian swasta Cina telah memberikan sumbangan yang besar ke atas arah ini. Kalau tidak, saya rasa kita tidak akan mengecapi atau menikmati hasil daripada sekolah-sekolah atas sistem pengajaran mereka yang kita dapat menikmati selama ini.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa kerajaan tidak akan menjadikan peruntukan ini sebagai satu alat, satu senjata untuk mengugut pengundi setiap kali pilihan raya besar datang. Kita harus dipoliticise, dengan izin, pendidikan dan cara yang paling baik untuk dipoliticise pendidikan ialah untuk memperundangkan peruntukan pembangunan ke atas sekolah-sekolah ini, kalau mereka disifatkan sebagai sekolah kerajaan, sungguhpun sekolah rendah jenis kebangsaan, mengapakah apabila mereka meminta atau menuntut peruntukan pembangunan, mereka didiskriminasikan. Mengapa mereka terpaksa bertungkus lumus mencari derma daripada masyarakat umum, sedangkan kerajaan mampu untuk memberikan derma atau memberikan bantuan dan kerajaan bertanggungjawab kerana inilah

sekolah kerajaan mengikuti sistem kurikulum kerajaan. Mengapakah kerajaan tidak boleh memberikan sumbangan secara automatik dan saya rasa sungguhpun kita tidak sehaluan dengan parti MCA, MCA juga akan bersetuju tetapi tidak ada tulang belakang untuk menyokong pendirian ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa itu dasar, Yang Berhormat bercakap dasar. Sekarang ini kita berada dalam Jawatankuasa. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya pun bersetujulah, ini memang dasar bahawa MCA tidak ada tulang belakang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa tidak elok Yang Berhormat putar belitkan apa yang saya cakap tadi itu, Yang Berhormat! Saya rasa ada had batasnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan cakap, Tuan Pengerusi cakap, tetapi saya cakap itu memang ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tak baik buat macam itu, sebagai seorang insan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, oleh sebab itu saya harap bahawa Yang Berhormat Dato' Menteri janganlah terus membenarkan Akta Pendidikan ini sebagai satu senjata politik kalau benar-benar ikhlas dan jujur untuk memastikan bahawa ia tidak akan disalahgunakan. Mungkin bukan oleh Yang Berhormat sendiri tetapi oleh Yang Berhormat Menteri yang akan datang. Saya harap

peruntukan ini boleh diberikan jaminan sepertimana yang dijanjikan secara mulut oleh beliau. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Menteri hendak jawab dahulukah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada lagi yang hendak berucap.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Jawab sekali.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, jawab sekali. Tuaran. Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas, saya hendak beri nasihat sedikit.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, tadi Tuan Pengerusi beri laluan kepada saya, bukan? Selepas daripada Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat, sekarang ini Fasal 2 lagi. Yang Berhormat, sabar ya? Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan juga lain-lain Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas, diminta supaya memadatkan ucapan Yang Berhormat.

**5.05 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]:** Saya akan cuba.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Janganlah cakap dasar banyak sangat.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Ya! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas peluang untuk berbahas.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas satu inovasi yang baru, maksud saya, saya berbahas di muka surat 18 mengenai kemudahan bagi pengajaran bahasa-bahasa kaum Asli. Ini adalah satu inovasi baru di dalam Akta Pendidikan ini dan wajarlah diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana ini memang sungguh jelas menunjukkan satu dasar di mana kaum Asli atau bahasa-bahasa kaum Asli tidak akan luput di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Pengerusi, namun demikian, saya ingin membuat satu cadangan iaitu supaya bahagian (d) di dalam tafsiran “sekolah kebangsaan” itu supaya dijadikan satu ayat sahaja dan dibaca seperti begini: “Di mana kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina atau Tamil dan bahasa-bahasa kaum Asli hendaklah diadakan jika terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu.”

Tuan Pengerusi, saya membuat cadangan seperti ini, oleh kerana tidaklah menjadi munasabah atau tidak bererti langsung jika sekiranya ibu bapa kaum Asli dijadikan pengemis di sekolah-sekolah minta supaya diadakan pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah nanti. Tidak ada sebabnya kenapa bahasa Cina atau Tamil boleh diwajibkan diajar ataupun bahasa-bahasa lain boleh diwajibkan diajar tetapi bahasa Cina, Tamil dan juga kaum Asli yang lain harus kita minta, kenapa mesti ada diskriminasi? Tidakkah lebih wajar kalau satu peruntukan itu ditetapkan dimestikan diajar oleh kerana tujuan kita adalah membina satu negara yang berbilang kaum berterusan wujud di negara kita ini. Caranya ialah melalui pendidikan bahasa ibunda.



Adalah tanggungjawab kerajaan untuk menentukan bahawa bahasa ibunda kaum-kaum Asli diajar cara wajib. Jadi, saya harap cadangan pindaan itu akan diterima dan diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya bukanlah tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi iaitu supaya bilangan murid itu diturunkan kepada lima, itu adalah satu cadangan yang baik dan boleh dipertimbangkan tetapi bagi saya kita harus menghadapi satu keadaan realiti di mana kerajaan negara kita adalah kerajaan rakyat dan tidaklah kita mahu pula oleh kerana terlalu besar tanggungan kerajaan maka tidak dapat pula diwujudkan ataupun dicapai cita-cita kita itu.

Mungkin oleh kerana di dalam peruntukan undang-undang ini saya telah mengkaji walaupun ada beberapa syarat tetapi menteri juga mempunyai kuasa untuk mengecualikan, maka saya harap juga supaya bilangan ini akan dimasukkan sebagai satu daripada yang akan dikecualikan nanti.

Tuan Pengerusi, saya ingin syer ataupun memberikan satu pengalaman di England, di mana di dalam Akta Pendidikan di dapati adalah menjadi tanggungjawab Menteri memberi pendidikan kepada semua insan dalam erti kata tidak kira bilangan murid. Maka ada sebuah sekolah di mana hanya ada seorang anak murid sahaja, maka oleh kerana terdapat di dalam undang-undang bahawa menteri terpaksa bertanggungjawab mengikut undang-undang untuk menyediakan pendidikan bagi seorang murid itu, maka dia sediakan satu guru untuk satu murid. Jadi, kita harus praktikal juga di dalam keadaan ini supaya kita akan mencapai matlamat Akta Pendidikan ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya cadangkan di

dalam Fasal 2 ini dan saya harap pihak Kementerian akan mengambil iktibar dan meluluskan cadangan saya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**5.11 ptg.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** terima kasih Tuan Pengerusi, saya bercakap sedikit sahaja. Pertama, berhubung dengan bandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan pengajian Islam dengan pengajian bahagian bahasa etnik yang dibandingkan dalam satu kategori. Jadi, dalam pandangan saya, pandangan ini adalah kurang tepat oleh kerana Islam adalah agama yang telah dianggap sebagai agama rasmi negara. Pengajian agama Islam ini sepatutnya ditumpukan.

Tuan Pengerusi, pada suatu ketika dahulu, di Sarawak, kalau kita belajar di sekolah ‘Mission School’, secara menyeluruh di ajar agama Kristian. Jadi, kalau tidak mahu pun kita kena duduk periksa juga. Jadi, ini soalan agama lain, soalan bahasa lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya rasa ini pun cakap dasar Yang Berhormat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, oleh kerana dia cerita bahasa tadi. Dia membuat perbandingan di antara bahasa dengan agama - jadi ini hendak di ‘equate’ antara bahasa dengan agama, adalah tidak tepat. Jadi, kalau kita hendak

belajar bahasa Tamil di sekolah yang bukan mengajar bahasa Tamil, kena 15 orang juga. Macam itu juga dengan bahasa etnik yang lain, kalau di sekolah yang mana bukan kepunyaan etnik itu, dia terkena 15 orang murid yang ada dan ibu bapa meminta baru pelajaran itu boleh diberi. Jadi, di mana negara dalam dunia ini yang boleh memberi perkara macam ini? Maksudnya, kerajaan dan undang-undang yang begitu liberal sekali memberi peluang semua bahasa ini dipelajari. Jadi, soalan dari Yang Berhormat dari Tuaran pun kurang tepat juga. Soalan dia tadi mengatakan bahawa tiap-tiap itu tidak payah dipinta.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Duduklah dahulu, kawan. Cerita dia pun kurang tepat juga. Dia kata, kalau bahasa Tamil dan bahasa Cina tidak payah diminta, diwajibkan. Ini tidak tepat. Dalam undang-undang ini kalau orang Tamil dan Cina belajar di sekolah kebangsaan, tetapi kalau dia minta belajar bahasa Cina, dia kena minta juga. Inilah, macam dia - dia reverse, sama macam cerita itu. Jadi, kena baca undang-undang ini dari satu muka kepada satu muka, baru dapat gambaran yang tepat.

Jadi, kalau tiap-tiap hamba Allah dalam negara ini ada 30 lebih etnik group dan tiap-tiap seorang berhak, makna kata saya buat sekolah saya sendiri, kerajaan buat sekolah, beri geran, beri guru, macam mana dasar negara kita? Tidak ada dasar lagi di negara kita, tidak payah ada Kementerian Pendidikan lagi, tidak payah ada apa-apa, semua orang bebas belajar macam itu sahaja. Jadi, ini orang hendak menuju ke arah haluan yang tertentu dengan menggunakan Bahasa Malaysia

sebagai bahasa pengantar dan bahasa Inggeris menolong bahasa pengantar dan bahasa lain boleh dipelajari. Tetapi sekolah yang sudah wujud di negara ini ialah sekolah Tamil dan sekolah Cina, sekolah Iban belum wujud lagi.

**Tuan Lim Kit Siang :** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Dia beri jalan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, dia beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta maaf, dia beri jalan kepada Tuaran, saya tidak nampak. Sila, Tuaran.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, saya kesal kerana kawan saya dari Batang Lupar tidak faham apa yang saya katakan tadi. Saya tidak minta sekolah. Mungkin Yang Berhormat Menteri pun ada dengar, saya hanya minta supaya bahagian (d) disatukan supaya tidak ada bahagian (i) dan (ii), dan yang kedua ialah supaya tidak perlu meminta supaya bahasa ibunda di ajar. Ia haruslah, seperti yang saya katakan tadi, di mana kemudahan pengajaran bahasa China atau bahasa Tamil dan bahasa-bahasa ibunda asli hendaklah diadakan jika sekurang-kurangnya 15 orang murid terdapat di sekolah itu. Itu sahaja yang saya minta, saya tidak minta kementerian mewujudkan sekolah untuk kaum-kaum Asli ini, cuma bahasanya sahaja yang hendak diajar. Jadi, kenalah Batang Lupar dengar betul-betul.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah, sudah saya faham cerita itu. You bukalah muka 18 dan muka 19, di mana ia menyatakan bahasa Inggeris sebagai bahasa mata pelajaran wajib di mana kemudahan pengajian Cina, Tamil, minta kemudahan juga” - minta juga, macam mana yang perlu dibuat oleh etnik-etnik yang lain. Ini Yang Berhormat tidak faham sebenarnya. Bacalah semua buku ini dahulu sebelum berbahas di sini. Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat bezakan sedikit yang mana belajar etnik itu kena minta, yang mana belajar hal agama itu berlainan dari bangsa etnik itu - di mana kedua-dua Yang Berhormat dari Tuaran dan Kota Melaka itu kena belajar dengan soalan perbezaan bahasa itu bahasa, agama itu agama.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, jangan main-main.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah habis, duduklah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sudah habis, duduklah. Tanjong.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apa pula main-main.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah.

**5.17 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak sebut mengenai Fasal 2 - Definisi, mukasurat 17, 18 dan 19 - sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Selepas kemerdekaan negara kita, dekat 40 tahun, kita masih mengekalkan satu definisi dan satu categorization, di mana sekolah-sekolah kita digulungkan kepada 2 jenis dan saya berharap Yang Berhormat Menteri

Pendidikan boleh mengkaji semula perkara ini supaya semua sekolah-sekolah rendah, sama ada sekarang yang dianggap sebagai sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan, semua dianggap sebagai sekolah kebangsaan. Oleh kerana ini semua anak-anak kita, rakyat Malaysia dan sepatutnyalah sekolah mereka dianggap sebagai sekolah kebangsaan sama ada mereka sekarang dianggap sebagai SRJK(C) atau SRJK(T). Semua patut dianggap sebagai sekolah supaya boleh mendapat layanan yang adil dan saksama. Itu adalah sangat mustahak untuk menuju ke arah perpaduan, Vision 2020 dan millennium yang baru.

Kedua, saya mahu sebut mengenai sumbangan bantuan dan sumbangan modal - muka surat 19. Sampai sekarang, kita ada dua jenis sikap terhadap sumbangan bantuan dan sumbangan modal terhadap sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah SRJK. Yang Berhormat Menteri pernah kata bahawa SRJK(C) di mana tanah mereka dimiliki swasta, dimiliki oleh Lembaga Pengurus tidak akan dapat sokongan, sumbangan, bantuan sepenuhnya 100% oleh kerana tanah ialah tanah swasta. Beliau mencadangkan satu syarat bahawa Lembaga Pengurus serahkan tanah itu kepada kerajaan supaya menjadi tanah kerajaan, barulah dapat hak untuk diiktiraf sebagai sekolah kebangsaan dan dapat bantuan kewangan sepenuhnya.

Inilah satu sikap yang sudah belakang masa, oleh kerana sungguhpun mungkin ada 600, 700 buah sekolah rendah Cina di mana tanah mereka dimiliki oleh Lembaga Pengurus tetapi kita perlu mengiktiraf sumbangan mereka terhadap

pendidikan, terhadap melatih human resources demi kepentingan pembangunan negara. Sebenarnya board of management yang ada tanah sendiri yang digunakan untuk tujuan pendidikan oleh kerajaan patut diberi penghargaan bukan sahaja patut dapat sokongan, bantuan kewangan sepenuhnya tetapi pun untuk 40 tahun dahulu perlu memberi ex-gratia payment bertambah.

Oleh kerana inilah sumbangan terhadap pendidikan dan satu sebab kenapa negara kita dalam tahap ekonomi yang begitu baik ialah oleh kerana antara lain sumbangan pendidikan sekolah-sekolah SRJK(C), SRJK(T) di mana sungguhpun tanah-tanah swasta tetapi diguna untuk tujuan pendidikan dan saya harap, yang pertama bahawa semua sekolah-sekolah dianggap sebagai national schools. Tidak ada lagi national schools and national type primary schools. Semua national schools sama ada beraliran bahasa pengantar Cina atau Tamil.

Kedua, bahawa semua sekolah jenis kebangsaan yang dianggap sekarang sekolah rendah Cina di mana tanah sungguhpun swasta tetapi sebagai penghargaan sumbangan mereka kepada pendidikan, kerajaan memberi sokongan 100% yang melayani mereka sebagai sekolah kebangsaan yang lain dan tambahan pun, memberi ex-gratia payment sebagai penghargaan sumbangan mereka dalam 30 tahun, 40 tahun ini kepada pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.

**5.24 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh muka surat 18, “sekolah menengah kebangsaan” dan dalam muka surat 19,

bahagian (d) “.....di mana kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina atau Tamil hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya”.

Saya rasa ini satu kemudahan yang akan diberi kepada murid-murid yang dapat peluang untuk mempelajari bahasa ibunda tetapi saya minta kementerian, kalau bolehlah kelas-kelas hendaklah dimasukkan jadual ikut waktu sekolah. Yang empat waktu ini saya dapati bahawa ada banyak sekolah menengah kebangsaan mengadakan kelas bahasa Cina atau Tamil di luar daripada jadual waktu sekolah.

Jadi, sukar kepada murid-murid berkenaan untuk dapat pendidikan lebih lanjut lagi. Dan satu masalah yang sedang dihadapi di mana kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil diadakan dan disetujui oleh sekolah tersebut tetapi tidak dapat dibuka kerana kekurangan guru. Masalah sedang dihadapi beberapa tahun dahulu.

Maka dengan adanya Akta Pendidikan baru ini, diminta Kementerian Pendidikan dapatlah mengadakan kemudahan seperti mana yang disetujui dan dapatlah supaya pelajar-pelajar mendapat pendidikan ibunda sepenuhnya dari sekolah menengah kebangsaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sri Aman.

**5.26 ptg.**

**Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 18, bahagian (d)(i). Jadi, saya mohon ayat begini, “bahasa Cina atau Tamil atau Iban hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya”. Sebabnya, Tuan



Pengerusi, bahasa Iban adalah bahasa suku kaum yang terbesar di Sarawak dan telah diajar secara formal di sekolah-sekolah di Sarawak sejak 1956 dan kalau kita merujuk kepada sekolah atap, tahun 1850 pun sudah digunakan.

Yang kedua, pada masa sekarang bahasa Iban sedang dipelajari oleh tidak kurang daripada 40,000 orang murid yang datang dari pelbagai kaum di Sarawak. Jadi, saya bersetuju bahasa Tamil, bahasa Cina diajar dan saya juga rasa tidak adil kalau bahasa Iban yang statusnya sudah cukup mantap diturunkan tarafnya menjadi peminta, pemohon dan terpulang kepada keadaan.

Saya juga setuju kalau semua bahasa kaum asli diberi status yang begitu, mungkin tidak praktik oleh kerana kaum Penan, kaum Sekapan, mungkin kaum Kenyah, tidak ada guru, tidak ada buku teks. Tetapi keadaan sangat berbeza dengan bahasa Iban.

Saya juga mohon dari Yang Berhormat Menteri supaya pengajian bahasa Iban ditawarkan sebagai satu daripada elektif yang diajar di maktab perguruan nanti, dan (b) seseorang pegawai yang bertanggungjawab kepada bahasa Iban ditempatkan di Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, dan (c) bahasa Iban diwajibkan diajar dalam sidang dan bukan di luar sidang seperti yang berlaku sekarang. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Bharu.

**5.28 ptg.**

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, saya bangkit ini untuk muka surat 17 berkenaan dengan “sekolah jenis

kebangsaan”, tafsiran istilah “sekolah jenis kebangsaan” di mana saya sebagai mewakili parti telah memohon untuk membuat beberapa pindaan iaitu yang pertamanya, tidaklah begitu penting sangat tetapi yang pokoknya, kepada (b) dan (c). Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan (a) iaitu berkenaan dengan umur. Sebenarnya ia lebih merangkumi perkara yang telah saya sebut tadi tetapi yang diputusnya ialah berkenaan dengan prasekolah. Berkenaan dengan sekolah rendah iaitu Darjah Satu hendaklah bermula pada umur 5 tahun.

Jadi, ini consequentiallah kepada (a) di bawah sekolah jenis kebangsaan tetapi yang pokok pada kami ialah berkenaan dengan (b) dan (c) iaitu kami ingin mencadangkan supaya Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa pengantar, bukanlah bahasa Cina atau Tamil.

Bahasa China dan Tamil di dalam (c) disamakan dengan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Kami membuat cadangan berkenaan adalah bertujuan untuk menghormati hasrat Penyata Razak yang telah menyatakan dengan terang dan jelas bahawa Bahasa Kebangsaan haruslah menjadi bahasa pengantar di semua sekolah, tetapi di waktu itu, pada tahun 1956 ia tidaklah sesuai memandangkan realiti tidak cukup guru dan lain-lain perkara lain. Tetapi sekarang ini, sudah pun hampir 40 tahun, jadi kemampuan kerajaan sudah pun berada di tahap yang membolehkan kenyataan itu berlaku.

Saya ingin menyentuh juga Laporan Rahman Talib pada Perenggan 22, dengan izin, saya baca, The Ultimate Objective, di bawah subtitlenya. Perenggan 22:-

“The 1956’s report declared that the ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction. Though we recognise that progress towards these goal, cannot be rushed and must be gradual.”

Jadi, bermaksud Penyata Razak dan juga di bawah Laporan Rahman Talib 1960, perkara ini telah pun disedari, Bahasa Kebangsaan seharusnya menjadi bahasa pengantar pada masa yang sesuai. Sudah hampir 40 tahun tak sesuai lagikah? Sepatutnya kita sama-sama di sini bertanggungjawab untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan tidaklah pula bermakna sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa China atau Tamil tidak boleh wujud. Ia boleh wujud dan harus dijamin kewujudannya.

Yang mustahaknya, apa yang kita telah sama-sama memperakukan ialah semua bahasa yang dipertuturkan yang diamalkan oleh pelbagai kaum hendaklah diberi jaminan dari segi pendidikan bahasa itu dan kebudayaan kaum-kaum, termasuklah bukan sahaja kaum Tionghua, Tamil, Iban, Kadazan dan lain-lain lagi. Jadi, bagi kami tidaklah bermaksud apabila kami menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan, kami pula

mahu menghapuskan sekolah jenis kebangsaan untuk masyarakat Tionghua ataupun Tamil.

Yang kami maksudkan ialah sudah sampai masa bagi kita semua - semua rakyat, semua keturunan memperakukan bahawa Bahasa Kebangsaan sangat sesuai untuk dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah. Semua sekolah, tidak kira ia jenis kebangsaan atau tidak jenis kebangsaan, ia kerajaan atau swasta, yang mustahaknya, kita sama-sama mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Sains, Matematik, Kajian Tempatan dan Sejarah boleh diajar di dalam Bahasa Kebangsaan. Ia tidak akan menjejaskan bahasa Tionghua ataupun bahasa Tamil ataupun bahasa-bahasa ibunda yang lain. Sekiranya Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa pengantar, itulah tujuannya. Maksudnya, mata pelajaran yang tidak berkaitan dengan bahasa ibunda dan tidak berkaitan dengan kebudayaan ibunda akan disampaikan dalam Bahasa Kebangsaan dan bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan, bolehlah ia diteruskan dan kita tidak mempertikaikan seksyen 21(2) itu disebabkan kita sama-sama memahami bahawa setiap kaum di dalam Malaysia ini haruslah diberikan jaminan, tidak harus merasa risau bahawa bahasa ibundanya akan lenyap.

Pendidikan bahasa harus diberi tempat yang wajar kepada semua kaum. Jadi, itulah, saya tidak mahu mana-mana pihak, khususnya pihak Menteri sendiri mempolitikkan perkara ini. Kami sudah berkali-kali melalui ucapan dasar kami dan kami mengambil kesempatan di sini untuk sekali memberi penerangan supaya jelas kepada semua pihak.

Kami tidak ada niat buruk terhadap mana-mana kaum. Kami hanya mahu mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan kami ia mahu menjadi bahasa pengantar, sesuai dengan negara yang berdaulat ini. Bahasa Malayu telah dijadikan Bahasa Kebangsaan, maka ia haruslah diberi tempat di semua sekolah.

Tuan Pengerusi, perkara yang sama kami telah cadangkan untuk sekolah kebangsaan iaitu di bawah (b) di mana kami telah mencadangkan supaya dibuangkan perkataan “utama” iaitu di semua sekolah kebangsaan hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Ia seharusnya tidak ada perkataan utama kerana kalau digunakan perkataan utama, ini memberi peluang untuk bahasa lain sama-sama menjadi bahasa pengantar. Ini tidaklah patut di dalam sebuah negara yang berdaulat.

Sama-samalah kita memberi tempat yang wajar kepada Bahasa Kebangsaan supaya ia sahaja menjadi bahasa pengantar tunggal, bermakna kita menidakkan kewibawaan bahasa-bahasa lain, khususnya bahasa Inggeris. Ia memang sesuai sebagai satu bahasa ilmu, tetapi tidak sesuai untuk dijadikan bahasa pengantar di dalam sebuah negara yang berdaulat seperti mana kita ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**5.37 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, mukasurat 18 mengenai (d) di mana kemudahan bagi pengajaran bahasa China atau Tamil hendaklah

diadakan jika ibu bapa, sekurang-kurangnya 15 orang murid itu memintanya. Juga mukasurat 19, (d), untuk sekolah menengah kebangsaan.

Tuan Pengerusi, dengan pembentangan rang undang-undang ini bahawa bahasa ibunda pelajar akan terus diajar di waktu persekolahan dan tidak pada hujung minggu lagi. Ini bermakna, kita memerlukan lebih banyak guru bahasa yang bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, sungguh malang di beberapa sekolah, walaupun ada murid-murid yang berminat dan cukup bilangannya, tetapi kadangkala tidak ada guru bahasa yang berkaliber untuk mengajar bahasa China ataupun bahasa Tamil.

Dengan kelulusan rang undang-undang ini, saya percaya kekurangan guru bahasa ini akan bertambah teruk. Semakin hari, semakin teruk. Inilah masalah. Tidak gunalah kita luluskan rang undang-undang ini kalau persiapan yang cukup tidak diadakan untuk melatih lebih ramai guru bahasa, bukan sahaja bahasa China, Bahasa Kebangsaan dan sebagainya dengan tahap yang tinggi.

Saya tekankan perkara ini kerana saya dapati bahawa ada setengah-setengah guru yang mengajar subjek ini, kalibernya tidak tinggi. Ini menunjukkan apa sahaja yang dibuat oleh pihak kementerian tidak mencukupi. Saya berharap iaitu pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian. Yang pertama bagaimana kita dapat melatih guru-guru ini kepada tahap yang tinggi. Kedua, bilangan guru yang cukup untuk memenuhi peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan tempoh masalah ini akan diselesaikan, kerana sejak tahun 1961, masalah

kekurangan guru bahasa yang berkaliber, 34 tahun ini tidak dapat diselesaikan. Ini termasuk Bahasa Malaysia juga dan saya sekali lagilah menyeru supaya masalah ini diselesaikan sebelum kita meluluskan Rang Undang-undang ini.

Saya pun tahu Ketua Pengarah ada di belakang dengan laptopnya.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... tetapi setakat....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Sulong apa lagi bahasa, saya hendak cadangkan guru-guru Bahasa Malaysia, bahasa Cina....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** .... dan sebagainya.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta ruling daripada Tuan Pengerusi, saya lihat pihak pembangkang hari ini dia cuba hendak delay perbahasan ini. Mereka mengulangi perkara yang telah dibahaskan dan pada prinsipnya mereka menolak usul ini, mengapa diizinkan mereka untuk bahas dan saya minta Tuan Pengerusi memberi timeframe untuk perbahasan ini supaya tidak terganggu mesyuarat kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, akan diambil perhatian Yang Berhormat. Sila teruskan, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebuah Jawatankuasa adalah terpenting di dalam pembentangan rang undang-undang, itu pun tidak tahu, parit yang sulung. Ini yang sulung kali saya beritahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang terpenting sekali bagi rang undang-undang ialah di peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, dia tidak minat, itulah masalahnya sekarang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat teruskan Fasal 2.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak balik ke Parit Sulung, tetapi baru hari Rabu hari ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Masalah minat tidak minat di sini, saya tahu pembangkang memang tidak minat, sebab itu dia tidak menyokong. Tetapi masalahnya jangan cari jalan untuk menanggungkan perjalanan mesyuarat ini dengan terlalu lama. Saya tahu masalah Committee Stage penting, tidak penting, saya tahu, Tuan Pengerusi. Jadi, cakap-cakap dari Kepong dengar sendirilah.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, nampak Parit Sulong, walaupun dia ada di Lembaga Utusan Melayu, tetapi nampaknya dia tidak baca rencana langsung.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong, saya ingin memperingatkan masa kita suntuk, banyak urusan yang perlu diselesaikan hari ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, tetapi dia ganggu sayalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat telah berucap berkaitan dasar. Kalau Yang Berhormat tidak ada point kita kena beralih kepada perkara lain, diminta Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bukan bercakap dasar, tetapi untuk melaksanakan, untuk menguatkuasakan peruntukan -peruntukan ini memang hendak memenuhi syarat-syarat yang tertentu termasuk mengadakan bilangan guru bahasa yang cukup, yang berkaliber tinggi - itu sahaja, bukan dasar. Daripada segi peraturan pun dasar untuk perkara ini dibenarkan, cuba semak!

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat bukan semua dasar boleh dibincangkan. Ini dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Cuma saya hendak menarik perhatian ialah perenggan yang terakhir itu, rencana *Utusan* apa dialah....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Parit Sulong bangun lagi Yang Berhormat, hendak minta jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baca dahululah - baca dahulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, apa saya dengan Utusan Malaysia? Fasal inilah bukti bahawa dia menyelewengkan waktu. Tuan Pengerusi, saya minta tegas sedikit dengan mereka ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong minta kembali kepada Fasal 2 ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rencana ini perenggan yang terakhir, yang meminta masa yang lebih, masa yang panjang untuk memperbincangkan perkara-perkara yang berbangkit daripada Rang Undang-undang ini. Itulah seruan daripada *Utusan Melayu* ini, tetapi Yang Berhormat dari Parit yang Sulong.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... tidak baca langsung, itulah masalah kita.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong, saya minta Yang Berhormat, saya telah mendengar, kembali kepada Fasal 2.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, saya akur kepada .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat duduk sekejap....

**Dr. Tan Seng Giaw:** .... keputusannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kalau Yang Berhormat tidak kembali kepada Fasal 2, saya kena berhentikan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, baik. Saya berhenti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tolonglah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah habis, Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Saya hendak beri pandangan Fasal 1.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat saya tidak dapat benarkan ahli-ahli mengambil bahagian memandangkan masa terlalu suntuk dan sudah ada 10 Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam Fasal 2....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Menafikan hak.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukan, Yang Berhormat, jangan tuduh macam itu. Yang Berhormat lebih tahu kadang-kadang masa tidak mengizinkan, kita kena teruskan, masih ada pindaan yang dicadangkan. Saya minta Menteri menjawab.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya telah mengikuti perbincangan yang telah dalam peringkat Jawatankuasa tadi dengan sikap yang agak terbuka dan saya dapati bahawa perbincangan itu menunjukkan ada beberapa perkara yang dibangkitkan itu jelas

memperlihatkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang tidak faham tentang isi kandungan rang undang-undang ini.

Pertama, apa yang saya lihat sebagai satu perkara yang agak aneh ialah kenapa ahli-ahli parti pembangkang DAP tidak mengutuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, bila dia mencadangkan supaya bahasa pengantar dalam sekolah hanya Bahasa Kebangsaan sahaja, sebab implikasi daripada kenyataannya. Walaupun dia cuba bersilat dan berlapik, tetapi ini bukan politik, tetapi hakikatnya menukar sekolah jenis kebangsaan menjadi sekolah kebangsaan, dengan sendirinya melenyapkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Tetapi yang anehnya ahli-ahli DAP yang cuba hendak menjadikan diri mereka sebagai jaguh kaum Cina dan sekolah Cina membisu, seribu satu kali bisu. *[Tepuk]* Membisu tidak mahu bercakap, tidak mahu kutuk ahli dari parti pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak mahu beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak beri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sebab tadi dia ada peluang, saya tidak hendak beri sebab apa Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia bohong lagi.... *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak beri sebab, bila saya cabar dia....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong diminta duduk.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .... baru dia hendak bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malulah....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong diminta duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malulah! Malulah!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Bila saya kata, dia ini takut hendak mengutuk parti Semangat 46, yang dia sudah peluk sebagai kawan dia untuk politik convenience sahaja.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, diminta duduklah.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** ..bila parti 46, mempunyai pendirian, Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong minta duduklah.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .. saya minta ruling, Tuan Pengerusi,... dia mengganggu saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Anak Tun Razak, beri atau tidak beri.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong diminta duduk, diminta duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat diminta duduk. Tanjong, diminta duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Memang saya hendak beri, tetapi saya lihat, kalau saya beri, ini sebab saya mencabar dia, baru dia bangun. Kalau dia bersungguh-sungguh, hendak memperjuangkan sekolah Cina, bila ahli Semangat 46 bangun, hendak menutup sekolah Cina patut dia pertama yang melenting. *[Tepuk]* Tetapi ini bererti bahawa dia berpura-pura sahaja sokong sekolah Cina, kerana 'political ploy' dan bukan hakikat sebenarnya.

**Tuan Lim Guan Eng** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak mahu beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Bapa beri pada anak!

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia bohong! Dia bohong!

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak beri jalan sebab dia sudah ada peluang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia bohong! Dia bohong!

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dia duduk selamba sahaja, Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak payah, tidak payah. Saya hendak habiskan, masa sudah suntuk, kita hendak habis, sebab saya sudah teliti ucapan wakil-wakil parti Semangat 46.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** ... dan jelas bahawa hakikatnya, dia hendak menutup sekolah jenis kebangsaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri,....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .. tidak ada, saya tidak beri. Sebab tidak payahlah dia hendak putar-belit, hendak gunakan polemik, hakikatnya apa yang disuarakan oleh wakil dari Kota Bharu itu, hakikatnya pergi kepada penutupan sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) itu dia. Tidak payahlah berselindung kata, tidak tukar kami sokong sekolah jenis kebangsaan, sebab effect, kesan daripada tuntutan itu menukar status sekolah jenis kebangsaan (Cina) kepada menjadi sekolah kebangsaan, sebab sekolah kebangsaan bahasa pengantarnya ialah Bahasa Kebangsaan. Jadi, yang Parti DAP ini, yang kononnya jaguh - membisu, yang saya tahu yang marahnya parti-parti komponen Barisan Nasional. Kalau Tuan Pengerusi beri peluang bercakap, mereka tentu akan bersuara tadi. Jadi, satu perkara yang saya hendak kata lagi; saya kata satu yang agak menarik perhatian saya ialah bahawa sepandai-pandai Ketua Parti Pembangkang, dia telah menjerat diri dia sendiri [*Sorak dan Tepuk*]. Itu tadi yang pertama dia tidak tegur wakil Kota Bharu bercakap sebab takut, sebab ini kawan politik, out of political convenience, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, dia minta supaya sekolah-sekolah jenis kebangsaan ditukar menjadi sekolah kebangsaan, maksud dia lain tetapi bila dia kata, ini yang saya katakan dia tidak faham rang undang-undang. Bila dia menuntut sekolah jenis kebangsaan jadi sekolah jenis kebangsaan samalah seperti dia minta supaya seksyen 21(2) kekal kembali dalam rang undang-undang. [*Tepuk*]



Dia tidak faham, dia tidak faham, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan putar belit.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak putar belit, saya dengar [Ketawa] dengan teliti. Itu dalam *Hansard* sudah ada tu. [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Main-mainakah?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tak ada, tak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya dengar tadi, itu dah ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya dengar tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk - pembesar suara dipadamkan]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong. Saya tidak ada beri Yang Berhormat peluang. Minta duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk dan disorak]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong, minta duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya harap kita dapat menjalankan urusan dengan baik Yang Berhormat. Ini dalam Parlimen. Kita ada peraturan.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, manusia yang ada maruah tidak bangkit nama orang yang tidak ada lagi. [Sorak]

Ini yang saya katakan dia tidak faham rang undang-undang ini. Jadi, Tuan Pengerusi, untuk memendekkan masa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, cadangan dia sebenarnya telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar bahawa tuntutan dari segi bahasa tidak boleh disamakan dengan agama sebab peruntukan yang pertama itu dari segi agama.

Suka saya jelaskan bahawa dari segi pengajaran bahasa Cina dan Tamil, kita telah banyak membuat perubahan iaitu pertama kita sudah masukkan dalam jadual waktu rasmi di sekolah rendah dan juga sekolah menengah, tidak macam dulu dan kita juga telah membuat peruntukan ataupun akan membuat

peruntukan untuk membolehkan pelajar-pelajar bukan Cina ataupun Tamil untuk mempelajari bahasa Tamil dan bahasa Cina sebagai option, sebagai pilihan. Jadi, dengan ini, kita telah mendahului sebenarnya peruntukan yang ada di dalam Fasal muka surat 18.

Tuan Pengerusi, tentang bahasa kaum asli, maka peruntukan ini kita masukkan kerana kita kena bersikap praktikal dan realistik..

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit berkaitan dengan definisi yang diberi kepada sekolah menengah pada muka surat 18. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan tambahkan satu istilah iaitu sekolah menengah jenis kebangsaan selepas perenggan yang katakan sekolah menengah sahaja dan bunyinya macam ini:

“Sekolah menengah jenis kebangsaan ertinya sekolah menengah, conforming schools, dengan izin, yang dahulunya ialah sekolah menengah swasta Cina atau sekolah Inggeris yang ditukar yang ditubuh oleh misi Kristian dengan (a) (b) (c) dan (d) serupa dengan yang lain tetapi dalam (d) bahagian (1)”.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Biar Menteri jawab.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ya. Saya minta bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan timbang masukkan ini ke dalam istilah sekolah menengah iaitu selepas itu tambah ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah minta cadangan pindaan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, sebenarnya peluangnya sebentar tadi, bukan masa saya memberi jawapan tetapi dari segi ini kita tidak boleh memperuntukkan peruntukan sekolah menengah jenis kebangsaan, sebab ada dua kategori sahaja sama ada sekolah itu merupakan sekolah sudah conform maknanya conforming school sepenuhnya, menggunakan kurikulum kebangsaan, bahasa pengantarnya Bahasa Kebangsaan dan mengambil peperiksaan yang ditentukan oleh kerajaan ataupun mereka terdiri daripada sekolah swasta, jadi tidak boleh ada kategori yang lain, maka kita perlu mengekalkan satu sahaja kategori iaitu sekolah menengah kebangsaan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan bahasa suku kaum ataupun bahasa kaum asli, kita memperuntukkan perkara ini sebab tidak ada peruntukan selama ini. Bererti bahawa kita mengambil kira keperluan untuk mempelajari bahasa-bahasa kaum asli tetapi peruntukan ini amat sukar bagi kita hendak masukkan secara automatik, maknanya kalau ada 15 menuntut, maka kita perlu mengadakan pengajaran bahasa-bahasa kaum asli sebab bahasa kaum asli itu terlalu banyak dan kedua kita menghadapi masalah kerana tempat mereka diami itu bertaburan dan ini sebab itu kita masukkan peruntukan didapati munasabah dan praktik.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah satu alasan bagi kerajaan tidak menggalakkan pembelajaran bahasa-bahasa kaum asli terutama sekali bahasa Iban dan bahasa Kadazan. Saya memberi jaminan bahawa kita akan memberi perhatian yang berat kepada perkara ini walaupun kita masukkan dalam kategori yang kedua itu. Terima kasih.

**Fasal 2** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada usul. Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**5.55 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 11.00 malam atau sehingga selesai Perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995 yang tertera sebagai aturan nombor 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang mana terdahulu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Sekejap saya hendak kemuka, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak tanya, adakah ini bertujuan mahu teruskan dengan No. 2, Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) sungguhpun kita dapat rang undang-undang semalam sahaja. Pukul 5.00, semua orang saya percaya tidak ada masa yang cukup untuk baca, kaji dan dapat input. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sekurang-kurangnya tarik balik untuk esok Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti untuk keadilan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita kena kemuka usul ini dahululah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu tanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu tidak, biasanya begitu Yang Berhormat, kita kemukakan...

**Tuan Lim Kit Siang:** Pukul 5.00, selepas 5.00 baru kita dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** kalau bersetuju, selepas itu kita boleh bincangkan apa yang harus diuruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang telah dikemukakan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 11.00 malam atau sehingga selesai Perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995 yang tertera sebagai aturan nombor 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, yang mana terdahulu.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 11.00 malam ini atau sehingga selesai Perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995 yang tertera sebagai aturan no. 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang mana terdahulu.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995**  
**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahasan disambung semula.*

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat [kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan] ada apa-apa hendak....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini tidaklah merupakan Rang Undang-undang yang menimbulkan kontroversi, sebab itulah saya fikir boleh diteruskan juga selepas ini.

### **Fasal 3 hingga 72 -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.  
**6.01 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, begitu banyak?

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak apalah, Yang Berhormat boleh sentuh yang mana satu, sentuhlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha! Fasal 3 hingga 72? Oleh kerana ada pandangan. Kalau begitu saya berdiri satu-satu. Ini tidak adil, tak patut.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila sentuh yang mana Yang Berhormat hendaklah, daripada fasal-fasal itu Yang Berhormat boleh sentuh yang mana Yang Berhormat hendak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, pindaan itu hal yang lain, oleh kerana begitu tebal dan sungguhpun tidak ada pindaan, tidak bererti bahawa tidak ada pandangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Fasal 3 hingga 72, ini ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Fasal 3 hingga 72.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terlalu banyak, apa proses Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan)?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sebelum daripada Yang Berhormat Speaker sebelum ini, bila telah membaca seksyen 3 hingga 72 telah pun memberi laluan kepada saya untuk berbahas daripada seksyen 3 hingga 72, sebelum tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Silakan Yang Berhormat untuk berbahas. Yang Berhormat tidak mengambil bahagian?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tadi telah diberi peluang kepada saya, tetapi dikembalikan semula kepada seksyen 2, maka saya duduk.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang sekarang ini Fasal 3 hingga 72 Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itulah, tadi telah diberi peluang kepada saya untuk memulakan perbahasan di peringkat Jawatankuasa di antara seksyen 3 hingga 72.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekarang siapa yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Fasal 3 hingga 72, dipersilakan. Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil masa yang lama. Saya merujuk kepada seksyen 17. Seksyen 17, saya membaca bagi tujuan kemudahan perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang lain minta tenang ya!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cuma saya ingin merasakan rasa dukacita yang amat sangat, Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan melepaskan tumbukan padu kepada kumpulan pembangkang pada saat tangan dan kaki kami diikat dengan tidak membenarkan laluan langsung. Sikap ini cukup tidak gentlemen!

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik kepada Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, kembali kepada seksyen 17. 17(1) saya baca:

“Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan, kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri daripada subseksyen ini.”

17(2):

“Jika bahasa pengantar utama sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada Bahasa Kebangsaan, maka Bahasa Kebangsaan

adalah diajar sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.”

Tuan Pengerusi, dalam membahaskan seksyen 17(1) dan (2) ini, saya terpaksa, walaupun sekarang kita berada di peringkat seksyen 72. Tetapi ini sangat berkaitan dengan seksyen 73 dan Bahagian VII berikutnya kerana ianya adalah berkaitan.

Saya terpaksa menyentuhnya walaupun belum sampai ke peringkat itu. Mula-mula saya pergi kepada seksyen 17(1). Saya memang faham hasrat undang-undang diperkenalkan ialah untuk mengekalkan status sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Sebab itulah kecualian diberi kepada sekolah-sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28.

Seksyen 28, Menteri boleh menubuhkan sekolah-sekolah berkenaan. Tetapi saya tidak faham mengapa perkataan; “atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri daripada subseksyen ini.” Dia ada dua perenggan.

Tuan Pengerusi, seksyen 17(2) itu ada dua bahagian. Pada peringkat asalnya ialah, Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan kecuali, satu, sekolah yang ditubuhkan di bawah seksyen 28.

Yang kedua; “atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri.” Maknanya selain daripada sekolah-sekolah yang ditubuhkan di bawah seksyen 28, menteri juga berkuasa mengecualikan penggunaan Bahasa



Kebangsaan di mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri.

Tuan Pengerusi, kuasa ini adalah terlalu luas; kelmarin saya telah membangkitkan soal bahawa saya faham sekarang, hasrat walaupun kami kemukakan cadangan tetapi itu sudah tidak diterima oleh pihak kerajaan. Sekarang, saya ingin mempersoalkan kenapa kuasa pengecualian itu dilanjutkan kepada mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri.

Ini bermakna, selain daripada sekolah-sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28, institusi pendidikan lain juga boleh dikecualikan oleh menteri daripada memakai pengantar Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, ini berkaitan dengan pindaan ini. Saya terpaksa menyentuh seksyen 73, 74 dan 75 kerana ini berkaitan, walaupun tidak sampai ke peringkat ini.

Seksyen-seksyen lain, saya faham ada kuasa menteri di bawah seksyen 75(1). Kuasa menteri daripada seksyen 75(1) ini ialah untuk, saya baca 75(1),

Tuan Pengerusi:-

“Menteri boleh mengenakan menghendaki institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah supaya mengajar mata-mata pelajaran berikut:-

- (a) Bahasa Kebangsaan;
- (b) Pengajian Malaysia;
- (c) Inggeris.”

Tuan Pengerusi, seksyen ini tidak terpakai kerana ada satu pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, yang kita terima petang kelmarin iaitu rang undang-undang adalah dipinda dalam seksyen 73 dengan memasukkan selepas seksyen 2 subseksyen yang berikut:-

- (3) Bahagian ini tidak terpakai bagi institusi pendidikan tinggi swasta.

*Huraian:*

Pindaan ini bertujuan mengecualikan pemakaian Bahagian VII rang undang-undang kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang dikawal selia di bawah undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Pengerusi, ini bermakna, apa yang saya faham sekarang ialah, dengan pindaan yang baru ini, peruntukan-peruntukan Bahagian VII di bawah akta ini tidak terpakai untuk institusi pengajian tinggi. Apa dia yang terdapat di dalam Bahagian VII?

Bahagian VII, seksyen 76, antara lain menyebut, “Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengawasan, pengawalseliaan atau pengawalan taraf pendidikan di institusi pendidikan swasta.”

Ini tidak terpakai untuk institusi pengajian tinggi. Ini bermakna menteri selepas daripada ini tidak mempunyai kuasa kawalan langsung ke atas institusi-institusi pendidikan tinggi. Itu yang saya faham Yang Berhormat Menteri. Kerana huraian yang diberikan ini bahawa Bab VII tidak akan terpakai untuk sekolah-sekolah institusi pendidikan tinggi swasta.

Tuan Pengerusi, ini bermakna kembali kepada seksyen 17. Pendidikan tinggi swasta sekarang bebas. Mereka boleh menggunakan apa sahaja bahasa yang mereka suka. Mereka boleh menjalankan apa sahaja yang mereka mahu tanpa ada kawalan daripada pihak menteri.

Tuan Pengerusi, ini sangat bahaya. Kalau ada kawalan di bawah seksyen-seksyen lain, saya rasa ini akan bercanggah dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri kata, ada kawalan-kawalan lain, peruntukan-peruntukan lain, tetapi pindaan ini tentu bercanggah dengan peruntukan yang sedia ada kerana seksyen ini jelas memperuntukkan bahawa ianya tidak terpakai untuk pendidikan tinggi swasta.

Walaupun saya faham terdapat satu seksyen lain lagi dalam undang-undang ini yang memperuntukkan bahawa menteri boleh menghendaki Bahasa Kebangsaan diajar di sekolah berkenaan, di institusi pendidikan tinggi berkenaan.

Perkara-perkara lain yang dikehendaki oleh menteri boleh diajar, tetapi di sini pula dikecualikan. Jadi, seksyen yang sedia ada dengan pindaan yang dicadangkan ini akan menjadikan sebenarnya dua seksyen ini bertentangan dan menteri tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan syarat kepada institusi pendidikan tinggi swasta. Saya harap Yang Berhormat Menteri menjelaskan sejelas-jelasnya tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk membangkitkan perkara 73, 74 bila tiba masanya. Sekarang saya khususkan kepada perkara 17 sahaja dahulu.

Kembali kepada seksyen 17. Tuan Pengerusi, sebenarnya hasrat kami

melalui notis kami yang telah kami kemukakan kepada Dewan ialah untuk meminda keseluruhan seksyen 17 ini menjadikan seksyen 17 baru seperti berikut:-

“17(1) Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan.”

“17(2) Bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan mata pelajaran bahasa dan mata-mata pelajaran lain yang berkaitan dengannya bolehlah diajar dalam bahasa ibunda.”

Itu cadangan kami yang asal, meminda keseluruhan seksyen 17 tetapi malangnya cadangan yang kami kemukakan kepada pihak Dewan telah di tolak, jadi tidak dapat dimasukkan.

Tuan Pengerusi, saya kembali sekali lagi kepada seksyen 17(1), oleh kerana cadangan kami telah di tolak maka saya tidak berhajat untuk membincangkan cadangan kami kerana kalau saya bincang pun ini tidak akan membawa apa-apa kesan.

Saya terima 17(1) yang sedia ada sekarang, 17(2) yang ada sekarang kerana itulah kehendak dan saya percaya inilah yang akan diteruskan ataupun yang akan diluluskan oleh Dewan ini.

Saya sekali lagi mempertikaikan, saya tidak ada halangan - saya kembali kepada Seksyen 28, apakah jenis-jenis sekolah yang boleh ditubuhkan oleh Menteri di bawah Seksyen 28? Saya rujuk kepada Seksyen 28, “Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyelenggarakan sekolah-sekolah itu? Di

bawah Seksyen 28, Menteri boleh menubuhkan 2 jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan - 2 kategori sahaja. Saya boleh terima itu kerana cadangan kami sudah pun ditolak.

Pengecualian kepada Seksyen 28 boleh diterima kerana pengecualian penggunaan Bahasa Kebangsaan di sekolah ini sudah menjadi dasar sekarang yang diputuskan melalui Akta ini. Tetapi yang saya tidak boleh terima ialah penggunaan 'atau' selepas daripada "atau mana-mana institusi pendidikan lain", bermakna sekarang penggunaan Bahasa Kebangsaan bukan sahaja kepada sekolah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28, tetapi pengecualian pengantar Bahasa Kebangsaan juga akan dipakai kepada semua institusi lain yang ditubuhkan oleh Menteri mengikut subseksyen yang berkenaan. Ini terlalu luas.

Saya rasa itu bukanlah hasrat daripada parti-parti dalam komponen Barisan Nasional yang sebenar. Saya boleh terima kalau ianya mengikut pengecualian kepada Seksyen 28, kerana Seksyen 28 itu khusus untuk 2 jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan - boleh dikecualikan penggunaan bahasa pengantarnya Bahasa Kebangsaan. Tetapi Seksyen 17 ini pergi lebih jauh lagi menambahkan lagi, "atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini".

Tuan Pengerusi, bermakna sekarang ini apa yang saya fahami, pengantar di semua sekolah ialah Bahasa Kebangsaan, kecuali sekolah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Kecuali yang kedua ialah mana-mana institusi lain yang diwartakan atau dikecualikan

oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Kuasa ini terlalu luas. Sudahlah pengecualian kepada sekolah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 itu sudah terlalu luas, yang kami tidak bersetuju di peringkat awal, tetapi kalau mengecualikan lagi bahasa pengantar kepada sekolah-sekolah lain atau institusi lain lagi yang akan ditubuhkan, kita tidak tahu berapa buah kolej yang akan ditubuhkan selepas ini, berapa buah institusi akan ditubuhkan selepas daripada ini, berapa buah institut pengajian tinggi akan ditubuhkan selepas daripada ini. Kalau itu juga diberi pengecualian seperti mana mengikut hasrat Seksyen 17(1), ini adalah terlalu luas. Saya minta Yang Berhormat Menteri - tentulah Yang Berhormat Menteri bila saya mencadangkan sedemikian, kalau saya cadang supaya dipotong perkataan 'atau mana-mana institusi pengajian lain', tentu Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju kerana itu sudah dasar yang diputuskan oleh kabinet.

Tentu Yang Berhormat Menteri kata, jangan bimbang, kita tidak salah guna kuasa, kita akan pilih sekolah-sekolah lain. Tetapi, kelmarin saya telah bangkitkan perkara ini, kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan bahawa jawatan Menteri Pendidikan di tangan Yang Berhormat sampai bila-bila, barangkali ada munasabahnya, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi jaminan itu, tentulah sukar bagi kita untuk menerima bahawa peruntukan ini tidak disalahguna. Yang Berhormat cuba bayangkan, sekarang tidak apalah, UMNO berkuasa, kita terima hakikat itu. UMNO menjadi teras kepada Barisan Nasional. Kita boleh terima hakikat itu sekarang. Yang Berhormat Menteri, kita

boleh terima, ada semangat di sebalik itu kerana anak kepada pemimpin yang kita agungkan. Minta maaf saya sebut, kerana saya agungkan pemimpin berkenaan - saya bukan mengutuk, tetapi cuba bayangkan, kalau UMNO tidak berkuasa, Yang Berhormat Menteri tidak menjadi Menteri lagi, peruntukan ini cukup bahaya.

Sebab itu kalau boleh saya cadangkan, saya boleh terima sekarang kerana kalau saya bangkang pun tidak ada makna kerana sudah diterima - 28 sekolah di bawah Seksyen 28. Tetapi kalau boleh 'delete'kan perkataan 'atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri di bawah subseksyen ini. Jangan lanjutkan kepada instituti-institusi lain. Cukup untuk setakat Seksyen 28, kalau itulah hasrat yang ingin dicapai oleh motif atau pun tujuan pindaan ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**6.17 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, Fasal 3(2), “Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa dan menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini, dan hendaklah menasihati Menteri tentang hal yang berkaitan dengan pendidikan”. Saya harap bahawa Ketua Pengarah Pendidikan akan memberi nasihat yang baik kepada Yang Berhormat Menteri supaya khususnya dalam perkara penting mengenai pendidikan, jangan main-main, jangan memutarbelitkan seperti yang kita lihat tadi.

Pendirian DAP mengenai SRJK(C) adalah sangat jelas, ia bukan hari ini, bukan hari semalam, telah selama 30 tahun, masa itu pendirian MCA, pendirian GERAKAN dan apa pendirian mereka sejarah mengetahuinya, sebab itu tidak perlu memutarbelitkan dan main-main sahaja. Tentulah sangat jelas.....

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak.

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan. Minta duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sangat jelas pendirian kita, daripada ucapan kita dan daripada apa yang dilahirkan oleh Ahli-ahli Parlimen dari Parti Semangat 46 bahawa kita ada perbezaan dalam perkara ini. Ini sangat jelas dan kita tidak



bersetuju dengan pandangan-pandangan yang dilahirkan mengenai SRJK(C) oleh Ahli-ahli Parlimen dari Parti Semangat 46 dan itulah sebab DAP tidak ada dalam Gagasan Rakyat dan kita berharap supaya parti Semangat 46 boleh mengkaji kedudukan dalam perkara ini.....

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri. Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Menteri Pendidikan tidak berani untuk memberi jalan apa guna berdiri. Ajar Menteri Pendidikan dahulu supaya tunjukkan keberanian dahulu. Apabila tokoh-tokoh berani cakap, tidak berani beri jalan, apa guna, apa guna. Tanam sifat keberanian dalam diri Yang Berhormat Menteri Pendidikan dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan, minta duduk, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan berani, barulah semua pengikut-pengikut boleh diberi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta duduk, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak berani, pengikut-pengikutnya janganlah berdiri. Itu mahu ikut Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan takut, apa guna berdiri?

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat. Balik kepada fasal, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Apa guna? Sebab itu kita harap dalam perkara ini, dalam isu ini.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, point of order

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nanti, ada point of order. Point of order atau apa Yang Berhormat? Beri kepada dia, Tanjong, point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, izinkan saya menarik perhatian kepada point of order 36(1), kerana masa sekarang ini di peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya sudah beritahu dia, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Jadi, sekarang ini eloklah ditumpukan hanya kepada isu yang hendak dicakapkan sahaja, jangan berbelit-belit lagi dan dalam perkara ini juga saya ingin menarik perhatian.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini relevan, habis. Tarik perhatian bukan ucapan - cukup, tarik perhatian bukan ucapan.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Nanti dahulu, saya belum habis. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebutkan Peraturan 36(6) - sangkaan jahat, saya minta ruling kepada Tuan Pengerusi supaya Dewan ini dapat berjalan dengan lancar. Kalau hendak bercakap lain, biar kita spesifik dalam peraturan ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Biarlah begitu, minta ruling daripada Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa. Saya tidak payah ingatkan Yang Berhormat. Yang Berhormat lebih tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya sebut ialah menjawab Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kalau apa yang beliau cakap boleh dibenarkan, tidak ada sebab mengapa jawapan saya tidak dibenarkan kalau selain daripada kita ada double standard.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik kepada Jadual, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan balik. Itu pendirian kita dan kita tidak lari. Kita harap bahawa dalam perkara ini sebenarnya, tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada memutarbelitkan satu perkara apabila saya mencadangkan bahawa SRJK(C) dianggap sebagai national school - sekolah kebangsaan. Bukan bahawa untuk memulihkan seksyen 21(2), untuk menghapuskan SRJK(C) tetapi ada satu definisi sekolah kebangsaan yang lebih luas meliputi sekarang, yang pertama, sekolah kebangsaan yang ada sekarang dan yang kedua, meliputi SRJK sekarang. Satu definisi yang lebih luas, bukan semacam Yang Berhormat Menteri Pendidikan kata bahawa saya cadang, saya tidak faham, saya cadang, mahu kembalikan 21(2), mahu memansuhkan SRJK(C). Saya harap Ketua Pengarah boleh memberi nasihat yang lebih baik kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, boleh faham undang-undang.

Fasal 69 sebenarnya kita ada satu pindaan yang ada ditolak. Saya pun tidak tahu atas apa sebab. Saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan faham kenapa pindaan itu ditolak ialah bahawa mengadakan satu peruntukan yang baru ialah 69(4) tambah (d) bahawa untuk pengecualian daripada Fasal 69 digunakan ialah 'tong cau' atau peperiksaan bersama yang dikelolakan oleh Tong Chau Chong ialah (4)(d). Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada mengatakan dalam ucapan beliau bahawa 'tong cau' atau peperiksaan bersama akan boleh dibenarkan diteruskan tetapi kebenaran ini bukan di bawah Akta ini. Mungkin dalam peraturan-peraturan yang akan digubalkan

oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tetapi apa yang dibenarkan di bawah peraturan ialah berbeza daripada apa yang dibenarkan oleh Akta ibunya.

Oleh kerana kedudukan kuasa undang-undang ialah subordinate. Di bawah peraturan ialah subordinate legislation. Delegated legislation dan apa yang ada dalam peraturan boleh dipinda, boleh diubah tanpa dirujuk balik kepada Dewan yang mulia ini. Yang pertama.

Yang kedua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada memberi jaminan bahawa peperiksaan bersama boleh dibenarkan untuk terus diadakan, tetapi oleh kerana tidak ada pindaan ini di dalam Akta ibu, apabila Yang Berhormat Menteri membuat peraturan yang ada diumumkan oleh beberapa pemimpin MCA bahawa peraturan akan dibuat untuk membenarkan peperiksaan bersama dibenarkan, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa beliau tidak akan dikenakan apa-apa syarat (condition) oleh kerana peperiksaan bersama sekarang bukan tertakluk di bawah jurisdiction Kementerian Pendidikan.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan bahawa untuk peperiksaan bersama kementerian tidak akan mengenakan apa-apa peraturan atau syarat-syarat yang baharu bahawa peperiksaan bersama itu akan dibenarkan, diteruskan tanpa perubahan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang.

**6.26 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Machang.

Yang pertama, mengenai pindaan yang telah diedarkan iaitu untuk meminda 73(3). Saya rasa bagi pendapat saya, pindaan ini adalah betul kerana 73(3) ini menyatakan, “Bahagian ini tidak terpakai bagi institusi pendidikan tinggi swasta”. Ada Huraian di bawah, “Pindaan ini bertujuan mengecualikan pemakaian Bahagian VII, Rang Undang-undang kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang dikawal selia di bawah apa-apa undang-undang bertulis yang lain”, yang mana kita difahamkan bahawa pihak kementerian ataupun kerajaan akan mengemukakan lagi satu akta iaitu Akta untuk institusi pengajian tinggi swasta.

Saya penuh yakin bahawa keraguan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi akan dapat kita selesaikan apabila Akta IPTS nanti yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Januari nanti. Jadi, pada pendapat saya, pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini adalah betul dan tidak perlu lagi kita ragukan.

Yang kedua, mengenai cadangan dari Yang Berhormat Machang juga iaitu pindaan mengenai 17(2). Sebelum saya menyentuh 17(2), izinkan saya menyentuh seksyen 75(1). Seksyen 75(1) ini pada pendapat saya, adalah contradict dengan 17(2). 75(1) mengatakan, “Menteri boleh menghendakki institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah supaya mengajar mata

pelajaran yang berikut: (a) Bahasa Kebangsaan, jika bahasa pengantarnya ialah satu bahasa selain daripada Bahasa kebangsaan”.

Yang saya hendak pertikaikan di sini ialah “Menteri boleh”. Dalam istilah undang-undang “boleh” is the “may” - budi bicara. Saya ingin mencadangkan perkataan ‘boleh’ ini patutnya ditukarkan kepada ‘shall’ ataupun ‘hendaklah’ - lebih mandatori kerana kalau perkataan ‘boleh’ ini dikekalkan, katalah Menteri boleh iaitu budi bicara, ia membenarkan sekolah yang bukan pengantarnya Bahasa Kebangsaan, menggunakan bahasa selain dari Bahasa Kebangsaan. Ini adalah bertentangan dengan seksyen 17(2).

Seksyen 17(2) jelas mengatakan, “Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada Bahasa Kebangsaan, maka Bahasa Kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib”. Walaupun lebih senang cakap, is mandatory. Mesti kena ajar Bahasa Kebangsaan. Oleh itu, seksyen 75(1) ini, kalau ditukarkan kepada perkataan, “Menteri hendaklah...” ataupun dalam bahasa Inggeris, “The Minister shall...”, maka mahu tidak mahu, Bahasa Kebangsaan wajib dan mestilah diajar di sekolah-sekolah ataupun institusi pendidikan swasta yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Yang kedua, seandainya cadangan saya ini diterima maka keraguan Yang Berhormat dari Machang yang dia khuatir, yang mencadangkan supaya perkataan ‘atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan....’. Mungkin Yang Berhormat Machang takut Yang Berhormat Menteri salah gunakan budi bicaranya,

maka telah mencadangkan supaya perkataan ‘mana-mana institusi pendidikan ini’ didelete ataupun ditiadakan. Tetapi kalau 75(1) ini kita tukar kepada perkataan ‘mandatory’ maka perkataan asal iaitu ‘mana-mana institut pendidikan’ seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Machang tadi tidak perlu lagi kita potong kerana kita sudah tidak khuatir bahawa Bahasa Kebangsaan wajib diajar di mana-mana sekolah.

Yang akhir sekali, ini ramai ahli pembangkang yang mempersoalkan kuasa Menteri. Saya ingin hendak mengingatkan pihak pembangkang. Menteri ini, pada pendapat saya, tidak pernah lagi seseorang menteri membuat sesuatu keputusan, dia seorang. Kita ada sistem Kabinet, Cabinet responsibilities.

Jadi, bukannya macam pembangkang. Empat lima orang pun tidak boleh hendak bersatu. Oleh itu, kuasa Menteri ini, saya percaya ialah Kabinet yang mana di dalam Kabinet kita mewakili semua kaum. Oleh itu, kita tidak perlu bimbang mengenai kuasa-kuasa Menteri yang ada di dalam Dewan ini.

Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, nanti sekejap, saya duduk dahulu ya. [*Ketawa*]

Yang Berhormat, ramai sangat ini yang hendak berucap. Serdang. Minta jangan berucap lebih daripada 5 minit. Boleh tak? Jangan berucap di atas dasar. Ini saya tahu di dalam Jawatankuasa. Yang Berucap tadi bercanggah dengan seksyen, dan bercanggah dengan seksyen ini. Itu dasar.

**6.21 ptg.**



**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi nasihat kepada saya kerana yang pertama kali dalam Dewan yang mulia ini yang berkaitan dengan Fasal 28 di mana Akta ini telah memberi kebenaran kepada Menteri untuk menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyegerakan sekolah tersebut.

Saya rasa ini satu dasar yang liberal dan boleh membuka satu ruangan kepada pendidikan masyarakat. Di kawasan-kawasan perumahan yang majoritinya orang China sekarang sedang pesat membangun. Saya minta kalau fasal ini diluluskan kemudian, maka permintaan mungkin dapat sampai ke kementerian di mana menteri mendapat kuasa induk untuk membuka sekolah jenis kebangsaan supaya anak-anak di kawasan tersebut dapat pendidikan bahasa ibunda selain daripada Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara yang mustahak ini kerana memang ada setengah orang tidak suka supaya sekolah jenis kebangsaan tidak dibuka lagi di kawasan-kawasan tertentu. Maka ini adalah kerana pendidikan itu menjunjung wawasan negara. Oleh itu mustahak bagi penduduk-penduduk di kawasan yang tidak ada langsung sekolah di situ. Oleh kerana pembangunan yang pesat yang sedang dijalankan, projek-projek perumahan telah wujud dan kawasan-kawasan tertentu, meliputi beribu-ribu unit rumah, tetapi tanpa sekolah di situ dan kawasan tersebut yang majoritinya orang Cina, saya minta sekolah jenis kebangsaan dapat dibuka di kawasan-kawasan tertentu atas budi bicara Menteri.

Oleh yang demikian juga, cadangan Kementerian Pendidikan tidak lama dahulu, sekolah wawasan juga akan dibuka di kawasan-kawasan tertentu, supaya bukan sahaja masyarakat Cina dapat menikmati pendidikan di kawasan tersebut, tetapi bangsa-bangsa lain juga dapat menikmati melalui rancangan pendidikan yang dikatakan sekolah wawasan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai pendidikan guru, Fasal 42. Ini adalah suatu cara kita mengadakan latihan kepada guru, tetapi saya meminta Kementerian Pendidikan supaya mengkaji syarat-syarat perkhidmatan guru dan gaji guru di mana akan menarik lebih ramai lagi orang ramai yang berminat untuk menjadi guru supaya berkhidmat dalam perkhidmatan pendidikan ini.

Pada peringkat ini, memang kekurangan guru telah berlaku dan dengan adanya cadangan untuk mengadakan Maktab Pendidikan Guru ini mungkin kemudahan telah diadakan, tetapi yang penting adalah syarat-syarat perkhidmatan supaya ramai lagi generasi muda menyertai dalam pengurusan ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai Fasal 51 di mana peruntukan Fasal 51(b), tiada murid-murid mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dilanjutkan dianutinya kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya.

Tuan Pengerusi, pertama kali dapatlah pendidikan agama yang bukan agama Islam telah dapat dimasukkan di dalam jadual di mana dengan adanya dasar yang demikian itu, murid-murid yang bukan Islam mendapat satu pendidikan agama supaya mereka mempunyai kesedaran terhadap masyarakat dan juga

berdisiplin pada masa akan datang. Tetapi, mungkin satu masalah akan timbul di mana bagaimana caranya kita mendapat guru-guru untuk mengajarkan agama Budha. Jadi, saya minta penjelasan dari pihak Yang Berhormat Menteri bagaimana untuk mengatasi guru agama yang akan mengajar di sebahagian sekolah yang didapati ibu bapanya meminta untuk membuka kelas agama ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Mentakab.

**6.36 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk memberi sedikit pandangan kepada Fasal 17 dan 19.

Fasal 17(1) dikatakan Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan, kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28.....”

Tuan Pengerusi, masalahnya ialah keadaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28. Saya khuatir dengan perkataan ini, fasal ini mungkin ditafsirkan bahawa sekolah jenis kebangsaan yang ada sekarang mungkin tidak dibenarkan menggunakan bahasa Tionghua atau bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah yang sedia ada. Cuma sekolah baru yang ditubuhkan di bawah Fasal 28 baru dibenarkan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Walaupun saya mengalu-alukan pengumuman dan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa di bawah Fasal 151, semua sekolah yang sedia ada akan kekal dan dibenarkan untuk menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, saya khuatir mungkin nanti berlaku percanggahan dalam tafsiran antara 17(1) dan 151. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri memberi pengesahan dan penjelasan yang lebih lanjut supaya tidak berlaku apa-apa salah tafsiran kelak.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Cheras bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tak beri. Tak ada masa, saya ada 5 minit sahaja.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan. Sedikit sahaja.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tak ada masa. *[Disampuk]* Lain kali.

**Tuan Pengerusi:** Cheras, jangan tawar-menawar. Bukan kedai, ya!

*[Ketawa]*

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 19 yang dikatakan tiap-tiap sekolah hendaklah menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melainkan jika dikecualikan selainnya oleh atau di bawah Akta ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri apakah yang dimaksudkan “menyediakan murid untuk peperiksaan yang

ditetapkan”? Adakah ini bermakna semua murid-murid, sama ada di sekolah kerajaan atau di sekolah swasta akan diwajibkan mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh Menteri Pendidikan.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Minta penjelasan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tak payahlah. Lain kali. Lain kali saya mesti beri.

Tetapi kali ini, tidak boleh.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Seputeh. Dengarlah katanya. *[Disampuk]*

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, jadi saya minta penjelasan apa maksud bila kita mengatakan menyediakan murid-murid untuk peperiksaan yang ditetapkan? Saya harap ini tidak ditafsirkan bahawa bahasa pengantar di sesuatu sekolah mesti mengikut bahasa di mana peperiksaan itu dijalankan, sebab ini akan mengelabukan sedikit tafsiran perkataan tersebut. Saya berpendapat ini amat penting supaya nanti tidak berlaku apa-apa salah faham terhadap fasal ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat saya hendak beritahu bahawa kita ada dua bil ataupun rang undang-undang lagi hendak disudahkan pada malam ini.

Oleh sebab kita telah bersetuju di atas dasar, benda yang lain-lain, yang titik bengek, yang hendak ditanya kepada menteri bolehlah bertanya pada masa yang lain, kalau tidak, kita tidak boleh menghabiskan tugas kita pada malam ini.

Saya haraplah Yang Berhormat berkerjasama supaya kita menunaikan tugas kita. Sila Rompin.

#### **6.41 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Menghayati apa yang Tuan Pengerusi, baru nyatakan, saya hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu tentang pengawasan dan penyeliaan. Walaupun pada dasarnya pada pembentangan telah disentuh, tetapi tadi Machang telah membawa perkara ini dengan merujuk kepada Perkara 6, 7, 8 yang mengatakan menuduh kerajaan dan kementerian bahawa dalam pengendalian sekolah swasta, Tuan Pengerusi, tidak ada pengawasan atau kuasa kerajaan dan kementerian mengawal. Ini tidak benar Tuan Pengerusi, sebab apa kalau kita lihat dari segi Fasal 53, di bawah Pengurusan Institusi Pendidikan, ini termasuk pendidikan swasta daripada Fasal 53 sampai ke 66. Ini menolak pandangan beliau, Yang Berhormat Machang yang mengatakan bahawa dalam Akta ini kerajaan tidak ada peruntukan untuk mengawal dan mengawasi serta menyelia dari segi penubuhan, perjalanan sekolah swasta.

Semalam tafsiran itu saya kira amat salah dan telah dijelaskan oleh menteri tengah hari tadi oleh kerana itulah saya bangun untuk menyatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Machang adalah sekadar hanya menimbul dan melambatkan

sahaja proses menguruskan rang undang-undang hari ini. Yang DAP semuanya bercakap sama sahaja, seperti Tuan Pengerusi katakan. Oleh kerana itu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi dan tidak menyokong serta saya tidak bersetuju dengan pandangan Machang yang mengatakan kerajaan khususnya kementerian tidak ada hak atau kuasa mengawal dan mengawas perjalanan sekolah-sekolah di negara kita di bawah peruntukan ini terutama sekali sekolah swasta. Terima kasih, Tuan Pengerusi,.

**Tuan Pengerusi:** Cheras.

**6.43 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 17(1) juga. Tadi, Yang Berhormat dari Mentakab ada kata betapa khuatirnya.

Saya tidak faham MCA sudah terawal-awal sebelum rang undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan ini sudah mengatakan menyokong penuh Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Dalam Dewan ada pemberita-pemberita di sana, sekarang mereka bersandiwara dengan mengatakan khuatirlah, minta penjelasanlah, minta jaminan daripada menteriilah. Apa semua lakonan ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Perkara 36(1), Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, Fasal 17(1) ini.....

**Tuan Pengerusi:** Nanti Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat semua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini bercakap hal apa ini, baru hari ini datang.....

**Tuan Chang Kon You:** Apakah sikap itu?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sila duduk. (*Kepada Y.B. Tuan Tan Kok Wai*) Sila teruskan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi:** Ipoh Timor sila duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, izinkan saya membahagikan Fasal 17(1) ini kepada tiga bahagian.

Yang pertama, Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini adalah bertentangan dengan tafsiran yang diberikan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan. Ertinya ialah seperti di muka surat 17, SRJK ialah menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama. Maka tidaklah jelas perkataan-perkataan yang disebut dalam Bahagian I ini.

Yang kedua, Bahagian II, kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28, maka ia menimbulkan perasaan risau dan kebimbangan antara kaum, masyarakat Cina dan India. Jadi, adakah ini bermakna sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan baikpun Cina atau Tamil yang



ditubuhkan di bawah seksyen 28 selepas rang undang-undang ini diluluskan hanya menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama di SRJK? Semua sekolah SRJK (Cina) atau SRJK (Tamil), SRJK (Cina) berjumlah 1,289 dan lebih kurang SRJK (Tamil) di seluruh negara. Ini tidak boleh menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama?

Yang ketiga, Bahagian III atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri daripada subseksyen ini. Tuan Pengerusi, ada terdapat 60 buah sekolah menengah persendirian Cina yang wujud dalam negara ini sejak 40 tahun yang lalu dan selama ini sekolah menengah persendirian Cina menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama. Mengapakah sekolah-sekolah menengah ini tidak dibenarkan meneruskan dengan menggunakan Cina sebagai bahasa pengantar utama, dengan jaminan tetap dan automatik tanpa meminta kecualian daripada menteri? Ini adalah satu persoalan yang patut diberikan jawapan yang dijelaskan oleh menteri. Sungguhpun di dalam Fasal 17(2).....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya tidak beri, menteri pun tidak beri jalan, kalau hendak minta jalan boleh minta daripada Menteri Kerja Raya kalau tidak Timbalannya pun boleh....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Rompin cukuplah. Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya harap satu jaminan yang tepat, teguh daripada menteri kerana sudah mengeliru dan ini paling membimbangkan.

Saya ingin sekali lagi memberi amaran kepada MCA jangan main-main di Dewan ini, bersandiwara, di luar Dewan sebelum rang undang-undang dibentangkan pada awal-awal sudah menyokong penuh kepada rang undang-undang ini, masuk ke dalam sini menyoalkan menteri, minta penjelasan dan merasa khuatir. Apakah pendirian itu? Terima kasih.

**Tuan Fu Ah Kiow:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat, ya cukuplah. Yang Berhormat yang wanita itu. Sepang sila, selepas itu menteri menjawab

**6.48 ptg.**

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Bahagian IV, Bab 9 Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang menyentuh pendidikan guru secara khusus.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapan tempoh hari telah menyentuh tentang langkah-langkah dan usaha kerajaan untuk meningkatkan imej profesion perguruan. Di samping menambah peluang latihan bagi mereka, ini jelas disentuh melalui peruntukan di bawah Fasal 47. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa mulai Julai 1996, guru-guru maktab perguruan akan dianugerahkan diploma dan bukan lagi sijil perguruan. Pengumuman ini telah menimbulkan pelbagai reaksi yang menggalakkan dari pelbagai lapisan masyarakat terutama sekali mereka yang

pernah dan sedang terlibat di dalam profesion perguruan. Ini adalah kerana peningkatan tahap pengiktirafan kelulusan perguruan bukan sahaja akan menaikkan skim pendapatan, tetapi yang lebih penting lagi ianya akan meletakkan profesion perguruan di tempat yang sewajarnya sesuai dengan peranan guru sebagai pembina generasi masa depan yang bermaruah. Yang menjadi persoalan dan kemusykilan kita ialah tentang kedudukan pemegang-pemegang sijil perguruan yang sedia ada atau dengan kata yang lain 'cikgu lama'. Adakah sijil perguruan mereka juga akan dinaikkan taraf secara automatik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap atas dasar itu, kita bercakap sekarang ini di atas Fasal-fasal.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tidakkah saya menyentuh Fasal 47 itu?

**Tuan Pengerusi:** Minta dipendekkan sedikit, ya.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin mencadangkan dan menyampaikan suara hati cikgu-cikgu lama agar pengalaman dan prestasi lalu dan semasa dijadikan kayu pengukur bagi mendapatkan pengiktirafan tersebut. Oleh yang demikian, perlu dinyatakan dengan jelas kedudukan guru-guru lama di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 bagi menjamin kedudukan mereka, sumbangan mereka tidak terhingga mendidik anak-anak bangsa harus dihargai.

Saya yakin dengan komitmen dan semangat yang telah ditunjukkan oleh pihak kerajaan, persoalan sedemikian dapat kita atasi bersama. Dengan itu, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi :** Kelang.

**6.50 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Fasal 34(2) yang mana menyatakan Menteri boleh memberikan sumbangan bantuan kepada institusi pendidikan yang tidak ditubuhkan olehnya yang termasuk dalam perenggan 1(a) atau 1(b) iaitu Maktab dan Sekolah Khas.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebab dengan mengadakan Fasal ini, maktab-maktab dan sekolah-sekolah khas yang ditubuhkan oleh organisasi yang tidak membuat untung, non-profit making organisation, dengan izin, akan mendapat sumbangan bantuan daripada kerajaan. Bantuan ini sangatlah penting untuk institusi pendidikan tersebut yang sedang menghadapi kesukaran kewangan. Pada pandangan saya skop bagi institusi pendidikan menerima sumbangan kewangan itu patutlah diperluaskan. Dalam hal ini saya rasa politeknik yang tidak ditubuhkan oleh Menteri patutnya diperbolehkan menerima sumbangan bantuan daripada Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kelang, Yang Berhormat pun berucap di atas dasar, di atas dasar Yang Berhormat ya. Sekarang kita bercakap dalam Jawatankuasa. Dalam Jawatankuasa kita bercakap di atas Fasal-fasal sahaja.

**Dr. Tan Yee Kew:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Adakah benda-benda yang hendak diucapkan?

**Dr. Tan Yee Kew:** Ya, okay, saya ingin menyentuh Fasal 50 dan 51 berkenaan dengan pengajaran agama di institusi pendidikan. Kami semua sedar bahawa sewaktu negara kita menghadapi pembangunan industrial yang cepat, agama dan nilai-nilai moral kita tidak boleh diketepikan. Sebaliknya ia perlu dikekalkan dan diperlihara pada masa yang sama. Dan saya mengucapkan syabas kerana terdapat satu bab tentang pendidikan agama di dalam rang undang-undang ini dan saya yakin nilai-nilai moral boleh dikukuhkan melalui pendidikan agama. Fasal 51 mengatakan bahawa pengelola institusi pendidikan bantuan kerajaan boleh mengadakan peruntukan bagi pengajaran agama selain daripada agama Islam untuk murid-murid institusi pendidikan itu.

Kalau berbanding dengan Akta Pendidikan yang lama, boleh dikatakan peruntukan Fasal 51 ini adalah a step forward, dengan izin, sebab murid-murid yang beragama lain akan dapat peluang belajar agama sendiri di sekolah di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, kelas-kelas agama yang lain itu tidak mendapat apa-apa bantuan pun daripada kerajaan. Mengikut Fasal 51(a) yang mana disebutkan peruntukan kelas agama itu tidak boleh dibiayai dengan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen. Memandangkan

gangsterism di kalangan kaum, India dan China yang semakin meningkat khususnya di golongan remaja, pengajaran agama menjadi lebih penting. Walaupun kita ada kelas moral di sekolah-sekolah tetapi rupanya kelas moral itu tidak mencukupi. Jadi saya harap sekolah-sekolah akan mendapat peruntukan wang bagi tujuan mengendalikan kelas-kelas agama yang bukan Islam.

Akhirnya Tuan Pengerusi, kami sedar, kami mengakui bahawa dalam usaha menggubalkan suatu Akta Pendidikan, banyak faktor hendaklah diambil kira. Memandangkan complexity yang terlibat dalam hal ini, dan oleh sebab negara kita terdiri dari berbilang kaum kita terpaksa menerima hakikat bahawa sikap yang bertolak ansur perlu diambil dalam usaha membangunkan suatu sistem pendidikan. Apa yang mustahak dalam pertimbangan rang undang-undang ini adalah matlamat dan prinsip-prinsip pada keseluruhannya.

Walaupun rang undang-undang ini ada kelemahan dan kekurangannya seperti yang disebutkan di Fasal-fasal tadi, tetapi pada pandangan saya ia tidak menjejaskan prinsip-prinsip yang baik dan matlamat yang murni pada keseluruhannya. Oleh itu, saya memohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, pertamanya perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang berhubung dengan tujuan pengecualian Fasal 73 yang akan saya buat pindaan selepas ini.

Di samping itu, saya suka menjelaskan bahawa dengan pindaan ini bukan bererti institusi-institusi pendidikan swasta berkecuali daripada kawal seliaan kerajaan tetapi pengawalannya akan diletakkan di bawah satu rang undang-undang yang berasingan dan peruntukan-peruntukan tertentu bagi pengajaran Bahasa Kebangsaan, peruntukan berkenaan dengan pendidikan Islam dan Malaysian Studies, dengan izin Tuan Pengerusi, akan turut diletakkan sebagai syarat wajib di bawah Akta yang baru, jadi tidak perlulah diletakkan sekali lagi di bawah rang undang-undang ini dan kita tidak mahu juga sebarang institusi perlu didaftarkan dua kali, iaitu satu kali bawah rang undang-undang ini dan sekali lagi di bawah rang undang-undang yang baru iaitu institusi pendidikan tinggi swasta yang dijangka akan dibentangkan pada bulan Januari akan datang ini.

Tuan Pengerusi, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sama ada unified examination ini akan terus kekal dan sama ada Menteri akan mengenakan sebarang syarat, maka saya

hendak merujuk kepada Fasal 151 yang meletakkan bahawa sebarang syarat yang diberikan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1961 termasuk soal pendaftaran dan penggunaan unified examination ini akan terus kekal dan tidak ada apa-apa syarat tambahan yang akan dikenakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tak ada, tidak ada masa. Tuan Pengerusi, sama ada peruntukan yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab - Fasal 19, sama ada Fasal ini terpakai bagi murid-murid di sekolah swasta, sukacita saya jelaskan oleh kerana institusi pendidikan swasta berada dalam sistem pendidikan kebangsaan, maka Fasal 19 tetap terpakai bagi institusi tersebut melainkan sekolah swasta berkenaan dikecualikan daripada peruntukan Fasal 19 di bawah rang undang-undang ini.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Lumut menyentuh tentang peruntukan untuk pendidikan agama selain daripada agama Islam, perlu saya jelaskan bahawa Perlembagaan Negara tidak mengizinkan wang kerajaan digunakan melainkan untuk agama Islam sahaja.

**Fasal 3 hingga 72** diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 73.**

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya hendak membawa cadangan pindaan seperti kertas pindaan yang telah diedarkan iaitu:-

Rang Undang-undang dipinda dalam seksyen 73 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bahagian ini tidak terpakai bagi institusi pendidikan tinggi swasta.

#### HURAIAN

Pindaan ini bertujuan mengecualikan pemakaian Bahagian VII Rang Undang-undang kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang dikawalselia di bawah apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

*[English translation are as follows]:*

This Bill is amended in section 73 by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) This Part shall not apply to private higher educational institution”.

This amendment seeks to exempt the application of Part VII of the Bill to private higher educational institution which may be regulated under any other written law.

**7.00 mlm.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Pengerusi, kini terdapat 1,290 buah SRJK(C), 60 buah sekolah menengah Cina swasta dan juga terdapat sekolah conforming school (sekolah menengah conforming).

Jadi, pendirian MCA memang mengharapkan supaya ciri-ciri yang diwujudkan di dalam semua jenis sekolah ini dikekalkan. MCA menyokong rang undang-undang ini dan juga meminta penjelasan kerana ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di atas apa itu? Yang Berhormat dimintalah bercakap di atas pindaan yang dikemukakan oleh menteri tadi.

**Tuan Lim Si Cheng:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri sahaja, beliau sebelum itu ada kata bahawa universiti-universiti swasta akan tertakluk kepada satu undang-undang yang lain dan mungkin akan dibahas di persidangan Januari. Bolehkah kita ada satu jaminan bahawa Ahli-ahli Parlimen akan diberi rang undang-undang yang lebih awal supaya ada masa untuk mengkaji dan dapat input public?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya akan cuba menghantar kepada Ahli Yang Berhormat secepat mungkin yang boleh tetapi penggubalan rang undang-undang ini agak rumit dan banyak berhubung kait di antara satu sama lain. Jadi, mungkin masa yang diberikan tidaklah begitu lama yang diharapkan, tetapi saya akan cuba untuk mengemukakan secepat mungkin.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang telah dikemukakan tadi, dikemuka kepada majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam seksyen 73 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bahagian ini tidak terpakai bagi institusi pendidikan tinggi swasta.”

*[English translation are as follows]:*

This Bill is amended in section 73 by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) This Part shall not apply to private higher educational institution.”

**Fasal 73** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 74 hingga 156 -**

**Tuan Pengerusi:** Fasal 74 hingga 156 terbuka untuk dibahas. Sila.



**7.03 mlm.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya katakan kini kita terdapat sebanyak 1,290 buah sekolah SRJK(C) dalam negara kita dan juga terdapat 60 buah sekolah menengah Cina swasta. Ciri-ciri yang diwujudkan di dalam sekolah ini bagi MCA memang mempertahankan sekiranya ciri-ciri ini dikekalkan. Jadi, apabila kita merujuk kepada seksyen 151 berkaitan dengan kecualian berkenaan dengan institusi pendidikan, pengelola, pengurus atau pekerja mendaftar, kita minta penjelasan daripada Menteri Pendidikan supaya segala ciri-ciri yang diwujudkan di dalam sekolah ini termasuk uniform examination yang dianjurkan oleh Dong Ziau Chong itu dikekalkan.

Kita minta penjelasan kerana tanggungjawab kita supaya rakyat dalam negara kita dapat faham sebenar-benarnya Rang Undang-undang Pendidikan ini diadakan. Jadi, kita berasa dukacita apabila kita dipersoalkan oleh pihak DAP. Sebenarnya, kita mengkhawatiri DAP akan mengelirukan masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak payahlah begitu, berucapkan di atas fasal-fasal dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi, terpaksa saya menjelas sedikit kerana apabila pihak S.46 dan pihak PAS menyentuh hasrat mereka supaya kerajaan dapat menghapuskan ciri-ciri itu, DAP diam-diam, DAP langsung tak

tegur, sehingga Ketua Pembangkang sendiri mencadangkan supaya SRJK(C) ditukar kepada sekolah kebangsaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, yang itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Si Cheng:** Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawab. Kepong dahulu ya.

**7.05 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, mengenai:

“106. Ketua Pendaftar boleh enggan mendaftarkan seseorang sebagai guru di bawah Akta ini jika dia berpuas hati bahawa orang itu -

(e) Telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh mahkamah dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun atau denda yang tidak kurang daripada dua ribu ringgit;”

Tuan Pengerusi, saya berpendapat setakat ini tidak mencukupi, patut kita tambahkan lagi terutamanya dalam pengurusan kewangan untuk pembelian buku-buku teks dan lain-lain bahan dan aktiviti di sekolah. Kerana pengurusan wang adalah sangat penting bagi sesebuah sekolah.

Tuan Pengerusi, saya sering menerima aduan daripada setengah-setengah sekolah, saya menekankan di sini bukan semua pengetua ataupun guru besar yang tidak baik, kebanyakan itu yang baik, yang berdedikasi, yang berkomited dan beriltizam.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, ada segelintir yang apabila menguruskan wang ini menimbulkan kesangsian, menimbulkan syak wasangka. Misalnya, apabila seseorang guru besar mengendalikan pembelian buku-buku teks, kadangkala menimbulkan kesangsian ataupun syak wasangka kerana dianggap menerima hadiah ataupun ganjaran ataupun wang yang luar biasa daripada penerbit ataupun pengedar-pengedar buku.

Satu masalah timbul bahawa apabila kita tengok di sekolah-sekolah rendah yang besar, (kategori 'A'), memang ada banyak guru besar hendak menjadi guru besar di sekolah-sekolah yang besar ini, diberitahu bahawa salah satu sebabnya guru di sekolah-sekolah seperti ini, pembelian buku ataupun bahan-bahan yang lain ataupun aktiviti yang banyak dan kutipan wang yang banyak.

Dengan itu, pihak kementerian mesti peka kepada aduan dan ketidakpuasan orang ramai, ibu bapa yang mengesyaki bahawa ada segelintir guru besar tidak berlaku dengan baik, ada kecurangan mengenai pembelian-pembelian buku teks ini ataupun aktiviti yang lain. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, saya berpendapat kita mesti adakan peruntukan yang lebih ketat termasuk pengurusan kewangan bagi semua sekolah bagi memastikan semua guru besar dan semua pengetua adalah dalam keadaan yang betul, yang wajar, tidak disyaki sebagai melakukan kecurangan atau penyelewengan. Ini satu perkara yang sangat penting untuk memastikan semua sekolah adalah bertaraf tinggi ataupun bertaraf dunia daripada segi kualitinya.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 128, iaitu:-

“Walau apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, tiada peguambela atau peguamcara boleh dibenarkan hadir dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Siasatan.”

Tuan Pengerusi, saya tidak begitu faham mengapa kita perlukan satu fasal seumpama ini memandangkan Fasal 127 dan juga Fasal 129 mengenai kuasa

Jawatankuasa Siasatan yang begitu luas. Misalnya Fasal 127 - tertakluk kepada Seksyen 129 dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini, Jawatankuasa Siasatan hendaklah mempunyai kuasa:-

- (a) untuk memperoleh dan menerima segala keterangan, sama ada bertulis atau lisan dan memeriksa semua orang termasuklah perayu yang disifatkan dan difikirkan wajar oleh Jawatankuasa Siasatan. Kuasanya sangat besar;
- (b) untuk menghendaki supaya keterangan seseorang diberikan dengan sumpah atau ikrar atauakuan berkanun. Ini memang biasa dibuat oleh Peguam Cara, mengapa kita mengadakan Fasal 128 di mana Peguam Bela dan Peguam Cara tidak boleh hadir dalam Jawatankuasa Siasatan. Walhal Jawatankuasa Siasatan itu mempunyai kuasa yang begitu besar sehingga melakukan kuasanya dengan menghendak supaya seseorang memberi keterangan dengan sumpah atau ikrar atau denganakuan berkanun;
- (c) untuk memanggil mana-mana orang termasuklah perayu supaya hadir dan memberikan keterangan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (d) untuk menerima apa-apa keterangan bertulis atau lisan walaupun keterangan itu tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah; dan

- (e) untuk tidak membenarkan orang awam menyertai apa-apa penyiasatan atau mana-mana bahagiannya dan, jika Jawatankuasa Siasatan berpendapat bahawa adalah demi untuk kepentingan awam.....(dan sebagainya).

Tuan Pengerusi, saya menganggap dengan kuasa yang begitu besar dan cara-cara yang dilakukan melalui cara yang biasanya dilakukan oleh peguamcara dan juga cara yang dilakukan di dalam mahkamah, mengapa peguambela dan peguamcara tidak dibenarkan menyertai ataupun hadir di dalam Jawatankuasa Siasatan. Tambah pula Fasal 129(1):

“Tiada seorang pun yang dikehendaki memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa Siasatan berkewajipan mendedahkan nama atau alamat mana-mana orang yang telah memberikan maklumat secara sulit kepada pegawai awam berhubungan dengan apa-apa fakta yang menjadi hal perkara penyiasatan dan tidaklah juga mana-mana orang berkewajipan menyatakan apa-apa perkara yang pada pendapatnya mungkin membawa kepada penemuan orang yang telah memberikan makluman sedemikian”.

Saya faham, ini hendak memberi perlindungan kepada orang-orang yang memberi keterangan. Sementara itu kita mesti membenarkan pihak yang tertentu menggunakan Peguambela dan Peguamcara. Kerana inilah satu keterangan diambil daripada orang yang namanya tidak dirahsiakan. Walaupun saya bersimpati, kerana kita sudah hendak mendapatkan keterangan, kalau kita dedahkan nama orang-orang yang memberi keterangan itu, sebaliknya, kita mesti juga memberi perlindungan pihak yang lain, yang dituduh atau disyaki melakukan kesalahan. Orang ini pun mesti diberi perlindungan, sebab itulah yang berharap

Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan mengapa kita mesti adakan Fasal 128. Memandangkan Yang Berhormat juga seorang Peguam, bukan? Tidak pernah di hadapan mahkamah?

*[Memaling muka ke belakang]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kerusi di sini, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tengok di sini, macam mana? Tidak payah tengok di situ, sini pun sudah cukup. Cuma saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa kita mesti adakan Fasal 128? Kerana kuasa Yang Berhormat Menteri itu sangat besar dan semasa membentangkan rang undang-undang ini beliau telah pun mengatakan bahawa beliau tidak akan menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya. Itu yang disebut. Kalau itulah hasratnya, kita perlu memansuhkan Fasal 128. Perlu mansuh, kecuali Yang Berhormat Menteri mempunyai alasan-alasan yang lebih konkrit untuk mengadakan Fasal 128.

Tuan Pengerusi, Fasal 151 - sering di.....

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini peringkat Jawatankuasa, kita tidak boleh menghalang orang yang hendak bertanya. Sebab saya hendak Yang Berhormat Menteri tahu juga, kalau orang bangun kita beri laluan. Itu caranya di dalam Jawatankuasa. *[Ketawa]* Cara yang baik, tetapi tadi kita nampak Yang Berhormat Menteri tidak mengetahui apakah caranya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Hendak berikah atau hendak ulas Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Tadi kita dengar Ahli Yang Berhormat dari Kepong begitu mempunyai pendidikan, begitu sabar dan ia

memberikan cadangannya dengan cara yang betul dan sebagainya. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Dari pandangan-pandangan beliau, bolehkah Ahli Yang Berhormat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini sekiranya Kementerian Pendidikan bersetuju menerima dan mengkaji cadangan tersebut, adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong akan bersetuju menyokong rang undang-undang ini, juga akan bersetuju tidak akan mengikut arahan bos dia tetapi bersetuju dengan rang undang-undang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw;** Tuan Pengerusi, nampaknya penjelasan itu tidak begitu jelas, dia keliru sedikit. Kerana masalah kita ialah kita minta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan bagaimana dan mengapa kita adakan Fasal 128. Soal sama ada saya akan sokong atau tidak sokong, tidak timbul. Kalau pindaan itu munasabah, pindaan itu menyahut kepada permintaan orang ramai dan munasabah kita mesti sokong. Kalau tidak munasabah, macam mana hendak sokong? Itulah caranya. Cuma saya hendak memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri, bila di dalam Jawatankuasa, siapa sahaja minta penjelasan, kita beri laluan. Itu penting, sebab sebelum dia menjadi Menteri yang lebih kanan, kita hendak memberi nasihat yang wajar.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, yang ke 35(7), “Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap”.

Tadi, Tuan Pengerusi telah menghadkan kepada 5 minit. Sekarang ini dia sudah cakap dekat 15 minit. Jadi, kalau macam ini, pukul 11.00 tidak habis, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah. Yang Berhormat Kepong, saya rasa Yang Berhormat sudah ambil masa lebih kurang 15 minit. Elok juga Yang Berhormat pendekkan, apa yang dah cakap, jangan ulangkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan ulasan saya. Sebenarnya Tanjong Karang, sebagai seorang peguam pun dia salah gunakan kepandaian dia itu. Sentiasa tengok yang remeh temeh sahaja.

Tuan Pengerusi, Fasal 152(1). Walaupun sentiasa disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, sebab dia gunakan 151 untuk memberi alasan bahawa semua permintaan daripada golongan tertentu termasuk Pong Zian Chonglah mengenai sekolah persendirian, mengenai peperiksaan bersama dan sebagainya. Dia mengatakan tertakluk kepada 151, semua itu beres. Tetapi di dalam 151, tidak begitu ketara. Sebagai seorang yang layak di dalam bidang guaman. Dia memang tahu. Ini sangat kabur. Samar-samar. Macam mana ini kata, “Oh, ini sekolah menengah persendirian Cina”, sudah ada, boleh kekalkan kerana ada Fasal 151.

Saya tidak faham - dan peperiksaan bersama dikekalkan, tertakluk kepada 151. Tidak begitu ketara, Tuan Pengerusi. Sebab itulah kita minta Yang Berhormat di dalam ucapan semasa membentangkan rang undang-undang, memang saya ada dengar beliau telah menyatakan semua ini sudah beres tetapi pada hakikatnya dalam fasal-fasal daripada 1 hingga Fasal 156 tidak ada. Cuma



saya faham, dia memberi kuasa, membuat peraturan, membuat kecualian - memang kuasa Yang Berhormat Menteri tetapi yang penting sekali, di dalam semangat untuk mengecualikan masalah-masalah tersebut, kalau keesokan hari ada Menteri Pendidikan yang baru, memang fikiran Menteri Pendidikan baru tidak serupa dengan Yang Berhormat Menteri sekarang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak serupa....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Saya rasa Yang Berhormat menyentuh kepada dasar, bukannya secara khusus.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, itu bukan dasar. Khusus kepada Fasal 151. Ini kecualian berkenaan dengan institusi pendidikan, pengelola, pengurus dan pekerja berdaftar dan di dalam Peraturan Tetapnya dibenarkan kita sentuh sedikit-sebanyak mengenai dasar institusi pendidikan, pengelola, pengurus atau pekerja berdaftar. Memang dibenarkan di dalam Peraturan Tetapnya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang. Saya tidak sebut semua mengenai rang undang-undang ini tetapi untuk khusus, Fasal 151.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang khusus, apa maksud Yang Berhormat? Faham?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya faham.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu khusus kepada perkataan-perkataan yang tersurat. Itu Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan gulung. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat meneliti Fasal 151 dan kemudian secocok dengan kenyataan beliau di dalam ucapan membentangkan rang undang-undang ini, kita masukkan peruntukan-peruntukan yang membayangkan ucapan beliau. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ledang.

**7.25 mlm.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh satu perkara di bawah seksyen 106(d) yang saya bacakan berbunyiya begini, Di bawah Tajuk Kuasa Ketua Pendaftar untuk enggan mendaftarkan seseorang sebagai guru iaitu, “jika dia berpuas hati bahawa orang itu menanggung sesuatu kecacatan jasmani atau mental atau penyakit yang pada pendapat Ketua Pendaftar menjadikan orang itu tidak sesuai menjadi guru;”

Saya merasakan perlu ada sedikit kelonggaran atau fleksibiliti dalam perkara ini kerana saya merujuk kepada satu kes di mana seorang pemohon untuk jawatan guru yang mengalami sedikit kecacatan di kakinya, mengikut laporan sebuah akhbar telah ditolak permohonannya. Jadi, saya merasakan perlu ada budi bicara dalam perkara ini kerana saya merasakan profesion perguruan adalah sesuai untuk mereka yang mengalami sedikit kecacatan seperti ini dan jikalau mereka mempunyai hasrat dan minat untuk menyumbangkan baktinya kepada anak bangsa, maka kecacatan seperti ini tidak harus menghalang mereka daripada menjawat jawatan guru kerana kita melihat di institusi pengajian tinggi pun ada saudara-saudara kita yang cacat penglihatannya mampu menjadi pensyarah.

Maka tiada sebab mengapa kecacatan kecil harus menghalang pemohon-pemohon yang mengalami kecacatan seperti itu tidak dipertimbangkan untuk menjawat jawatan guru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan.

**7.27 mlm.**

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Fasal 105 dan 106. Saya ingin mencadangkan kerana hari ini, kuasa diberi untuk mendaftar seorang guru. Tetapi saya ingin bertanya sama ada di peringkat prapersekolahan ataupun tadika-tadika yang wujud pada hari ini, sama ada sistem pendaftaran guru-guru ini juga akan dilibatkan kerana kita difahamkan, saya sendiri difahamkan dalam keadaan walaupun kita kata taski, yang dijalankan oleh pihak parti PAS, guru-guru mereka ini adalah guru-guru yang tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Mungkin mereka berkelulusan tertentu tetapi pemikiran mereka itu diberi sebagai seorang guru semata-mata untuk memesonkan pemikiran rakyat ataupun kanak-kanak yang dihantar ke sekolah yang berkenaan.

Jadi, saya mengharap supaya kementerian juga mendaftar. Apabila kita hendak mendaftar, kita siasat guru-guru di peringkat ini juga. Guru-guru di peringkat inilah yang lebih merbahaya kerana mereka dengan mudah....Ya, hendak tanya?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin, bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan pandangan Yan supaya guru-guru tadika ini didaftarkan. Apakah pandangan Yan selain daripada mendaftar, mengapa tidak kita latih mereka semula? Pertama, kita bimbang juga keupayaan dia mengajar. Yang kedua, pemikiran yang songsang itu, kita hantar latih kepada guru latihan khas untuk mereka yang begini? Apa pandangan Yan tentang perkara ini?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya amat bersetuju. Memang cadangan ini cadangan yang paling baik. Walaupun kita kata taski di bawah kerajaan negeri, saya mengharapkan supaya benda ini boleh diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan kerana ini adalah berkait dengan pendidikan dan mereka bukan setakat mengajar pendidikan agama. Mungkin kalau depa mengajar pendidikan agama sahaja boleh tetapi mereka juga mengajar pendidikan-pendidikan seperti biasa tetapi yang menjadi kerisauan kita hari ini, kanak-kanak yang tidak berdosa ini telah diasuh ataupun pemikiran mereka telah dipesong supaya mereka ini adalah masyarakat yang anti kepada establishment, anti kepada pembangunan.

Jadi, seolah-olah mereka hidup ini hanya untuk mati. Bukan hidup untuk hendak hidup dan bawa bekalan untuk di akhirat kelak. Jadi, saya berharap Kementerian Pendidikan dengan kuasa yang ada pada Yang Berhormat Menteri, saya percaya penuh dapat mengatasi masalah ini.

Ini bukan masalah main-main Tuan Pengerusi, kerana sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan yang dikuasai oleh parti-parti pembangkang hari ini telah keterlaluan sehinggakan penuntut-penuntut ini apabila mereka menyelesaikan pelajaran mereka di peringkat dalam negeri ini, mereka telah dihantar ke negara-negara yang kita tahu extreme di dalam keagamaan sehinggakan mereka ini bila balik nanti akan menjadi satu penyakit yang akan merosakkan perpaduan dalam negara kita ini.

Jadi, saya sungguh berharap pihak kementerian dapat menyelesaikan masalah ini supaya mendaftar juga. Kalau sudah daftar, bagus. Tetapi kalau sudah daftar pun, kena check balik. Kerana saya tidak melarang kalau budak-budak di taski ini diserkup dengan serban ke badan budak-budak itu sampai besar. Pakai jubah sampai meleret-leret. Yang itu, tak apalah, tetapi, kita tengoklah tempat. Kalau kita hendak pakai pyjamas datang di Parlimen, memang tidak boleh.

Kalau kita hendak pakai, kena tempat yang sesuai. Jadi, kanak-kanak ini juga adalah kanak-kanak yang ingin juga hidup di dunia yang Tuhan cipta ini sama seperti orang lain. Tentang pendidikan agama, kita boleh asuh. Tetapi janganlah hidup mereka ini kerana ibu bapa mereka telah mengikut satu pemikiran politik yang agak jumud. Jumudkah? Tak tahulah, tetapi jumud ini, kalau kerana bapa depa buat, entah-entah anak itu menjadi mangsa. Anak tidak ikut, bapa nanti pukul, jadi anak terpaksa ikut.

Bayangkanlah umur 4, 5 tahun ini, kita serkup dia, bukan main teruk hendak suruh dia belajar. Mana hendak sempat masuk, Tuan Pengerusi? Jadi,

yang ini saya harap kementerian kasihan ini. Budak-budak ini ada juga apabila saya jumpa dia, dia habak, “Yang Berhormat, tolonglah pergi sembang di Parlimen”. Yang kecil-kecil ini pun, dia faham. Jadi, saya hendak habak di Parlimen ini, tolonglah, gunakan kuasa yang dok ada ini.

Jadi, masalah taski di bawah Kerajaan Negeri ini bukannya masalah. Kita boleh ambil balik. Bukannya dia mengajar agama sangat! Yang lain dia Islam, sehinggakan budak-budak kecil kenal Dato’ Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang jahat ini - budak-budak kecil ini, pada hal budak-budak ini bukan mengerti apa-apa.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya pun kelmarin tak berupaya, gagahkan lompat empat lima kali pun tak dapat. Tak apalah, hendak buat macam mana?

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, Rompin.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Saya ingin minta penjelasan tentang kaedah dan keadaan guru-guru yang berada di bawah sekolah taski. Tetapi kita dengar juga cerita-cerita yang sama berlaku di sekolah-sekolah agama yang kita panggil sekolah agama rakyat ini. Macam mana guru-guru ini? Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian didaftarkan guru-guru ini juga supaya tidak berlaku perkara-perkara seperti Yang Berhormat Yan katakan tadi?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, itu mesti! Itu tak boleh main-main, Tuan Pengerusi! Ini sekolah menengah! Awat, tak daftarkah lagi masa ni Tuan Pengerusi? Saya hendak tanya ini. Sudah daftar kot!

Kalau tidak daftar, diwajibkan daftar, Tuan Pengerusi. Saya tahu dalam kawasan saya, ada dua pondok yang cukup celaru. Pondok Pak Ya dan Pondok Bukit Besar. Itu pun saya minta Menteri, ini saya sudah hendak pergi ke Fasal 124 dan 125, fasal kalau hendak beri bantuan ini, kita tengok-tengoklah. Kita hendak beri pada anak, beri pada anak. Jangan beri pada anak, nanti gigit jari, emak dok suap nasi. Kita bela dia elok-elok, tahu-tahu dia tukak jari kita balik. Yang ini tidak patut.

Jadi, saya tengok di kawasan saya, ada dua sekolah. Satu Pondok Pak Ya. Hangit PAS! Kalau kita goreng ikan ini, ikan itu hangitlah, jadi hitam. Minta maaf, Yang Berhormat Dato' K. Kumaran, saya bukan hendak refer apa-apa, tidak!  
*[Ketawa][Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Peraturan Mesyuarat ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(1). Saya tidak menentang apa Yang Berhormat Yan cakap, tetapi kalau mungkin saya silap, mungkin boleh dapat satu bantuan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kalau saya tidak silap, sekolah-sekolah agama tidak tertakluk di dalam Rang Undang-undang ini, bukan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tanya siapa, Tuan Pengerusi? Tanya Yang Berhormat Menteri atau tanya saya? *[Ketawa][Disampuk]* Eh, mana boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak, itu tidak relevant!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ikut peraturanlah Tanjong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, kalau tidak, itu irrelevant. Kalau saya salah, itu relevant!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebenarnya Yang Berhormat bangkitkan point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 36(1), iaitu isi kandungan Yang Berhormat yang berkenaan itu mungkin terpesong.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak terpesonglah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat elok juga merujuk kepada butiran atau fasal yang berkenaan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, saya rujuk, Tuan Pengerusi. Saya tidak lari ini!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini jangan ghairah buat cerita, sangat!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, cerita pun cerita benda betul, Tuan Pengerusi. Saya bukan main-main. Ini masalah Rang Undang-undang Pendidikan ini bukan boleh main-main!



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, balik kepada fasal yang berkenan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini saya tak lari, ini! Semua ada!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, fasal yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 124 dan 125!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Tapi.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini sekolah bantuan, sumbangan modal.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Tanjong baca tak 124 dan 125? *[Disampuk]* Kalau tunggu, saya jadi Menteri, saya jawab!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan menentang benda-benda, tetapi sekolah agama sama ada di bawah bidang kuasa kementerian?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Semua sekolahlah ini!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu spesifik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu saya rasa tak gaduhlah Yang Berhormat! Jadi, cuba padatkan ucapan Yang Berhormat. Masa itu tidak mengizinkan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, saya faham masa, tetapi Akta Pendidikan ini mustahak, Tuan Pengerusi.

**Tuan Noh bin Omar:** Penjelasan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan? Sila.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak minta penjelasan. Tadi saya ada baca surat khabar yang mengatakan PAS telah pun membuat satu Mesyuarat Agung Khas menentang Akta Pendidikan ini dan mereka akan pergi ke seluruh negara, kononnya untuk memberitahu kononnya Akta Pendidikan ini seolah-olah menindas sekolah-sekolah taski. Bukannya taski, tetapi Pasti sebenarnya nama sekolah itu, seolah-olah menindas sekolah ini. Ini menunjukkan PAS sudah tahu bahawa Akta ini termasuk sekolah-sekolah agama. Yang tak faham, DAP! DAP sudah lama berbahas, tak faham bahawa sekolah agama ini juga termasuk di bawah Akta ini. Kalau begitu, macam mana kita hendak dengar dia bercakap panjang-lebar? Tak tahu apa yang dia cakap! Setuju tak apa yang saya cakap?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Setuju sangat! Depa duduk sekelambu, tetapi mimpi lain-lain! Tidur sebantol. Kadang-kadang kabat sama-sama kawan. Ini puak-puak pembangkang ini. Kemudian goyang kepala. Awat, you ingat, you pandai sangatkah Tanjong, orang lain tak mengertikah? Saya pun Wakil Rakyat, dipilih oleh rakyat. Jangan main-main! *[Ketawa]* You kena corner, lepas itu, tengah hari ini, naik angin! Kita tak ada, kita steady! *[Ketawa]* Jangan main-main! You feel embarass now, you try to defend yourself, dengan izin.

*[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** You be ‘hokong, meng kong’, dengan izin. *[Ketawa]* ‘Esai ki si fan’. Kuehtiow, nasi campur, ‘ki si fan’lah! dengan izin. *[Ketawa]* Jadi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini Yang Berhormat tak beri penjelasan pun! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya habak, dia tak reti bercakap, jangan bercakap. Ini waktu makan, si fan, you boleh pergi makan! Kepong pun pergi makan, jangan dok kacau. Kita hendak luluskan bil ini. Haiya! *[Ketawa]* Ini peribahasa orang-orang Hainam kata, ‘nang botinan, kui botikui’. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan janganlah gunakan peribahasa itu. Itu mengguris perasaan, Yang Berhormat!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bukan kata pada sesiapa. Kalau orang perangai macam itu, termasuk golongan itu! Jadi, Tuan Pengerusi, saya balik kepada 124.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order. Point of order.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Peng yu, peng yu. Esai, esai!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan peng yu, ini 36(6). Mungkin Yang Berhormat tak faham peribahasa. Tetapi saya rasa Tuan Pengerusi seorang daripada suku kaum yang disebutkan dirujuk oleh Yang Berhormat. Saya rasa

itu tak elok. Itu sesuatu yang sangat tidak elok dan saya harap boleh tarik balik kerana sungguhpun Yang Berhormat hendak main-main, hendak berjenaka, hendak berkelakar, itu perkara Yang Berhormat, saya tak mahu masuk campur. Tetapi jangan gunakan istilah seperti itu.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, saya beri setakat itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Harap jangan gunakan kerana saya rasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun boleh berikan sedikit tunjuk ajar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, 124 dan 125.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya kena buat keputusan dahulu ya....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak, saya hendak jimat masa, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa walaupun Kota Melaka cuba hendak bela kerusi, buat kali yang pertama, [*Ketawa*] tetapi saya rasa eloklah Yang Berhormat cuba elakkan, janganlah gunakan peribahasa. Itu memang kurang sopan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Inilah Tuan Pengerusi, kalau kita sebagai orang yang mengerti bahasa ataupun sayang kepada bahasa, kita kena gunakan peribahasa supaya [*Ketawa*] apabila kita menegur orang, orang itu tidak berasa offended. Sebab itu dalam bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan kita, kita

banyak peribahasa. Macam kita kata gian ataupun kita kata macam anjing menyalak bukit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kita kata benda-benda ini benda yang kadang-kadang tak offended seseorang. Tetapi bukan maksud saya kata dia anjing, tidak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, cukup Yang Berhormat. Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, dia tak faham. Dia menghina suku kaum Hainam.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak, tidak menghina. Itu peribahasa Hainam! *[Ketawa][Disampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, tolong jelaskan kepada dia, dia tak faham. Itu yang saya cakap, saya minta dia tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup Yang Berhormat. Bila ada masa, mungkin saya akan terangkan. Cukuplah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu yang saya cakap saya tak....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta dia tarik balik....jangan gunakan sesuatu yang tidak faham.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, okay Senai, saya beri pada Senai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Senai, bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Apa yang dikata itu bukan tuju kepada Tuan Pengerusi kitakah?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin :** Saya tuju kepada orang yang masuk dalam golongan itu, dia fikir sendirilah. *[Ketawa]* Kalau yang tidak patut dibahas, dibahas dia masuk dalam golongan itulah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, balik kepada Fasal, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Fasal 124, Fasal 125. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengharap kementerian apabila hendak memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah ini pertama pastinya sekolah ini adalah sekolah yang mengikut kepada dasar pendidikan kita. Kita mesti pastikan guru-guru atau tenaga pengajar itu adalah orang yang berkelulusan dan mengikut kehendak-kehendak sebagai seorang guru. Kerana kita nampak sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh parti-parti pembangkang ini mereka mengambil guru ikut suka sahaja, asalkan dia itu boleh bercakap Arab sepatah dua, dia boleh jadi guru, macam yang Yang Berhormat dari Pendang kata “bulu rom”, mana pernah dengar ‘bulu rom’, Tuan Pengerusi? Yang kita tahu bulu ini macam bulu romalah.

Tetapi kerana mereka kurang fasih dalam bahasa Arab, kerana dia pakai serban besar dan dia sokong parti lawan, jadi guru, hasut budak-budak hinggakan budak-budak ini balik dia tidak boleh tengok wakil rakyat ini, hak Barisan Nasional ini, hak UMNO. Hak DAP dia boleh tengok, muka Tanjong yang begitu segak dia boleh tengok, Tuan Pengerusi. Ini saya sokong Tanjong kerana dia elok sungguh.

Tuan Pengerusi, saya mengharap kementerian bercakap, kemudian pastikan duit ini dibelanja dengan sebaik-baiknya, buat surprise check, audit akaun mereka, kerana saya lihat Tuan Pengerusi, Sekolah Menengah Pak Ya Junid Batu 16 dalam kawasan saya lebih baik daripada sekolah menengah kerajaan, lebih baik, bukan elok dan bantuannya datang dari Kementerian Pendidikan.

Saya berharap pegawai-pegawai yang berkenaan barangkali menteri tidak tahu, pada masa itu Dato' belum menjadi Menteri Pendidikan lagi. Jadi di masa hadapan ini saya haraplah .... sakit dada saya, sakit dada, Tuan Pengerusi, sebab kadang-kadang sekolah kerajaan minta Yang Berhormat tolonglah - tolonglah, tidak dapat, hak yang pukul kita itu dapat, tidak sakit dada wakil rakyat, Tuan Pengerusi. Jadi, apabila saya bercakap perkara ini Tuan Pengerusi, saya pun naik sebak, tetapi kerana perjuangan bahasa Tuan Pengerusi, kita kena pertahankan. Jadi, saya mintalah kementerian pegawai-pegawai yang ada itu, tolonglah. Kita hendak tolong - tolonglah, tetapi janganlah tolong yang mengigit jari kita, hak Barisan Nasional inilah, hak UMNO yang diperjuangkan, hak itulah, kita pun semua hendak pergi akhirat, siapa yang tidak mahu syurga, takkan Menteri

Pendidikan tidak mahu hendak pergi syurga, tentu dia mahu. Saya pun macam itulah kalau boleh awal lagi hendak pergi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, diminta gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Ini masuk Fasal 124.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Supaya peruntukan jangan lari.

Itulah dua perkara yang saya hendak cakap, pertama Tuan Pengerusi, oleh sebab saya kelmarin tidak dapat bercakap, ini hendak lepas geram. Jadi, saya harap dan sebelum ini saya harap kita semua dalam rakan Barisan Nasional, kena faham dan pasti bahawa kita bertolak-ansur cukup baik, jangan bangkit-bangkit lagi - cukup baik, UMNO give way, MCA give way, MIC tunggu, Mr, Kumaran dan Yang Berhormat kita pun tunggu, senyum selalu dia, Timbalan Menteri yang saya paling suka sekali, yang handsome menteri inilah. *[Ketawa]* Jadi, semua kita buat kerja elok-elok, jangan ada syak wasangka di antara satu sama lain, biar pergilah parti-parti pembangkang ini dengan karenah mereka hendak jadi hero dalam kelambu, biarkan mereka jadi hero dalam kelambu, asalkan kita pertahankan supaya generasi anak bangsa kita ini menjadi satu generasi yang dapat saling bantu-membantu di antara satu sama lain. Ini yang kita hendak Tuan Pengerusi, *[Tepuk]* supaya sekolah-sekolah ini diberi bantuan yang sebaik-baiknya dan memberi satu fahaman bahawa kita ingin hidup dan menikmati kekayaan yang ada di atas dunia ini dengan sebaik-baiknya, jangan ada syak wasangka lagi.



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ini cakap dasar Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bila makin lama, naik semangat Tuan Pengerusi. Tetapi tidak apalah, setakat itu sahajalah Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya mengucapkan tahniah kepada menteri. Walaupun diserang habis-habisan oleh pihak pembangkang yang macam saya kata peribahasa tadi, sentiasa memberi senyuman lagi, walaupun sampai pukul 11.00, pukul 12.00 malam pun kita tunggu, Tuan Pengerusi. Pukul 12.00 malam pun saya berani tunggu di sini untuk mempertahankan parti kita yang memerintah dengan adil di tanah air kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong  
7.47 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut Fasal 87 - Pembatalan Pendaftaran dan antara sebab-sebab, alasan-alasan yang boleh digunakan untuk pembatalan pendaftaran ialah alasan yang dinyatakan dalam Fasal 84(a). Fasal 84 dan juga mengenai kuasa untuk mendaftarkan institusi pendidikan antara lain ialah bahawa institusi pendidikan digunakan atau mungkin digunakan bagi maksud yang memudaratkan kepentingan Malaysia awam atau murid satu definasi yang sangat luas.

Tadi kita ada mendengar satu ucapan dan satu seruan bahawa mereka yang antiestablishment patut sekolah mereka dibatal, sebab itu sangat bahayalah kalau kita ada kuasa yang sangat luas tanpa kontrol. Tetapi oleh kerana Fasal 128 yang

memperuntukkan bahawa untuk membantu, menteri apabila melayani rayuan terhadap kuasa-kuasa yang digunakan oleh pentaftar (registrar general ) beliau boleh menubuhkan satu committee of inquiry, tetapi mengikut Fasal 128, peguambela dan peguamcara tidak boleh hadir di hadapan Jawatankuasa Siasatan, oleh kerana perkara-perkara yang boleh dibangkit, didengar ke Jawatankuasa Siasatan melibatkan isu-isu yang penting semacam pembatalan sekolah, pendaftaran guru-guru, pendaftaran pengelola, pekerja. Ini adalah hak-hak yang dianggap sebagai penting dan kalau mahu menafikan hak-hak semacam ini kita patutlah mengikut proses undang-undang dan bahawa hak natural justice dipatuhi.

Saya berharap bahawa Fasal 128 di mana peguambela tidak diberi hak untuk menghadiri dalam semua perbicaraan-perbicaraan atau pendengaran-pendengaran committee of inquiry, satu peruntukan yang tidak adil. Diharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi sebab kenapa mahu ada peruntukan semacam ini sungguhpun dalam Akta Pendidikan 1961 ada peruntukan-peruntukan yang sama mengenai committee of inquiry, mengenai rayuan-rayuan yang dibuat kepada menteri, tetapi tidak peruntukan Fasal 128. Kenapa dalam Akta 1961 peguambela boleh menghadiri committee of inquiry, tetapi sekarang tidak boleh?

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka selepas itu Tanjong Karang, tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat berdua supaya menghadkan masa pada 5 minit, Yang Berhormat.

**7.50 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 124, Fasal 125. Saya tidak mahu buat syarahan agama seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Yan. Sungguhpun beliau hendak pergi syurga, tetapi saya rasa membahaskan rang undang-undang ini tidak akan membolehkan dia pergi ke syurga.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri, bolehkah beliau memberi satu jaminan bahawa satu peruntukan tahunan akan dibuat, diberikan oleh beliau kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang di mana tanah mereka bukanlah milik kerajaan? Ini adalah kerana seperti yang saya sebutkan tadi, mereka hanya mendapat bantuan dari segi operasi sahaja tetapi dari segi pembangunan, setiap permohonan adalah secara *ad-hoc*, kelulusan setiap permohonan adalah secara *ad-hoc* dan setiap kali mereka kena dapat bantuan daripada masyarakat umum dan ini amat membimbangkan, bukan sahaja kepada pentadbir sekolah tetapi juga kepada para murid yang terpaksa kerap untuk menyertai program ini supaya sekolah tersebut dapat berfungsi.

Saya rasa sudah tiba pada masanya pihak kementerian mengambil tanggungjawab mereka yang sebenarnya dengan memastikan murid-murid tersebut boleh memberikan tumpuan seratus peratus ke atas pengajian mereka dan pihak kementerian bertanggungjawab dengan mengambil alih tugasnya memberikan peruntukan yang sewajarnya. Ini adalah memenuhi hasrat dan aspirasi hak asasi manusia sepertimana yang termaktub di dalam Pengistiharan Hak-hak Minoriti Bangsa-Bangsa Bersatu yang diluluskan pada tahun 1976. Sungguhpun Malaysia bukanlah seorang signatory, dengan izin, kepada pengistiharan tersebut tetapi lunas-lunas yang disebutkan dalam pengistiharan tersebut adalah diterima sejagat oleh banyak negara-negara maju dan harus diikuti oleh negara Malaysia.

Di sini juga, Tuan Pengerusi, sungguhpun peruntukan ini memberi kelonggaran kepada pihak Menteri sama ada untuk memberikan peruntukan atau tidak. Ada satu puak yang dipimpin oleh Parti GERAKAN, apabila mereka masuk ke Barisan Nasional dalam 80-an, bahawa mereka akan mendapat bantuan peruntukan untuk sekolah-sekolah menengah persendirian Cina tetapi sehingga hari ini dasar ini

masih belum dilaksanakan dan sebaliknya, nampaknya mereka lebih menyokong dasar kerajaan untuk tidak memberikan sebarang bantuan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa itu pun cakap dasar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, ini dari segi Fasal tersebut di sini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Fasal itu sepatutnya dikhususkan kepada apa yang tersurat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, sebab itu ini kerana ada, ini oleh kuasa Menteri, Tuan Pengerusi. So, sebab itu saya harap bahawa pihak Yang Berhormat, bolehkah memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini? Jaminan telah diberikan oleh Menteri-menteri dari MCA dan GERAKAN tetapi jaminan ini tidak guna langsung. Tidak guna langsung, tak bermakna langsung, malah dalam masyarakat Cina, mereka pun tidak yakin langsung. Tetapi, kalau Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan bahawa sumbangan bantuan akan diberikan juga kepada sekolah menengah persendirian Cina, saya rasa ini akan meyakinkan masyarakat Cina bahawa Rang Undang-undang Pendidikan ini yang diluluskan oleh Barisan Nasional telah mengambil kira hasrat, aspirasi dan juga harapan mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Fasal 151 yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai dan Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh tentang peruntukan 151. Saya hendak jelaskan bahawa Fasal 151 ini memberi peruntukan yang cukup terjamin kepada sekolah-sekolah yang sudah diberi pengecualian sebelum ini di bawah Akta Pendidikan 1961 termasuk kepada 60 buah sekolah independent chinese schools dengan segala-segala syarat kelulusan yang telah diberikan selama ini dan mereka akan terus kekal dan mereka boleh menjalankan peperiksaan 'unified examination' seperti yang diamalkan pada masa ini.

Dalam ucapan saya, saya telah menyatakan bahawa dasar pengkalan *status quo* kita kekalkan.

Tuan Pengerusi, soal Fasal 128, Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh tentang soal kenapa peguam cara dan peguam bela tidak dibenarkan. Jawatankuasa Siasatan tidak menjalankan atau terlibat dalam prosiding undang-undang, dengan izin, not a legal proceeding. Kuasanya merupakan bersifat pentadbiran semata-mata, bertujuan memberi nasihat kepada

Menteri. Jadi Jawatankuasa ini tidak membuat keputusan atas isu undang-undang dan sebab itulah tidak perlu diadakan peruntukan untuk membolehkan peguam bela dan peguam cara menghadiri prosiding dalam Jawatankuasa ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak ada masa dah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, teruskan kalau tak beri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Masa terhad. Saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ledang tentang budi bicara Menteri ataupun pihak ketua pendaftar di bawah seksyen 106 ceraian (d), saya ambil kira bahawa ada guru-guru yang cacat boleh menjadi guru yang baik, berwibawa dan ada komitmen. Kita akan memberi perhatian kepada cadangannya, cuma kalau guru itu ada penyakit mental, saya bimbang sedikitlah, tetapi lain-lain kecacatan mungkin boleh diberi perhatian untuk mengambil kira mereka sebagai bakal guru.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan menyebut tentang apa yang berlaku dalam Taski ataupun Pasti. Ini kita akan siasat sebelum kita mengenakan sebarang peruntukan di bawah rang undang-undang ini. Kalau sekiranya Taski menjalankan proses pendidikan, maka Taski ataupun Pasti itu tergolong di bawah rang undang-undang ini tetapi kalau ia seratus peratus untuk bidang agama sahaja, maka ia terkeluar dari bidang rang undang-undang ini kerana itu adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negara. Jadi, perkara ini harus kita siasat dan kita akan siasat untuk menentukan apa yang sebenarnya dilakukan oleh Pasti dan Taski di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, tentang bantuan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, kita memang kategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan dan sekolah-sekolah ini yang dikatakan sekolah bantuan modal memang diberi peruntukan oleh kerajaan dari semasa ke semasa, bukan sahaja dari segi bekalan guru, dan perkapita, tetapi peruntukan pembangunan diberikan juga dari semasa ke semasa dalam bentuk sumbangan kerajaan dan pihak lembaga pengurus biasanya berusaha juga untuk mencari peruntukan kewangan daripada orang ramai dan dengan bantuan kerajaan ini dan dengan kaedah baru yang kita tetapkan. Kerajaan boleh beri bantuan dalam bentuk wang tunai untuk dimasukkan dalam akaun sekolah jenis kebangsaan dan ini

telah membolehkan mereka membangunkan projek pembangunan dengan lebih mudah lagi daripada cara yang lama.

Tentang sekolah menengah persendirian Cina, tidak ada dasar untuk memberi bantuan kewangan pada masa ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah habis?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Habis.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Ya. Terima kasih.

**Fasal 74 hingga 156** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Jadual**

**7.59 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, pindaan yang di bahagian 4, di bahagian Jadual selepas 2(i) tambahkan dengan (j) pendidikan komputer dan di bahagian Jadual selepas 3(g) ditambah dengan (h) pendidikan komputer atau computer literacy.

Saya gembira bahawa tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada memberi sedikit maklumat tambahan mengenai kemajuan pendidikan komputer.

Kita bukan di sini untuk sebaliknya, kita di sini adalah demi kepentingan kesejahteraan generasi yang akan datang dan tanggungjawab setiap Ahli Parlimen, tak kira apa-apa parti ialah untuk memberi pandangan, idea-idea yang baik yang boleh memberi sumbangan terhadap matlamat ini dan saya tidak mahu semacam satu sikap, saya tidak begitu bersetuju seperti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa dalam perkara pendidikan komputer, bahawa nampaknya dia tidak begitu suka hati mendengar pandangan-pandangan daripada pihak kami di sini. Tetapi itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tadi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kata bahawa ada dua sekolah di Kuala Lumpur yang ada access Internet melalui Jaring. Maklumat yang kali yang pertama kita dengar, tetapi di negara kita, kita ada 8,000 ke 9,000 buah sekolah, dua sekolah di Kuala Lumpur sahaja yang ada access Internet melalui Jaring tentulah menunjukkan bahawa kita masih jauh terkebelakang daripada bidang ini. Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah saya sebutkan semacam di Singapura tahun 1998 semua sekolah-sekolah di Singapura sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah akan ada pick-up kepada Internet dan matlamat untuk United States ialah tahun 2000.

Tetapi memanglah kita tidak boleh samakan keadaan sepenuhnya kita dengan Singapura tetapi kita perlulah mungkin ada satu program yang lebih ambitious dan sebab itu, saya ada cadangan bahawa bukan sahaja untuk sekolah menengah tetapi untuk sekolah rendah kita perlu memperkenalkan computer literacy atau pendidikan komputer sebagai satu 'core subject' supaya ia boleh menjadikan satu asas untuk generasi yang akan datang membawa Malaysia masuk era teknologi dan maklumat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Jadual seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam slip pindaan yang telah diedarkan sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**8.03 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, minta Rompin duduk dahulu, kita gilirlah, saya bercakap dahulu, ha! Gilir begitu, itu baiklah.

Tuan Pengerusi, cadangan Usul dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya mata pelajaran komputer dimasukkan di dalam Jadual untuk sekolah rendah dan juga untuk sekolah menengah adalah sangat wajar.

Walaupun Yang Berhormat Menteri, beliau iri hati sedikit kerana pihak DAP membuat cadangan, tetapi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh terima cadangan ini dengan baik, dengan hati yang terbuka, jangan hendak membidas, mencerca DAP sahaja kerana membuat cadangan yang bernas dan membina.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri di dalam akhbar dan juga di dalam Dewan yang mulia ini telah berkali-kali mengatakan ada satu, dua sekolah ada komputer ataupun beberapa sekolah ada komputer, tetapi hakikat dan kenyataannya kebanyakan sekolah di negara ini tidak ada komputer termasuk di universiti pun tak ada komputer yang cukup. Internet itu sangat jaranglah di dalam universiti, ini satu keadaan yang sangat malang, mungkin pihak kementerian mempunyai alasan ataupun faktor-faktor masalah yang tertentu.

Rompin pun tak tahulah apa masalah ini, mungkin salah satu masalah itu kewangan - tak cukup wang. Itu mungkin satu faktor yang terbesar.



*[Ahli Yang Berhormat dari Kepong berucap sambil berpusing-pusing memandang ke belakang]*

Tak cukup wang untuk membekalkan komputer untuk mengadakan Internet, kalau itulah masalah, terangkan kepada Dewan yang mulia ini, jangan kita cari alasan dan yang pincang untuk mengatakan: “Oh! .....”

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita demokratik!

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan sedikit. Pertama, selalunya kalau bercakap, kita pandang ke depan bukan kita pusing ke belakang, entah hendak jual ubat apa ini saya tak tahu. *[Ketawa]*

Penjelasan saya sedikit dari segi Internet atau penggunaan komputer teknologi, banyak kenyataan kerajaan - ini penting. Diadakan konsep supercorridor, ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan prihatin tentang perkara ini. Tetapi cara dan pendekatan kita Barisan Nasional berbeza dengan DAP - itu sahaja. Kita perahu lain-lain, perahu kita menghadapi terus kepada misi kita, perahu DAP ini dia ke lain, itu sahaja bezanya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Rompin itu fikiran kadangkala terpesong sedikit. Saya melihat kebelakang kerana saya hendak tanya Yang Berbahagia Ketua Pengarah Pendidikan yang memunyai ‘lap top’, baik komputer .....

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sedikit ya?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan. Sekarang, saya hendak bertanya Kota Melaka merujuk kepada Tanjong lepas itu terpaksa rujuk kepada Kota Melaka? Bermakna ini menghayati bahawa selepas Tanjong, Kota Melaka akan mengambil alih DAP, selepas itu rujuk daripada sekarang supaya Kepong selamat akan datang? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Rompin ini memang kalau kita kata 'songsang' dan 'songsong' itu betul. Orang songsang dan orang songsong. Menyimpang tak tentu arah, tak keruan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pun seronok kerana Ketua Pengarah Pendidikan yang mempunyai 'lap top' dan itu baik. Dan semua pegawai mesti mempunyai komputer dan bukan sahaja komputer, access atau laluan kepada internet, itu hasrat kita dan kita pun hendak tolong Ketua Pengarah dengan menyeru supaya kerajaan memperuntukkan wang yang cukup supaya kita dapat membekalkan komputer dan Internet kepada semua sekolah di negara kita. Itu betul dan saya pun boleh

nampak Ketua Pengarah itu senyum juga, dia bersetuju dengan pendapat DAP sekarang. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang mana satu, sudah habiskah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak habis lagi! Banyak lagi, dia bangun hendak minta penjelasan. Saya sebagai orang demokratik, kita berilah laluan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang mana satu Yang Berhormat. Silakan Bukit Mertajam.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Jadual, saya ingin ...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dak! dak, penjelasan sahaja. Bukit Mertajam, saya beri ..

**Dr. Tan Chong Keng:** Betul, minta penjelasan berkaitan dengan istilah Matematik dan Sains dan saya ingin hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong adakah pengetahuan asas berkaitan dengan komputer itu adalah meliputi dalam tajuk-tajuk Matematik dan Sains atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Bukit Mertajam tak begitu tajam hari ini. *[Ketawa]* Kurang tajam, bukit kurang tajam.

Walaupun Matematik dan Sains penting dan juga daripada Matematik dan Sains dan faktor-faktor yang lain itu wujudlah komputer, tetapi itu tak kena mengena dengan mata pelajaran komputer, itu berlainan kerana Matematik kita ada sempoa dan sebagainya. Tetapi sekarang kita hendak komputer, setakat ada Matematik dan Sains sahaja tak cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana Parit Sulong pula?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya tahu taktik pembangkang ini, dia hendak drap perbincangan sampai habis, cuma saya hendak kata, masalah pendidikan komputer adalah dalam tindakan kerajaan. Tetapi, saya hairan mengapa dia sekarang ini menjadi jaguh, dulu menjadi jaguh Perkara 21(2), sekarang ini sudah dah tak ada dah modal dia!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Parit yang sulong dia kurang faham, sekarang kementerian tak cukup wang untuk melaksanakan program komputer. Kita di dalam DAP mengutarakan bagi pihak Ketua Pengarah Pendidikan supaya kita dapat lebih wang untuk melaksanakan sistem dan program komputer. Itu pun tak boleh!

Jadi, Kementerian Pendidikan mesti memahami dan memberi pengertian kepada Yang Berhormat Parit yang sulong kerana tidak tahu kita tidak cukup wang untuk melaksanakan program ini.

Dia tidak mahu wang, dia tidak mahu, itu fasal Parit Sulong sahaja, kementerian mahu wang lebih sedikit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang menjadi satu perkara yang baik kalau kita adakan mata pelajaran untuk komputer, sebab dengan itu kita berharap kerajaan boleh mengaturkan program atau sistem yang lebih mantap dan juga memperuntukkan wang yang lebih banyak untuk melaksanakan program komputer supaya semua murid dan pelajar di negara ini ada peluang untuk mengguna komputer dan internet pada tahun 2000. Sebenarnya, setiap kali ada sesi mesyuarat Parlimen, kita akan menekankan perkara ini supaya....*[memalingkan muka ke belakang]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat memandang ke mana?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab saya nampak Yang Berbahagia Ketua Pengarah Pendidikan.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa cukup, Yang Berhormat. Masa sudah lebih Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*. Duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah lebih? Macam mana, kita sampai pukul 11.00.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita ada perkara yang lain. Kota Melaka.

**8.13 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberikan sokongan ke atas cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya mata pelajaran pendidikan komputer menjadi salah satu daripada mata pelajaran teras pada peringkat menengah.

Di sini, saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa maklumat akan menjadi teras aliran masa depan kita dan ini boleh dibayangkan, apabila orang yang paling kaya di dunia sekarang adalah berdasarkan kepada maklumat iaitu “Builgates” yang mana kerana satu disket sahaja beliau boleh mengumpulkan harta hampir US\$14 bilion dan dengan sekelip mata dalam tempoh masa, saya rasa 15 tahun menjadi orang yang paling kaya. Kalau negara Malaysia ingin menyertai golongan negara-negara yang maju adalah penting generasi muda kita juga bersiap sedia untuk menghadapi cabaran masa depan ini. Oleh sebab itu saya tidak nampak mengapa pendidikan komputer tidak boleh menjadi satu mata pelajaran teras.

Tuan Pengerusi, saya rasa adalah tidak elok kalau mata pelajaran pendidikan komputer dimasukkan dalam mata pelajaran matematik atau sains, kerana ini tidak akan membina penekanan yang sewajarnya kepada mata pelajaran ini.

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun. Hendak beri jalankah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya habiskan satu, dua ayat lagi, kemudian saya akan berikan. Kalau kita hendak memberikan penekanan ke atas pendidikan komputer, kita mesti menjadikannya sebagai satu core subject, sebagai satu mata pelajaran teras yang berasingan, bukan bercampur aduk dengan mata pelajaran lain yang sama-sama penting.

Tuan Pengerusi, seperti yang dimaklumkan sendiri oleh Tuan Pengerusi dalam satu laporan “World Competitiveness Report 1995”, kekurangan Research and Development (R&D), menjadikan satu sebab mengapa negara Malaysia telah turun dari segi competitivenessnya, dengan izin. Kalau kita tidak mahu lihat daya saing negara Malaysia terus menurun, adalah penting kalau kita melatih atau memberikan pendidikan komputer yang cukup kepada murid-murid dan anak-anak kita. Saya rasa sungguhpun dari segi pelaburan adalah sangat besar, tetapi ia akan membawa hasil yang amat bermakna kepada negara kita pada masa depan.

Tuan Pengerusi, cadangan yang dibuat oleh ketua pembangkang ini tidak bersifat dan berbau politik. Ia hanya semata-mata untuk kebaikan negara. Pendidikan komputer tidak mengenal sempadan politik. Dalam dunia yang tidak bersempadan, in the borderless world, dengan izin, seperti komputer, tidak ada faktor politik di sini. Oleh sebab itu saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh melihat perkara ini dari sudut kepentingan negara dan kepentingan nasional dan tidak semata-mata dari sudut politik sahaja, kerana di

sini bagi parti DAP, tidak ada sebarang manfaat langsung yang akan dicapai oleh DAP kalau perkara ini dimasukkan sebagai salah satu daripada mata pelajaran teras, sebaliknya ia akan memanfaatkan anak-anak kita. Sungguhpun pihak kerajaan akan menyatakan bahawa pada masa akan datang ia akan dijadikan satu mata pelajaran yang penting, tetapi kalau ia dijadikan sebahagian daripada rang undang-undang ini, ia akan menunjukkan komitmen pihak kementerian, komitmen negara untuk menjadikan masyarakat kita literate, dengan izin, dari segi komputer dan ini adalah sangat penting.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin, selepas ini Kementerian menjawab.

**8.18 mlm.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa dalam Jadual, khususnya tentang cadangan Tanjong atas Usul untuk memasukkan mata pelajaran komputer sebagai mata pelajaran teras ke dalam kurikulum untuk perkara 2 - peringkat sekolah rendah dan perkara 3 - peringkat sekolah menengah.

Tuan Pengerusi, nampak gayanya satu lagi cara DAP. Sebenarnya kerajaan telah amat sensitif dan merancang bahawa negara masa depan, dekad akan datang pentingnya komputer, pentingnya teknologi maklumat. Sebab itu diadakan dalam



pembangunan bandar, misalannya Putrajaya, diadakan konsep Super Information Highway. Telah menjadi satu usaha perancangan kerajaan bahawa bila tiba dekad akan datang, teknologi atau industri yang penting, industri maklumat adalah sebagai industri lain. Nampak gayanya hari ini, depa ini kononnya hendak menjadi juara lagi. Bahawa kononnya mereka ini akan memainkan peranan yang penting dengan memperjuangkan penggunaan komputer. Sebenarnya kerajaan sudah buat. Kalau dicadangkan supaya komputer dimasukkan dalam pelajaran teras, mereka cuba hendak mendapatkan, atau dengan izin, to steel the credit, di atas usaha kerajaan.

Dalam pelajaran matematik dan sains, sudah ada pendekatan penggunaan komputer. Diajar dalam komputer satu campur satu bukannya dua, satu campur satu dalam komputer ialah kosong.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biar saya habis dahulu, selepas itu saya beri. Bermakna tidak perlu, bahawa dalam mata pelajaran matematik dan sains sudah akan ada diajar dengan kaedah-kaedah penggunaan komputer dan cara bagaimana komputer itu dari segi mekanik dan tekniknya perjalanan komputer. Jadi tidak payahlah kita hendak ambil kerenah secara mendalam dan meletakkan masa pada ketika ini. Ini satu taktik jugalah hendak melambatkan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Satu saya berilah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat dari Rompin tahu bahawa ada ramai yang tidak berapa berpengetahuan tentang perkara sains dan matematik tetapi mereka kena mahir dalam komputer. Oleh sebab itu, saya rasa tidak ada kaitan langsung di antara komputer dengan Sains dan Matematik. Itu yang penting. Tidak ada prasyarat bahawa mesti mahir dalam perkara sains dan matematik baru boleh mahir dalam komputer. Oleh sebab itu, kita boleh computer literacy, dengan izin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Kota Melaka, saya bukanlah hendak bercakap besar. Saya ada bidang kejuruteraan elektrik saya sendiri. Bukan kita hendak ajar anak kita cara mengguna komputer tetapi bagaimana komputer itu sebagai satu alat 'tool of learning', dengan izin. Bagaimana the software languages, languages komputer, bukan sekadar hanya mengguna. Sebab itu, ini diajar dalam Matematik dan Sains. Tidak bermakna kalau kita tidak letak di sini, satu perkara, 'e'kah, atau 'f'kah, itu tidak bermakna kita hendak mengajar anak kita cara-cara, ala cara mengajar komputer. Tidak.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari sahabat saya. Adakah pihak saudara menyedari bahawa apabila kita bercakap mengenai teknologi maklumat, kita bukan sahaja menjurus kepada ala penggunaan komputer, tetapi juga menjurus kepada bidang kreativiti yang lain. Bidang bagaimanakah kita hendak memberi content providing services. Bagaimana kita

hendak membuat sistem integration services? Bagaimana kita mahu meletakkan beberapa sistem untuk bercakap dengan satu sama lain? Bagaimana kita hendak interface? Proses-proses ini bukan sahaja satu pengajaran yang khusus mengenai komputer. Ini menerusi kreativiti lain, mungkin dari segi seni untuk membuat content providing, untuk membuat images, multiimaging services.

Bidang teknologi maklumat adalah satu bidang yang terlalu luas dan pihak kerajaan sendiri memang telah lama sensitif mengenai perkara ini dan mempunyai perancangan mengenai hal ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya setuju pandangan Parit Sulong. Dia sebenarnya hendak menidakkan usaha kerajaan. Kerajaan sudah banyak buat. Ditubuhkan sebagai contoh, MIMOS. Siapa yang mengusahakan sistem Jaring supaya kita boleh top to the world of the computer network, dengan izin? Ini usaha kerajaan dan MIMOS sebagai contoh, kalau ada penuntut hendak memakai Internet, dia adakan diskaun sebagai penuntut. Ini usaha kerajaan. Sudah ada pun usaha-usaha kerajaan. Tidak bermakna bila tidak ada perkataan 'komputer' di dalam core subject ini atau dalam mata pelajaran teras, tidak bermakna kerajaan tidak menumpukan perhatian kita dalam pembangunan pendidikan kita akan datang, kita tinggalkan komputer. Tidak. Ia tidak semata-mata.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Masa sudah cukup sebab Kepong kacau. Oleh kerana itulah saya tidak bersetuju dengan cadangan Tanjong tadi. Saya kata apa yang disenaraikan dalam Jadual sudah cukup dan apa yang dirancangkan itu, saya yakin insya-Allah, kementerian akan menumpukan pembelajaran komputer dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**8.25 mlm.**

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya memang suka Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang menyentuh perkara yang bermanfaat seperti pendidikan komputer. Bukan saya tidak suka. Mungkin dalam satu jam lapan belas minit, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap peruntukan tentang komputer, pendidikan komputerlah boleh dikatakan yang boleh dikira sebagai sumbangan kepada perbahasan rang undang-undang ini.

Tetapi yang saya tidak berapa senang hati ialah perangai DAP yang selalu hendak claim credit sahaja. Sebenarnya kita sudah fikir perkara ini lebih awal lagi dan kita telah pun melaksanakan sepertimana yang saya telah terangkan pada tahun 1995, 50 buah sekolah menengah disambungkan dengan kemudahan Internet dan pada 1996, 110 buah sekolah lagi akan dibekalkan dengan kemudahan komputer yang disambung dengan Internet dan kita harap tertakluk kepada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan perkara ini sedang kita perjuangkan.

Kita berharap, insya-Allah, pada tahun 2000 semua sekolah menengah akan dibekalkan dengan komputer dan sebahagian besar dari sekolah rendah juga akan dibekalkan dalam tempoh yang sama. Ini sesi sasaran kerja Kementerian Pendidikan.

Berkenaan dengan cadangan pendidikan komputer. Saya telah sebut dalam ucapan saya pada masa saya menjawab pada peringkat Dasar dan saya tidak perlu ulangi lagi. Oleh itu, cadangan secara khusus oleh Yang Berhormat dari Tanjong untuk meminda Schedule ini sebenarnya, Menteri ada kuasa untuk meminda Schedule ini pada bila-bila masa dan Menteri Pendidikan akan mengikut cadangan kita, akan mewajibkan pendidikan komputer apabila semua kemudahan sudah lengkap.

Jadi, kita tidak boleh masukkan sekarang ini sebab kemudahan kita belum lagi menyeluruh. Bila sudah ada prasarana komputer, nanti kita akan masukkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tahu Yang Berhormat dari Kepong hendak tahu bila. Tetapi ini....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sangkaan tidak betul.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Okay, bolehlah. Saya beri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sangkaan tidak betul. Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Menteri beri laluan lebih awal, tiada sangkaan seperti itu. Penjelasan, Tuan Pengerusi, dengan kita mengadakan satu mata pelajaran wajib, itu baik tetapi

kalau dimasukkan di dalam Jadual, saya berharap ia akan dimasukkan ke dalam Jadual, ini boleh merangsangkan pihak Menteri Kewangan untuk memperuntukkan lebih banyak wang bagi melaksanakan program ini supaya semua sekolah, tidak kira mana, ada hubungan Internet. Itu hasrat DAPlah. Dan kita tolong juga Yang Berhormat Menteri dengan desakan supaya kerajaan memberi lebih banyak wang. Itu pun tidak berterima kasih, cuma hendak bidas sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya bukan hendak membidas tetapi saya tidak hendak dia hendak claim credit memanjang. Sebenarnya dia hendak mencari modal politik. Sebenarnya kita buat ini dengan sikap yang serius.

Jadi, apabila sampai pada masanya, saya beri jaminan bahawa pendidikan komputer akan dimasukkan sebagai mata pelajaran wajib.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan kepada Jadual sebagaimana yang tertera di dalam slip pindaan, yang telah diedarkan hendaklah disetujui.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**8.29 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya pernah menghantar satu surat untuk meminda menambahkan satu perenggan kepada

Pendahuluan. Walaupun di dalam Pendahuluan ini ada beberapa perkara yang betul juga, yang telah saya sebutkan dua hari yang lepas mengenai tujuan pendidikan untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni dan mengenai mencapai suatu masyarakat yang bersatu-padu, demokratik, liberal dan dinamik dan juga menjadi suatu kewajipan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti.

Ini semua menuju ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, kita perlulah mengadakan satu perenggan yang saya petik daripada Penyata Razak, dan bahawasanya Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang diterima oleh rakyat keseluruhannya dan akan memenuhi keperluan-keperluan mereka serta memupuk pembangunan budaya sosial, ekonomi dan mereka sebagai sebuah negara dengan tujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai satu Bahasa Kebangsaan negara ini sementara mengekal dan memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya kaum-kaum lain, selain daripada kaum Melayu di dalam negara ini.

Kalau kita memperhatikan semua ini dengan terperinci, kita mendapati inilah cara untuk kita mencapai pembangunan bangsa Malaysia, Malaysian Malaysia. Bangsa Malaysia yang berani sebagai identiti Malaysia yang merdeka, membangun, berbudaya dan mempunyai identiti sendiri. Itu Malaysian Malaysia, bangsa Malaysia. Itu pun meniru DAP sahaja! Bangsa Malaysia mestilah mencapai tahap yang mantap.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia hendak campur di dalam identiti Malaysia, bangsa Malaysia. Malaysian Malaysia?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya kagum dengan Kepong. Dalam pendahuluan, dia hendak bercakap. Ini taktik DAP hendak melengahkan. Sudah tahu pukul berapa ini, Kepong? Ini sudah bercakap dalam dasar, semalam. Hai, selepas ini saya tak hormat Kepong. Dahulu saya hormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Rompin ini, kita mesti memberi dia peluang untuk mengetahui apakah maksud kita semua kerana kita hendakkan satu bangsa Malaysia yang berani. Kalau seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat Rompin, tak usahlah bangsa Malaysia, bangsa Rompinlah macam itu!

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, banyak lagi! *[Ketawa]* Banyak lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.  
*[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak boleh nak bahas. Tuan Pengerusi, kalau kita adakan dan masukkan satu perenggan seperti ini, kita memang membayangkan satu pendahuluan dan satu identiti Malaysia yang baik dan saya akan petik satu



masalah atau Memorandum daripada Kongres Cendekiawan Melayu (KCM) yang telah pun diterima oleh Yang Berhormat Menteri yang memohon jasa baik beliau agar memasukkan dalam pindaan Rang Undang-undang ini satu fasal yang berbunyi,

“Bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi swasta (IPT) ialah bahasa Melayu, tetapi bahasa Inggeris atau bahasa Arab boleh dipertimbangkan oleh Menteri Pendidikan untuk dijadikan bahasa pengantar bagi sesuatu kursus jika didapati perlu untuk kepentingan semasa.”

Tuan Pengerusi, kalau ini terus terang dimasukkan satu perenggan, mungkin KCM tidak akan menghantar satu fasal seperti ini kerana di dalam DAP itu kita memang hendak Bahasa Kebangsaan, bahasa Malaysia menjadi satu bahasa ilmu antarabangsa. Itu tidak mustahil. Kita semua berusaha bersama-sama untuk meninggikan martabat Bahasa Kebangsaan. Tetapi kita mesti benar-benar beriltizam.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya beri Yang Berhormat satu minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita ada sampai pukul 11.00 malam ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, urusan kita banyak, Yang Berhormat! Sampai jam 11.00, urusan ini banyak! Bukan ini sahaja!

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Malam ini tak patutlah kita meluluskan dengan begitu banyak Rang Undang-undang kerana....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hey, duduklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya beri Yang Berhormat satu minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu minit lagi? Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat berfikir dengan lebih masak lagi untuk memasukkan perenggan ini. Walaupun Yang Berhormat pernah mengatakan bahawa semangat itu ada di dalam perenggan pendahuluan ini, tetapi bagi saya tidak begitu mantap kerana kita bersama-sama hendak wujudkan bangsa Malaysia, Malaysian Malaysia. Kalau itulah hasrat kita, patut kita mempertimbangkan semula perenggan yang telah saya sampaikan tadi.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**8.37 mlm.**

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, sebenarnya, saya tak perlu jawab Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kita faham apa yang terkandung dalam Laporan Razak dan Rang Undang-undang ini pun selari dengan Laporan Razak. Lagi pun, Menteri Pendidikan sekarang ini, anak Razak. *[Ketawa]* Yang tak faham Laporan Razak, rakan-rakan sekelambunya, Semangat 46! Jadi sepatutnya, besok, dia panggil wakil-wakil

Parlimen Semangat 46, dia bersyarah kepada Semangat 46, tak payah bercakap kepada kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Kepong sudah kita fikir.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.38 mlm**

**Menteri Pendidikan [Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 dibaca kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti serta memajukan beberapa peruntukan baru bagi menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan kerajaan untuk mengkorporatkan universiti awam.

Akta Universiti dan Kolej Universiti telah mula berkuatkuasa pada tahun 1971. Dengan berkuatkuasanya Akta tersebut, ia telah meletakkan universiti-universiti awam sebagai badan-badan berkanun kerajaan yang tertakluk kepada kuasa-kuasa yang ditetapkan di dalam Akta tersebut. Berdasarkan kepada peruntukan Akta, universiti awam menerima geran daripada kerajaan untuk perbelanjaan operasi serta pembangunan.

Oleh kerana universiti-universiti awam dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan secara pentadbirannya, universiti awam dikehendaki mematuhi segala prosedur dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang ketat. Ini telah membelenggu keupayaan dan menghambat kebolehannya untuk menjadi cekap. Hasilnya didapati sistem pentadbiran dan pengurusan universiti awam adalah lembab serta tidak dapat melakukan tindak balas yang cepat dan pantas. Keadaan ini memerlukan anjakan strategi yang mesti menjurus kepada penyelesaian masalah atau isu-isu semasa yang wujud kerana faktor-faktor seperti kehendak pasaran dan pembangunan tenaga manusia, proses globalisasi serta perubahan sains dan teknologi.

Majlis Universiti yang merupakan badan eksekutif tertinggi di peringkat universiti seringkali tidak dapat membuat keputusan dengan cepat oleh kerana perlu merujuk kepada kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang lain. Keadaan ini menghalang universiti daripada melahirkan satu sistem pengurusan yang dinamik dan proaktif serta mempunyai daya saing dan daya maju yang tinggi.

Struktur organisasi universiti-universiti awam yang bersifat bureaucratic dengan izin, juga telah melambatkan proses mewujudkan jalinan hubungan yang rapat antara universiti-universiti awam dan sektor swasta. Hubungan yang rapat antara keduanya amat penting dalam memastikan program serta kursus yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan industri, manakala sektor industri pula dapat membantu universiti dalam menyediakan kemudahan untuk latihan, menyokong usaha-usaha penyelidikan universiti dan sebagainya. Sementara itu pula, struktur yang sedemikian rupa melambatkan tindak balas universiti terhadap perubahan-perubahan yang kini berlaku dengan mendadak di peringkat industri.

Seperti agensi-agensi kerajaan yang lain, universiti-universiti awam juga diletakkan di bawah skim gaji Jawatankuasa Kabinet dan kemudiannya Sistem Saraan Baru (SSB). Skim SSB ini, walaupun pada keseluruhannya dapat memenuhi keperluan perkhidmatan awam negara, namun ianya tidak dapat meletakkan kerjaya pensyarah universiti sebagai suatu kerjaya yang menarik dan prestigious, dengan izin, berbanding dengan profesion-profesion lain di dalam perkhidmatan awam atau swasta.

Justeru itu, universiti-universiti awam gagal untuk menarik graduan-graduan muda yang cemerlang untuk berkhidmat dengannya. Dengan kedudukan ekonomi negara yang teguh pada masa ini, universiti-universiti awam juga gagal untuk mengekalkan tenaga akademik yang cemerlang untuk terus berkhidmat dengan universiti terutamanya dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan,

kejuruteraan, perundangan dan perakaunan. Akibatnya berlaku masalah brain-drain di kalangan pensyarah-pensyarah di universiti.

Kecemerlangan universiti pada umumnya antara lain bergantung kepada kaliber tenaga akademiknya. Tanpa tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkualiti, ianya boleh menjejaskan prestasi universiti dari segi pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat. Bagi membolehkan masalah ini diatasi, masalah ini, perlu berupaya untuk mengadakan skim perkhidmatannya yang tersendiri yang dibiayai melalui punca-punca pendapatan selain daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Adalah dijangkakan universiti awam pada masa hadapan melalui skim perkhidmatan yang tersendiri akan dapat menarik dan mengekalkan kakitangan-kakitangan akademik yang berkaliber. Penwujudan skim perkhidmatan tersendiri ini akan dapat dilaksanakan dengan mengkorporatkan universiti-universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan universiti awam seperti yang dirancang oleh kerajaan berbeza dengan pengkorportan yang dilaksanakan ke atas agensi-agensi kerajaan yang lain sebelum ini. Pengkorporatan universiti awam tidak membawa maksud bahawa ianya merupakan langkah ke arah penswastan di masa hadapan. Pihak kerajaan berpendapat bahawa bidang pendidikan tinggi memang penting dan kritikal dan perlu diselenggarakan oleh pihak kerajaan untuk kepentingan semua lapisan masyarakat dan keperluan pembangunan tenaga manusia. Universiti-universiti awam akan tetap kekal sebagai institusi awam yang bertaraf badan berkanun dan ditadbir di bawah Akta

Universiti dan Kolej Universiti. Dalam proses pengkorportan ini, pemindahan hakmilik aset ke pihak lain tidak akan timbul. Universiti akan terus memiliki dan menguruskan sendiri harta-hartanya.

Pengkorporatan universiti-universiti awam bertujuan untuk membolehkan pengwujudan satu sistem pengurusan atau governan universiti awam yang vibrant dinamik mengikut landas-landas Lembaga Pengarah di sektor korporat yang boleh bertindak dengan cepat serta bebas daripada kongkongan peraturan dan prosedur perkhidmatan awam. Universiti-univeristi awam hanya perlu tertakluk kepada garis panduan dasar dan strategi kerajaan yang akan dibuat melalui Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Dengan pengkorporatan universiti-universiti awam ini juga, universiti awam akan diberi laluan untuk memperolehi pendapatan daripada sumber-sumber yang lebih luas selain daripada peruntukan kerajaan. Ini akan dapat mengurangkan pergantungan universiti awam kepada kerajaan terutama dalam membiayai kos operasinya. Dengan pemberian autonomi kewangan ini, pihak universiti boleh melakukan perbelanjaan mengikut keperluan dan pada masa yang sama menurunkan kos operasinya bagi memastikan viability program-program akademiknya.

Pelaksanaan empowrment, dengan izin sebagai sebahagian daripada strategi Kementerian Pendidikan untuk memantapkan pengurusan universiti-universiti awam diharap akan dapat melahirkan suatu sistem pengurusan yang dinamik dan proaktif serta mempunyai daya saing dan daya maju yang tinggi.

Dengan ini pihak Kementerian Pendidikan berharap kepimpinan universiti akan dapat memastikan wujudnya budaya yang lebih cergas, dinamik dan bertanggungjawab di kalangan warga akademik.

Pada asasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidaklah banyak, namun ianya akan membawa perubahan besar kepada kaedah pengurusan dan governan universiti-universiti awam. Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini dapat dikategorikan seperti berikut:

(i) Sistem Pengurusan.

Majlis Universiti yang merupakan pihak berkuasa tertinggi di universiti dicadang digantikan dengan Lembaga Pengarah Universiti. Majlis Universiti pada masa ini mempunyai ahli seramai 16 orang di mana terdapat ahli-ahli yang dilantik oleh menteri, Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, Sultan atau Yang di-Pertua Negeri dan lain-lain. Ketua-ketua jabatan daripada agensi pusat seperti Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang menjadi Majlis Universiti adalah atas nama kementerian atau jabatan masing-masing.

Fasal 29(n) Rang Undang-undang mencadangkan LPU dianggotai oleh hanya 8 orang ahli sahaja, iaitu yang terdiri daripada:



- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) 2 orang yang mewakili kerajaan;
- (d) seorang yang mewakili rakyat tempatan di mana universiti tersebut ditubuhkan; dan
- (e) tidak lebih daripada 3 orang yang pada pendapat menteri mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang dapat disumbangkan kepada lembaga di mana salah seorang daripadanya hendaklah daripada sektor swasta.

Dengan komposisi dan saiz anggota yang dicadangkan ini diharap LPU akan berkeupayaan untuk membuat keputusan mengenai pengurusan universiti dengan pantas tanpa perlu merujuk kepada pihak-pihak yang lain.

Peruntukan pada Fasal 29(n) Rang Undang-undang juga mencadangkan bahawa Lembaga tertakluk kepada Perlembagaan universiti boleh membuat peraturannya sendiri dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya institusi Jumaah yang merupakan salah satu daripada pihak berkuasa universiti dimansuhkan. Institusi Jumaah ini tidak mempunyai peranan secara langsung dalam

pembangunan dan kemajuan universiti kecuali yang bersifat istiadat. Ianya tidak lagi berfungsi di hampir kesemua universiti. Juga selaras dengan hasrat untuk memantapkan pengurusan universiti, rang undang-undang ini mencadangkan supaya keanggotaan Senat universiti dikecilkan bagi menjamin keberkesanannya.

Di bawah peruntukan sekarang, keanggotaan Senat universiti adalah terlalu ramai dan tidak praktikal. Terdapat di sesetengah universiti keanggotaannya melebihi 200 orang. Seksyen 17 Perlembagaan pada Akta Universiti dan Kolej Universiti dicadang dipinda keanggotannya kepada berikut:

- (a) Naib Canselor selaku Pengerusi;
  - (b) Timbalan-timbalan Naib Canselor;
  - (c) Dekan-dekan Fakulti, Ketua-ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut; dan
  - (d) tidak lebih daripada 20 orang profesor yang akan dilantik oleh Naib Canselor.
- (ii) Sistem Pengurusan Kewangan.

Bagi mencapai tujuan pengkorporatan iaitu mengurangkan pergantungan universiti kepada kerajaan sebagai sumber kewangannya, rang undang-undang ini di bawah Fasal 29(f) dan (g) memperuntukkan kuasa tambahan kepada universiti untuk antara lain, membolehkannya menyertai dalam ekuiti, perkongsian atau usaha sama dalam mana-mana organisasi perniagaan,

menubuhkan syarikat atau perbadanan, membuat pelaburan serta membuat pinjaman bagi memenuhi tanggungannya serta menjalankan program kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara bagi kemajuan pendidikan tinggi dan universiti. Walau bagaimanapun, kuasa ini diperuntukkan dengan tertakluk kepada kelulusan daripada Menteri Kewangan.

(iii) Sistem Akauntabiliti.

Berdasarkan kepada tanggungjawab serta kuasa yang bertambah diberikan kepada universiti dalam pengurusan dan governan serta kewangan, sudah sewajarnya akauntabiliti ditingkatkan. Dengan dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini supaya peruntukan baru diwujudkan iaitu seksyen 16(D) yang memberi kuasa kepada LPU untuk mengambil tindakan surcaj ke atas pegawai dan kakitangan universiti yang didapati cuai dalam melaksanakan tugas berhubung dengan kewangan universiti.

Selaras dengan itu juga pegawai dan kakitangan universiti adalah disifatkan sebagai perkhidmatan awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan. Sejalan dengan matlamat bagi meningkatkan akauntabiliti awam, Rang Undang-undang juga mencadangkan dimasukkan satu jadual baru iaitu Jadual Kedua pada Perlembagaan di Fasal 30. Jadual tersebut bertujuan bagi memastikan mana-mana ahli kepada pihak berkuasa universiti adalah bersih daripada hukuman mahkamah kerana kesalahan menipu, tidak jujur, bankrap dan sebagainya.

Begitu juga dengan ahli-ahli yang didapati tidak hadir mesyuarat pihak berkuasa universiti sebanyak tiga kali berturut-turut, tanpa mendapat kebenaran daripada pengerusi pihak berkenaan, ahli tersebut boleh dilucutkan daripada menjadi ahli pihak berkuasa universiti. Ianya bertujuan memastikan hanya

mereka yang dapat memberi komitmen bagi memajukan universiti sahaja wajar dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini akan memberi keluwesan kepada pihak pengurusan unviersiti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya melalu pelaksanaan empowerment. Pendekatan “let managers manage”, dengan izin, yang dicadangkan ini akan mengurangkan kawalan secara langsung kerajaan ke atas pengurusan dan pentadbiran universiti. Konsep Nyah Pusat atau decentralisation seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan diharapkan dapat menjadikan universiti awam lebih proaktif, cergas dan lebih bertanggungjawab.

Kawalan daripada kerajaan hanya akan dilaksanakan melalui Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan ditubuhkan nanti. Pendekatan yang digunakan ini akan menggalakkan ke arah peningkatan prestasi universiti melalui pertambahan tanggungjawab yang diselaraskan dengan keperluan akauntabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini mengandungi 30 Fasal. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 dibentangkan untuk bacaan kali kedua.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong

**8.54 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 ini telah dibaca untuk kali pertama pada hari Isnin tetapi ia hanya dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini selepas pukul 5.00 petang semalam. Sungguhpun, memandangkan masa yang diberi ini adalah begini singkat, tidak mungkin mana-mana ahli Parlimen yang berkesempatan untuk mengkaji Rang Undang-undang setebal 46 muka surat ini dengan sedalam-dalamnya tetapi petang ini juga kita telah ditetapkan untuk memulakan perbahasan ke atasnya. Bagi pihak DAP, saya mahu mencatatkan protes sekeras-kerasnya oleh kerana tidak diberi masa yang cukup untuk mengkaji Rang Undang-undang ini. Proses bacaan pertama Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan)

1995 ini telah diseliputi dengan suasana yang penuh rahsia dan misteri. Selepas ia dibaca untuk kali pertama, saya telah meminta untuk mendapatkan Rang Undang-undang ini termasuk pada pagi Isnin dan beberapa kali hari semalam tetapi saya diberitahu bahawa Parlimen sendiri masih juga menunggu-nunggu Rang Undang-undang ini dan hanya mendapatnya lebih kurang pukul 5.00 petang semalam. Sekiranya Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 ini belum lagi siap sehingga pukul 5.00 petang semalam, mengapakah pula ia dibaca untuk kali pertama pada hari Isnin?

Cara yang betul dan wajar sebenarnya adalah menjalankan urusan bacaan pertama pada hari esok dan bukanlah memaksa kita memulakan perbahasan pada hari ini pula tanpa memberi masa yang sewajarnya untuk membuat kajian dan persiapan. Perkara ini amat tidak demokratik dan menunjukkan penghinaan bukan sahaja terhadap Parlimen tetapi pun juga terhadap negara kerana ia langsung tidak mempertimbangkan hak rakyat jelata untuk memperolehi masa yang sewajarnya untuk mengkaji satu cadangan undang;-undang baharu yang mana kerajaan sendiri memerlukan beberapa tahun sebelum sempat menyiapkan drafnya.

Yang Berhormat Menteri suka berkata mengenai pendemokrasian pendidikan di Malaysia tetapi sekiranya formula dan proses membuat keputusan bagi beberapa undang-undang pendidikan adalah begini tidak demokratik, bagaimanakah tujuan pendemokrasian dan pendidikan ini dapat dicapai dengan penuh bermakna? Saya merasa ragu-ragu sama ada cara Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 ini telah masuk ke peringkat bacaan kedua secara tergesa-gesa dalam masa yang begitu singkat tanpa memberikan masa yang sewajarnya kepada Parlimen serta rakyat jelata terutama sekali universiti, para akademi (academician) dan para pelajar universiti untuk menjalankan kajian adalah mengenai dengan hakikat bahawa Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 ini sebenarnya tidak dapat memenuhi kehendak orang ramai.

Saya pasti masyarakat akademik universiti dan para pelajar akan merasa sungguh terperanjat apabila mereka membaca dari surat khabar hari ini dan mendapat tahu untuk pertama kali mengenai Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Rakyat kita telah difahamkan bahawa Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 akan menangani dua isu.

Pertama, memulihkan kebebasan akademik dan membatalkan segala sekatan ke atas kebebasan berucap para pelajar dan kakitangan akademik universiti dan kedua, pengkorporatan universiti tempatan. Bagaimanapun, Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 ini langsung tidak menyentuh perkara pemulihan kebebasan akademik dan tidak mengurangkan sekatan ke atas kebebasan berucap para pelajar dan pensyarah. Maka, perkara ini jelas telah melanggar janji-janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh lebih dari 10 tahun ini sejak beliau memegang jawatan Menteri Pendidikan pada tahun 80-an bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti akan dipinda untuk membolehkan kebebasan berbahas dan berbincang para pelajar dan pensyarah universiti.

Pada 9hb. Ogos tahun ini sebenarnya selepas mempengerusikan upacara konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa di Putra World Trade Centre, beliau telah memberitahu para pemberita bahawa kerajaan bersedia untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti demi menggalakkan perbincangan dan perbahasan yang sihat di dalam universiti. Beliau juga menyatakan kerajaan telah mengambil satu keputusan polisi mengenai pelanggaran Akta Universiti dan Kolej Universiti. Menurut beliau, masalah yang ada sekarang adalah bagaimana pihak berkuasa memberikan arahan dan galakan kepada para pelajar supaya dapat membahas isu-isu secara terbuka tanpa menggunakan keganasan dan kata beliau para pelajar universiti adalah bebas untuk membincangkan isu-isu mengenai pengetahuan, budaya dan muzik, mereka juga boleh menghantar memorandum, menjalankan kajian, menghadiri forum dan perhimpunan. Dan apa yang kita harapkan adalah mereka hanya menguasai pengetahuan dalam bidang yang sempit dan mengambil sikap konfrantasi serta menandakan segala-segala lain sebagai sekular dan kesan. Mengapakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kerajaan memungkirkan janji-janjinya untuk melonggarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang bukan sahaja telah menukar universiti-universiti tempatan kampus begitu eric dan strive, bosan dan tandus, malah merupakan sebab utama universiti-universiti tempatan gagal menjadi pusat pendidikan cemerlang.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seharusnya merupakan orang yang paling memahami fakta bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti telah menekan idealisme dan kesedaran sosial di kalangan jenerasi muda kita yang paling cerdik dan pandai sehingga membendung fikiran kritikal mereka menjadikan mereka manusia yang materialistik dan hanya mementingkan keputusan peperiksaan.

Beliau sendiri merupakan pemimpin pelajar yang terunggul semasa beliau masih seorang pelajar sebelum era Akta Universiti dan Kolej Universiti. Sekiranya sekatan-sekatan Akta Universiti dan Kolej Universiti telah dilaksanakan pada zaman pelajarannya di Universiti Malaya, hari ini mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mungkin tidak berpeluang menjadi Timbalan Perdana Menteri di samping bercita-cita memegang jawatan Perdana Menteri.

Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah diluluskan pada tahun 1971 menjadi semua tidak demokratik dan menindas. Apabila dipinda dalam tahun 1975, antara lain Akta ini menetapkan mana-mana pelajar atau pertubuhan pelajar universiti yang bergaul atau menunjukkan sokongan, simpati ataupun

tentangan terhadap mana-mana organisasi di luar kampus, ia merupakan kesalahan jenayah dan boleh dijatuhkan hukuman penjara. Semua aktiviti-aktiviti di dalam kampus hanya boleh diadakan setelah mendapat persetujuan daripada Vice Chancellor.

Para pelajar tidak diizinkan mengutip wang ataupun mempelawa penceramah dari luar kampus untuk berucap tanpa kebenaran pihak berkuasa. Baru-baru ini dalam bulan Oktober, USM telah mengambil tindakan disiplin mengikut peraturan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti terhadap Presiden Majlis Perwakilan Pelajaran USM. Ahmad Masrizan, kerana beliau telah mendedahkan kepada pihak akhbar mengenai kempen majlisnya yang telah dapat sebanyak 4,000 tandatangan menentang cadangan pengkorporatan universiti-universiti tempatan, di samping menyuarakan sokongan terhadap satu memorandum yang menyeru supaya kerajaan tundakan rancangan pengkorporatan ini supaya perundingan lebih mendalam dapat dilakukan.

Bagaimanapun, tindakan disiplin yang diambil oleh pihak berkuasa USM ini diselaraskan dengan jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa para pelajar adalah bebas mengeluarkan pandangan mereka, menghantar memorandum dan menghadiri forum dan perhimpunan.

Beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab peribadi untuk memindahkan semua sekatan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menyekat kebebasan berucap kepada pelajar universiti kerana pindaan draconian ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 1975 telah digubal hasil dari peristiwa mogok lapar Baling 1974 yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masa itu, yang dipimpin oleh beliau sendiri.

Walau bagaimanapun, beliau harus faham bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 telah digubal untuk menangani satu situasi yang tidak lagi wujud hari ini. Oleh sebab itu, sekatan-sekatan ke atas kebebasan berucap para pelajar universiti serta pensyarah harus dibatalkan.

Pindaan 1975 ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti telah depoliticise population pelajar kita. Menghalang mereka dari mengambil berat tentang isu-isu kebangsaan dan sosial yang lebih besar dan penting. Menghadkan kebolehan kreatif dan kritikal mereka. Apa yang diperlukan oleh Malaysia hari ini adalah repoliticisation population pelajar kita. Tidak semestinya pelajar-pelajar kita dibenarkan menyertai ataupun bergabung dengan parti-parti politik

Sungguhpun UMNO sendiri telah melakukan perkara ini dengan menubuhkan kelab-kelab UMNO di universiti-universiti negara asing, tetapi sekurang-kurangnya memastikan bahawa generasi muda kita yang cerdik pandai yang ada di dalam universiti-universiti tempatan sedar tentang isu-isu mendesak yang berlaku di dalam negara kita dan dibenarkan menyuarakan keprihatinan mereka.

Isu yang kedua, ialah mengenai pengkorporatan. Di sini saya mahu bertanya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kenapa sungguhpun Kabinet sudah mengambil keputusan pertengahan tahun lalu, iaitu lebih kurang Jun 1994 untuk mengadakan pengkorporatan universiti-universiti, kenapa academician-academician, kakitangan-kakitangan universiti-universiti tempatan tak pernah



diminta, dijemput untuk perbincangan dan perundingan mengenai pengkorporatan institusi-institusi pendidikan tinggi.

Inilah satu isu yang menimbulkan kekhuatiran di kalangan academician-academician universiti-universiti tempatan. Beberapa isu berbangkit mengenai masalah pengkorporatan. Yang pertama, kos universiti. Sama ada selepas ‘corporatisation’ universiti-universiti tempatan bahawa rakyat yang miskin akan menghadapi masalah untuk mendapat peluang pendidikan tinggi khususnya oleh kerana mengikut satu laporan mengenai cadangan corporatisation University of Malaya, kalau tidak dapat sokongan kewangan daripada pihak kerajaan, bayaran untuk pelajar-pelajar boleh naik meningkat 700%. Sungguhpun selepas itu, kerajaan ada memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi sokongan kewangan, sungguhpun bukan 100% tetapi hakikat ialah tentu akan menaikkan yuran untuk pelajar-pelajar.

Sungguhpun untuk masa sementara, untuk masa dua, tiga tahun yang permulaan kerajaan mungkin akan memastikan bahawa kenaikan yuran akan dihadkan kepada suatu ceiling, tetapi ini tidak akan memberi jaminan bahawa selepas dua, tiga, selepas tempoh permulaan bahawa berlaku perubahan keadaan kenaikan yuran. Dan kedua, kita perlu mengambil perhatian bahawa sekurang-kurangnya ada 45% pelajar-pelajar di University of Malaya, kalau ia akan menjadi satu model corporatisation ialah self-paying. Dan kalau mereka self-paying, tidak ada “safety net” daripada bantuan kewangan kerajaan, tentulah mereka akan menghadapi satu krisis kewangan.

Dan kedua, ialah bahawa kerajaan ada tanggungjawab sosial, ada tanggungjawab moral untuk memberi peluang kepada anak-anak kita untuk melanjutkan pendidikan sehingga peringkat universiti dan tidak boleh melarikan diri daripada tanggungjawab, oleh kerana atas alasan ‘corporatisation’ di mana profit commercial, unsur-unsur komersil akan menjadi satu alasan untuk urusan universiti.

Satu isu yang kita perlu bincang ialah sama ada corporatisation ialah cara yang tunggal di mana kita boleh mencapai matlamat kecemerlangan di universiti. Tidakkah ada cara-cara yang lain?

Academic freedom - kebebasan akademik perlu dianggap sebagai satu unsur yang mustahak, yang penting kenapa ada penurunan standard akademik di universiti-universiti tempatan dan itulah bersangkutan paut dengan apa yang disebut mengenai UCA, mengenai sekatan-sekatan terhadap kebebasan akademik yang perlu dikembalikan oleh kerana mencipta satu keadaan yang boleh disifatkan bahawa kurang satu vibrant intellectual environment.

Satu isu yang perlu juga ditangani ialah selepas corporatisation di mana bottom-line baharu ialah kewangan atau profit, apa akan berlaku terhadap tujuan universiti sebagai pusat transmission pengetahuan atau knowledge sama ada khususnya research yang bukan boleh ditakrif sebagai ada kegunaan komersil tetapi basic, tetapi sangat mustahak untuk pertumbuhan pengetahuan akan diabaikan dan kalau diabaikan tentulah untuk masa depan taraf sains teknologi kita akan menghadapi kerugian. Oleh kerana kalau kita tidak ada taraf yang tinggi mengenai

basic research dan basic research tidak akan sangat komersil tentulah kita tidak akan mencapai kecemerlangan akademik dan ini satu “vicious circle”.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya cara corporatisation universiti digubal dilaksanakan tanpa consultation yang dengan khasnya kalangan academician-academician, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar ialah menimbulkan satu tanda tanya sama ada ia akan dapat sokongan semua pihak untuk menjayakan korporatisasi untuk memastikan bahawa kita boleh mencapai matlamat kecemerlangan akademik.

Dan di sini, saya mahu akhiri dengan satu seruan yang telah dibuat oleh sekumpulan mahasiswa dari lima buah universiti tempatan yang telah berkumpul di KL minggu lalu untuk membincangkan isu-isu mengenai pendidikan tinggi dan pengkorporatan universiti dan mereka sudah mencapai satu permuafakatan, satu seruan di mana mereka ada mengeluarkan satu pendirian yang di bawah:

“Kami sekumpulan mahasiswa yang prihatin dari UM, UKM, USM, UTM dan UUM dengan sebulat suara menyokong memorandum yang dikemukakan oleh mahasiswa-mahasiswa UM kepada Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pendidikan pada 3hb. Ogos, 1995 di Universiti Malaya.

Kami membantah pelaksanaan rancangan pengkorporatan universiti tanah air sebelum pengutipan pandangan umum dan perbincangan yang mencukupi.

Dengan ini kami menyeru:-

- (i) Kementerian Pendidikan dan Pentadbiran Universiti menarik balik segala keputusan dan dasar yang digubal dan bakal dilaksanakan. Menangguhkan pembentangan Akta Universiti dan Kolej di Parlimen selagi segala rancangan pengkorporatan tidak diumumkan dengan jelas.
- (ii) Kementerian Pendidikan dan Pentadbiran Universiti dengan tegas dan dengan segera mengumumkan perancangan pengkorporatan - Usul-usul Akta dan pindaan-pindaan Akta yang berkenaan dan mengadakan siri perbincangan terbuka dengan orang awam dan pertubuhan bukan kerajaan supaya masyarakat amnya, para akademik dan mahasiswa, khasnya dapat merujuk, mengkaji dan menyuarakan pendapat mereka.
- (iii) Kerajaan mempertahankan semangat demokrasi - melantik pegawai kerajaan, kadematik, mahasiswa dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan sebagai Ahli Kumpulan atau jawatankuasa yang berkecuali mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan tinggi hari ini dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada masyarakat umum supaya proses membuat keputusan 'transparence'.
- (iv) Masyarakat umum bersikap prihatin dan bersama-sama dengan kerajaan mengkaji serta menilai kesan-kesan jangka

panjang pengkorporatan universiti tanah air kepada nusa dan bangsa. Kami menyeru Kementerian Pendidikan dan Pentadbiran Universiti mengambil langkah-langkah yang positif mengemukakan kandungan perancangan pengkorporatan universiti supaya melibatkan mahasiswa, para akademik dan orang awam dalam proses membuat keputusan. Kami percaya bahawa penglibatan masyarakat umum dalam perbincangan dan perancangan akan menjadikan usaha kerajaan memastikan pendidikan tinggi lebih bermakna. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lumut.

**9.14 mlm.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat berucap tidak lebih daripada 15 minit?

**Dr. Yap Yit Thong:** Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan dan Menteri Pendidikan yang telah membentangkan rang undang-undang ini untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

Akta Pendidikan, 1995 yang berwawasan dan progresif telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tujuan pendidikan di negara kita ialah

perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu, perpaduan rakyat serta kemakmuran negara. Untuk mencapai cita-cita bagi menangani cabaran abad ke-21 dan menemui tuntutan aspirasi Wawasan 2020, kita perlu meminda Akta ini supaya kita mendapatkan satu perundangan pendidikan tinggi yang lengkap, kemaskini dan bersifat 'futuristic' dan yakin sebagai persediaan untuk melangkah ke abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh pengkorporatan universiti tempatan kerana proses seperti ini akan memastikan bahawa ketidakcekapan universiti tempatan dari segi menyediakan peluang pendidikan dapat digalakkan. Hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengambilan pelajar sehingga 2,000 orang di setiap universiti akan dapat dicapai dengan pengkorporatan. Jika universiti-universiti tidak dikorporatkan, saya rasa matlamat tersebut susah hendak dilakukan.

Pada masa ini, kerajaan kita perlu menanggung antara 80% sehingga 100% pelajaran pendidikan tinggi dan peluang untuk menyediakan kemudahan pendidikan lebih bermutu dan lebih efisien dihadkan oleh beban kos yang sangat tinggi. Pengkorporatan akan membolehkan universiti tempatan mencari sumber-sumber pendapatan mereka sendiri dan dengan ini universiti tidak lagi terlampau bergantung kepada kerajaan, harapan negara kita untuk mencapai dan membentuk, jika perlu, warganegara yang berpendidikan tinggi menjelang tahun 2020 boleh menjadi satu realiti. Selain daripada itu, pengkorporatan akan mengelakkan 'brain-drain' dengan izin, pensyarah universiti ke sektor swasta yang menawarkan

gaji yang lebih tinggi dan lumayan. Saya percaya dengan pengkorporatan, kemampuan universiti untuk menawarkan pembayaran gaji yang lebih tinggi akan mengatasi masalah pengaliran keluar tenaga akademik serta meningkatkan semangat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama 20 tahun yuran tahunan untuk belajar di universiti tempatan adalah rendah. Dengan pengkorporatan, saya percaya yuran akan dinaikkan dan ini akan menimbulkan kebimbangan kepada semua golongan yang ingin mendapat peluang pendidikan. Sehubungan dengan ini saya ingin mencadangkan supaya satu tabung pendidikan nasional, National Education Fund, dengan izin, dengan modal yang besar ditubuhkan oleh kerajaan untuk memberi pinjaman duit kepada pelajar-pelajar dari berbagai kaum yang tidak mampu membayar kos pendidikan. Tabung Pendidikan yang dicadangkan ini boleh memberi pinjaman tanpa faedah kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu dan mereka boleh membayar balik pinjaman secara ansuran selepas mereka tamat belajar dan telah mendapat kerja. Pendek kata, skim pinjaman ini boleh disifatkan sebagai “Belajar Dahulu Dan Bayar Kemudian”. Tabung pinjaman ini akan memastikan bahawa semua pelajar diberi peluang pendidikan supaya tenaga manusia terlatih yang sangat diperlukan untuk perkembangan dan kemajuan negara kita dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, sudah datang satu masa untuk kita mengkaji pelaksanaan konsep universiti terbuka, open university concept, dengan izin, yang akan memberi peluang kepada yang berminat untuk belajar. Proses pembelajaran

tidak mempunyai sempadan atau had dan ia adalah satu proses seumur hidup. Selain dari golongan muda, universiti terbuka juga akan memberi peluang kepada orang yang sudah tua tetapi masih berminat untuk melanjutkan pendidikan. Selaras dengan pengkorporatan universiti tempatan, program Pendidikan Jarak Jauh, dengan izin, Distance Learning Programmes, boleh dikendalikan untuk menyediakan peluang belajar kepada masyarakat yang tidak berpeluang ke universiti. Ini akan membentuk satu masyarakat yang berpendidikan menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan khas untuk murid-murid khas telah diperuntukkan di dalam Akta Pendidikan 1995. Ini adalah selaras dengan konsep masyarakat penyayang yang digalakkan dan diamalkan oleh Barisan Nasional sekarang. Saya harap rang undang-undang ini pun ada peruntukan disediakan untuk memenuhi keperluan pendidikan khas untuk penuntut-penuntut khas seperti orang buta dan orang bisu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Buntar.

**9.21 mlm.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana mengemukakan cadangan pindaan ini.

Saya masih teringat situasi di universiti-universiti sebelum tahun 1971. Semasa itu, kehidupan di kampus universiti, pendek kata dalam bahasa Inggeris,



dengan izin, we can do almost anything and get away with that, sebelum pengenalan Akta UUCA 1971 ini. Bagaimanapun, apabila akta ini diperkenalkan dalam 1971 dan secara kebetulan masa itu saya terlibat dalam gerakan pelajar. Saya adalah salah seorang daripada orang yang paling kuat memerangi akta ini dan selepas itu, apabila saya sudah lulus dari universiti dan mula memasuki bidang pekerjaan dan menatapinya peruntukan-peruntukan Akta Ibu yang kita hendak pinda hari ini, maka saya berasa yakin bahawa dalam apa-apa juga institusi, kita harus ada kawalan.

Cumanya, sebagai seorang pelajar masa itu dan saya rasa begitulah juga dengan para penentang dan para pengkritik di kalangan pelajar-pelajar yang menentang akta ini, sebenarnya mereka tidak mengkaji atau tidak meneliti keseluruhan peruntukan yang ada dalam Akta Ibu, yang kita bincangkan hari ini.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh dua perkara yang saya rasa paling selalu dikemukakan oleh para pelajar, kalau kita tanyakan kenapa keadaan di universiti sekarang berbeza dengan keadaan di universiti sebelum tahun 1971. Perkara yang paling convenient yang mereka tuduh ialah adanya UUCA 1971. Kenapa tidak adakan forum? Kita jemput ahli-ahli politik berbincang, membincangkan masalah-masalah negara supaya kita boleh meluaskan fikiran. “Oh, tidak boleh - UUCA”. “Kenapa pelajar-pelajar sekarang begitu pasif, tidak lagi aktif, tidak mahu membincangkan perkara-perkara yang menjadi isu negara?” “Oh, UUCA”.

Sebenarnya inilah yang digunakan oleh kebanyakan orang untuk memberi alasan kenapa mutu atau kualiti siswazah sekarang menurun. Soalnya ialah sama ada tuduhan ini betul. Adakah kita telah menjalankan kajian yang betul-betul sistematik, yang menunjukkan bahawa kurangnya mutu atau kualiti siswazah yang kita lahirkan pada akhir-akhir ini berpunca dari UUCA? Tandusnya kegiatan pelajar di universiti-universiti sekarang ini adalah kerana UUCA. Macam-macam lagi. Semuanya UUCA, sedangkan kebanyakan mereka tidak meneliti peruntukan itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa lega apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam mengemukakan pindaan ini menyebut bahawa tujuan ataupun matlamat utama pindaan ini ialah untuk mengemaskinikan peruntukan Akta yang ada, di samping memberi keluwesan serta memantapkan lagi pengurusan kewangan di universiti-universiti di samping mengembalikan autonomi dari segi kewangan, di samping membuat peruntukan untuk membolehkan pengkorporatan universiti-universiti tempatan.

Saya berpendapat autonomi dari segi kewangan sebenarnya adalah faktor utama ataupun the key factor kepada autonomi-autonomi dalam bidang lain. Tanggapan saya terhadap autonomi bukanlah merupakan kebebasan yang kita nikmati sebelum 1971 sepertimana yang saya kata tadi. Sebelum Akta ini, universiti merupakan satu sanctuary ataupun tempat perlindungan. Siapa hendak buat apa-apa yang tidak mahu kena tindakan, masuk universiti, duduk dalam itu, sehingga dalam hostel pun kalau kita lihat masa itu, dan saya sendiri pun pernah

melihat, macam-macam boleh jadi. Dalam hostel di universiti-universiti macam-macam orang boleh buat. Tunjuk wayang yang tidak sepatutnya kita tengok, boleh, siapa pun tidak boleh ambil tindakan. Pihak universiti juga tidak boleh ambil tindakan.

Tetapi dengan adanya UUCA 1971 itu, beberapa peraturan telah diwujudkan dan saya yakin, tujuan peraturan ini adalah untuk regulate perjalanan universiti sebab universiti sepertimana yang kita tahu, tidak seharusnya terkecuali dari undang-undang negara. Sebab itulah pada tahun 1974, apabila polis menyerbu, memasuki semua kampus universiti, masa itu barulah pelajar-pelajar kita tahu bahawasanya mereka itu tidaklah sebebas yang mereka anggap.

Sepertimana yang saya katakan tadi, walaupun ketika itu saya juga salah seorang yang memikirkan bahawa tujuan Akta ini adalah untuk menindas, sebenarnya apabila saya perhati dan mengkaji juga apa yang dipinda ini, tujuannya adalah untuk dari satu segi, mengembalikan sedikit-sebanyak kebebasan yang ada itu.

Saya tidak berhajat untuk memperinci satu persatu peruntukan ataupun cadangan yang dipinda tetapi saya amat lega apabila saya lihat Fasal 1(3) yang memperuntukkan, membolehkan menteri melalui pemberitahuan dalam Warta menggantung kuatkuasa atau mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan atau keseluruhan Akta ini.

Saya harap, kalau boleh biarlah kita adakan kajian sama ada betul tuduhan yang mengatakan bahawa masalah-masalah yang saya sebutkan tadi; kemerosotan

kualiti graduate sekarang ini, ketandusan kegiatan pelajar, itu berpunca dari akta ini. Sekiranya ada peruntukan dalam pindaan ini yang boleh menyebabkan kenamengenai begitu, maka saya rasa dan saya berharap, pihak menteri boleh menggunakan kuasa yang ada di bawah seksyen 1(3) ini untuk mengecualikan atau menggantung mana-mana peruntukan.

Tetapi saya yakin bukan. Saya yakin masalah-masalah yang kita hadapi sekarang bukanlah berpunca daripada Akta ini sebab kita lihat misalnya, kalau kita tanya. Saya pun terlibat juga dahulu sebelum saya menjadi wakil rakyat. Saya selalu terlibat dalam pengambilan para petugas/pekerja. Bila interview, ini semua siswazah dalam tahun 80-an/90-an. Kadang-kadang kita tidak berapa yakin, betulkah mereka ini sudah lulus dari universiti dan dapat ijazah? Bila kita tanya tentang general knowledge, mereka tidak tahu. Bila kita tanya fasal politik, “Oh tidak tahu. Saya tidak minat politik”. “Okay, apa yang you minat?” “Saya minat sukan”. Kita tanya fasal sukan pun dia tidak boleh jawab, tidak boleh beri jawapan yang meyakinkan. Apakah ini sebab adanya UUCA? Apakah UUCA menghalang seseorang itu membaca akhbar atau apakah UUCA menghalang seseorang itu daripada membaca buku-buku selain daripada buku teks untuk kursus dia. Saya kira tidak.

Tetapi inilah sebenarnya hakikat yang wujud sekarang, kalau kita pergi. Saya juga pernah terlibat sebagai seorang pensyarah secara sambilan. Kadang-kadang untuk menghilangkan rasa bosan, kita pun buatlah joke, berjenaka semasa

beri kuliah, seorang pun tidak mahu ketawa. Joke pun depa sudah tidak gelak. Punya serius, tetapi saya rasa bukanlah itu disebabkan oleh UUCA.

Kemudian, satu perkara yang saya rasa tidak boleh lupa. Sudahlah kita joke dalam lecture dan tutorial dia tidak mahu langsung gelak. Bila sampai hujung tahun, dekat-dekat hujung tahun, dia datang jumpa kita. Dia kata, “Encik, boleh jumpa sekejap?” Saya ingat dia datang hendak berbincang fasal pelajaran, tetapi saya agak terperanjat bila dia kata, “Encik, exam tidak lama lagi. Boleh beri tips atau tidak mengenai soalan?” Itu. Soalan exam pun hendak tahu. Jadi, itulah sebenarnya mutu siswazah-siswazah yang ada sekarang dan saya tidak setuju dengan sesetengah pendapat yang secara automatik menuding pada UUCA.

Sebab takkanlah satu legislation begini boleh menyebabkan seseorang itu begitu beku dan pasif sehingga jadi begitu. Contoh yang saya berikan tadi adalah jelas. Takkanlah UUCA tak beri kita baca paper. Takkanlah UUCA kata you baca buku akademik sahaja, buku-buku lain tak boleh baca. Jadi, pemikiran mereka hanyalah tertumpu kepada usaha mendapatkan segulung ijazah, tanpa sebarang usaha untuk tahu tentang dunia luar ini.

Jadi, sebenarnya kalau fenomena ini berterusan, saya bimbang usaha kita untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, seperti mana yang dihasratkan oleh para pemimpin kita akan terbantut. Kita tak tahulah, sekarang ini pun, seperti mana yang saya katakan tadi, kita melahirkan siswazah yang bukan sahaja tidak ‘proficient’ dalam penggunaan bahasa. Tak usah cakap

bahasa Inggeris, kadang-kadang bahasa Malaysia sendiri pun penguasaan mereka agak lemah.

Jadi, ini tahun 1995, saya bimbang dalam tahun 2020 nanti, kalau sesuatu langkah yang positif tidak diambil, maka kita akan terus melahirkan siswazah-siswazah yang mutunya amat inferior. Saya harap dengan pengkorporatan unviersiti, seperti mana yang dikehendaki oleh pindaan ini, maka kita bolehlah mengatasi apa-apa kelemahan yang ada sekarang, terutama sekali dari segi kongkongan birokrasi, dari segi mendapatkan mutu tenaga pengajar yang lebih tinggi sebab tenaga pengajar yang baik tidak lagi terpaksa meninggalkan universiti untuk mencari tempat yang lebih baik, untuk mencari padang ragut yang lebih hijau di luar.

Sebab saya yakin apabila Akta Universiti berfungsi sebagai sebuah badan korporat, maka seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia mampu menawarkan struktur upah yang lebih kompetitif dibanding dengan institusi-institusi pendidikan swasta yang juga akan diwujudkan kemudian.

Saya percaya dari segi kawalan disiplin yang sekarang ini terletak di bawah kuatkuasa Timbalan Naib Canselor bagi Hal Ehwal Pelajar yang sekarang ini dipulangkan kepada Naib Canselor, kemudian kawalan dari segi keseluruhan yang akan dibuat oleh Majlis Pendidikan Tinggi yang akan diwujudkan kelak, maka sudah tentu badan-badan ini akan menggunakan budi bicaranya, kalau misalnya boleh dikatakan untuk lebih liberal daripada peraturan-peraturan yang ada sekarang.

Walaupun tadi saya tidak mengatakan yang peraturan yang ada sekarang menyekat, tetapi sebenarnya inilah yang mereka tuntutan. Jadi, saya yakin status yang akan bertukar ini tentulah untuk kebaikan dan saya juga yakin, seperti mana yang kita sendiri tahu dan diulang tadi oleh Ketua Pembangkang, memanglah berulang-ulang kali kita didingatkan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan untuk melonggarkan akta yang ada.

Sebenarnya bagi saya, saya melihat kelonggaran ini tidak semestinya kita tolak peruntukan dan ditambah. Tidak payah! Dari segi semangatnya, saya yakin, walaupun dari satu segi bila kita lihat pindaan ini bertambah tebal daripada Akta asal, tetapi tidak bermakna ia lebih repressive. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, semangatnya. Dari segi status sendiri sudah berbeza. Kalau dahulu, the sole authority ialah pihak universiti, kita ada authority lain yang kita rasa boleh menggunakan budi bicara.

Yang paling relief dan yang paling menggembirakan saya, seperti mana saya katakan tadi ialah peruntukan seksyen 1(3) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat pengecualian dalam pelaksanaan dan saya yakin, kalau keadaan memerlukan, perkara ini boleh dilaksanakan.

Jadi, dengan itu, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau.

**9.36 mlm.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengemukakan Akta ini yang sebenarnya adalah consequential kepada akta yang baru kita luluskan awal tadi. Antara lain tujuan pindaan ini perlu diadakan ialah untuk mengkorporatkan universiti-universiti awam yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sebagai seorang bekas ahli akademik dan oleh itu mungkin pendapat saya diwarnakan oleh pengalaman saya yang lampau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira kerana terkeluar daripada mulut Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa pentadbiran universiti dan juga skim perkhidmatan di universiti dan berbagai karenah dan kemelut masalah yang terdapat di universiti diakui sendiri oleh Menteri. Oleh yang demikian, dan oleh kerana mengambil kira tuntutan persekitaran yang mana negara kita berada sekarang, saya bersetuju pada dasarnya untuk kita mengkorporatkan universiti sebagai usaha untuk kita mempertingkatkan kecekapan pengurusan universiti dan juga membangunkan universiti sebagai sebuah institusi pendidikan yang terletak di tangga yang tertinggi dalam hirarki pendidikan.

Saya merupakan seorang yang mempunyai pendirian bahawa peranan universiti bukanlah untuk melatih tenaga kerja. Saya berpendapat bahawa peranan



universiti adalah untuk mendidik tenaga manusia dan pendidikan ini merangkumi latihan, tetapi latihan adalah hanya satu subset kepada pendidikan.

Satu lagi characteristic yang unik kepada universiti yang membezakan ia daripada institusi-institusi pendidikan yang lain ialah tuntutan yang dikenakan atas universiti untuk melahirkan manusia-manusia yang berkebolehan untuk meluaskan sempadan ilmu melalui usaha penyelidikan dan pembangunan dan seterusnya menjadi satu tempat, satu khazanah di mana kita menyimpan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bolehlah terlalu didorong oleh pasaran semata-mata dalam pada kita membuat penilaian tentang peranan dan juga konsep universiti yang hendak kita wujudkan di dalam negara kita ini. Saya bersetuju, misalnya antara masalah yang wujud dalam universiti ialah masalah karenah birokrasi dan pentadbirannya.

Tetapi saya masih berpegang kepada falsafah bahawa peranan asas universiti tidak berubah dengan masa dan tidak berubah dengan keadaan persekitaran. Adalah memang benar dengan amaun peruntukan dan perbelanjaan yang begitu banyak yang diperuntukkan untuk universiti-universiti, sememangnya universiti mesti menyumbang ke arah pembentukan satu tenaga buruh yang memenuhi kehendak pembangunan negara.

Tetapi universiti juga adalah lebih daripada itu. Itu merupakan satu fungsi dan tanggungjawab universiti yang ulung, iaitu universiti sebagai satu institusi yang membantu dalam pembangunan negara secara menyeluruh. Tetapi universiti adalah lebih daripada itu juga. Universiti juga merupakan satu institusi yang

melakukan dalam banyak institusi-institusi yang ada dalam negara kita, institusi-institusi politik, sosial atau sebagainya, ianya merupakan satu institusi di mana perkara yang mungkin lebih esoterik mungkin dijalankan di situ.

Maknanya, ianya merupakan tempat di mana mungkin basic research dalam berbagai bidang yang mungkin pada mana-mana ketika tidak mempunyai nilai-nilai yang tertentu dan ianya tidak dijalankan di tempat-tempat lain, tetapi universiti merupakan tempat di mana perkara tersebut boleh dijalankan. Universiti juga macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar tadi merupakan, bukanlah satu sanctuary yang seperti dalam definisi classicalnya, tetapi juga merupakan satu tempat yang hendak kita jadikan satu platform untuk kita mengadakan pertukaran pendapat dan debate dengan secara bebas kerana ini mewujudkan satu suasana kampus yang mendorong kepada pembentukan peribadi penuntut yang menjadi kritikal dan mungkin memaksa mereka demi untuk mempertahankan pendapat-pendapat mereka untuk menjadi lebih rasional dan juga melatih golongan-golongan muda yang hendak kita lahirkan kelak.

Universiti juga merupakan tempat untuk kita menyimpan satu khazanah, untuk kita menyimpan ilmu. Universiti melakukan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengumpulan ilmu, penyampaian ilmu dan pengembangan ilmu yang tidak dijalankan di tempat-tempat lain.

Itulah tafsiran saya tentang apakah peranan universiti. Banyak perkara yang terdapat dalam pindaan yang dikemukakan hari ini adalah berkaitan dengan tatatertib, yang mungkin hampir separuh atau kurang daripada itu adalah perkara-

perkara yang berkaitan dengan tata tertib. Oleh sebab universiti hendak dikorporatkan, maka peruntukan tata tertib berkenaan dengan kewangan itu haruslah diperketatkan. Itu adalah satu perkara yang kita menyokong dengan kuat.

Ingin juga saya menyatakan di sini sebagai sampingan tetapi berkaitan dengan perkara ini bahawa masalah sebenarnya dalam universiti adalah masalah ini merujuk khususnya kepada kakitangan akademiknya yang merupakan tunjang kepada pendefinisan kecemerlangan sesebuah universiti.

Masalah yang utama ialah masalah kepuasan kerja dan kepuasan kerja ini tidak semestinya berfungsi hanya pada aspek-aspek kewangan. Walaupun saya menyokong dengan kuat untuk dilihat semula skim perkhidmatan akademik, untuk menjadikan ia satu skim yang lebih mampu menarik mereka yang cemerlang untuk masuk dalam bidang ini dan seterusnya mengekalkan mereka yang cemerlang di dalam perkhidmatan sendiri. Tetapi kepuasan bekerja juga adalah fungsi perkara-perkara yang bukan mempunyai aspek-aspek kewangan. Antaranya ialah kehormatan yang diberi oleh pihak pentadbiran universiti kepada individu-individu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan suasana yang mana kakitangan universiti dengan akademik terpaksa berfungsi. Ini banyak berkaitan dengan karenah ataupun perkara-perkara administrative yang mana kuasa administrative ini diperturunkan oleh Akta kepada universiti dan seterusnya diperturunkan kepada pegawai-pegawai kanan universiti.

Masalah pentadbiran kakitangan universiti ini juga merupakan satu masalah yang harus dilihat walaupun kita perturunkan kepada pihak universiti

kuasa-kuasa untuk pentadbiran, tatatertib dan sebagainya. Tetapi ingin jugalah saya katakan di sini supaya dalam pada pihak universiti melakanakan atau mewujudkan proses pentadbiran universiti, mereka juga hendaklah mengambil kira bagaimana untuk mewujudkan satu suasana melalui skim-skim perkhidmatan, skim pentadbiran universiti yang mana pada para kakitangan akademiknya dan juga para pelajarinya boleh berasa kampus universiti adalah merupakan satu tempat yang kaya dengan idea, yang kaya dengan ilmu, bukannya satu tempat yang seperti kebanyakan universiti-universiti sekarang ini satu tempat yang begitu mati, satu tempat yang begitu statik suasananya dan tidak exciting langsung.

Sebelum saya pergi kepada peruntukan-peruntukan yang terperinci dalam rang undang-undang ini, ingin juga saya sarankan di sini bahawa dalam pada kita korporatkan universiti ini pun, dalam pada kita mengubah organisasi universiti, saya ingin menyuarakan di sini bahawa pentadbiran ataupun CEO universiti iaitu Naib Canselornya seharusnya hendaklah dipilih daripada kakitangan universiti itu sendiri.

Kita lihat dalam beberapa tahun ke belakangan ini Naib-naib Canselor kebanyakannya bukan terdiri ataupun diambil daripada kakitangan akademik sendiri. Saya berasa gembira kerana Pengarah Bahagian Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan diambil daripada seorang ahli akademik yang saya yakin beliau di situ dapat memelihara kepentingan saudara-saudara dan saudari-saudari yang berada di kampus-kampus.

Saya inginkan Naib Canselor universiti merupakan bukan sahaja seorang pentadbir CEO, tetapi juga Naib Canselor sebuah universiti memandangkan institusi itu sendiri hendaklah menjadi seorang ‘Scholarly Leader’. Seorang yang dipandang tinggi bukan sahaja sebagai seorang administrator, tetapi sebagai seorang ilmuan. Kita berkehendakkan persepsi yang sedemikian kerana ini adalah sebuah universiti dan bukannya sebuah badan berkanun yang biasa atau sebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu percaya bahawa konsep kecemerlangan akademik adalah satu konsep yang jelas. Jikalau kita mendapat kesan-kesan yang negatif itu terhasil, oleh sebab kita melacurkan konsep kecemerlangan akademik, maka kita tidak boleh menyalahkan konsep kecemerlangan akademik yang telah wujud begitu lama. Jadi, saya syorkan supaya kita kekalkanlah konsep kecemerlangan akademik yang begitu termaklum definasinya tetapi kadang-kadangnya secara pentadbiran telah disalahgunakan.

Izinkan saya pergi kepada Akta yang dikemukakan ini secara khusus. Dalam perkara 26 merujuk kepada seksyen 2 Jadual, dalam takrif ‘kerusi’ dia digunakan perkataan ‘Profesor’ sebagaimana pun digelar. Dalam takrif ‘guru’ dalam Jadual ditambah Profesor kepada Profesor Kanan, Profesor Madya dan Penolong Profesor.

Saya ingin bertanya adakah dalam takrif ‘kerusi’ itu profesor sebagaimana juapun digelar termasuk Profesor Kanan, Profesor Madya, Penolong Profesor. Ini adalah kerana saya ingin merujuk kepada seksyen 20 yang mana merujuk kepada

jawatankuasa pemilih bagi maksud perlantikan kesuatu kerusi hendaklah terdiri daripada Naib Canselor 2, ahli lembaga dan sebagainya. Jika yang dimaksudkan dengan kerusi tadi adalah hanya kepada Profesor Kanan, Profesor Madya dan Penolong Profesor, saya ingin mengesyorkan bahawa sepatutnya leader Pensyarah Kanan, Pensyarah, Penolong Pensyarah pun dimasukkan ke dalam takrif itu, kalau yang dimaksudkan dalam seksyen 20 itu, maksud 'kerusi' di situ termasuk profesor-profesor jenis ini semua, kerana manusia ataupun pensyarah-pensyarah ini dan penolong pensyarah ini merupakan input mula kita dan merupakan kadang-kadang some course kepada universiti, kita terikat dengan mereka dan bila dia hendak naik, kalau kita ambil dia daripada mula, tidak betul maka kita kadang-kadang terlekat dengan dia, dia jadi dead wood professor pun kita tidak boleh hendak buat apa.

Saya memandang berat soal perlantikan kerusi ini dan saya berharap semua jawatan akademik adalah termasuk dalam seksyen 20, jawatankuasa pemilih tadi, kerana ini merupakan tahap pemilihan kakitangan akademik pada tahap yang paling awal adalah perkara yang paling penting, yang sepatutnya dipelihara daripada awal.

Saya ingin bertanya apakah cadangan dari skim perkhidmatan selain daripada gaji yang hendak dicadangkan untuk kakitangan akademik selain daripada diperluaskan jenis-jenis profesor ini, sama ada kita perlukan tenure ataupun sama ada kita hendak adakan pengesahan jawatan seperti yang ada sekarang ini.

Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh secara khusus dengan Akta ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** ..... seperkara lagi ialah komposisi lembaga pengarah. Komposisi lembaga pengarah yang menggantikan Majlis universiti sekarang ini telah mengeluarkan wakil Senat daripada lembaga pengarah dan mengeluarkan wakil alumni daripada komposisi lembaga pengarah ini.

Saya ingin bertanya di sini oleh kerana Senat merupakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab atas perkara akademik, kenapakah wakil Senat dikeluarkan daripada lembaga pengarah? Secara teorinya kita melihat daripada komposisi lembaga pengarah ini sebenarnya kalau kita lihat boleh jadi lembaga pengarah ini tidak langsung terdiri daripada mana-mana kakitangan akademik, daripada universiti itu sendiri.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ingin terus pergi kepada seksyen 17 komposisi Senat universiti. Komposisi Senat universiti sekarang ini telah dimasukkan Dekan Fakulti dan semua ketua sekolah pusat akademi, institut dan sebagainya. Saya bersetuju ini lebih kurang mengekalkan komposisi yang dahulunya, tetapi ianya telah mengeluarkan wakil-wakil kakitangan akademik yang berperingkat-peringkat, dahulunya ada wakil pensyarah, wakil Profesor Madya dan sebagainya, sekarang tidak ada langsung, tetapi dimasukkan 20 profesor, dahulu semua profesor boleh masuk, tetapi sekarang 20 profesor yang

ditentukan oleh Naib Canselor yang bukan dilantik daripada kalangan profesor-profesor itu sendiri. Itu adalah satu persoalan yang saya ingin timbulkan di sini.

Perkara kedua ialah saya bersetuju bahawa semua dekan fakulti yang merupakan lantikan pentadbiran dan bukan lantikan hakiki tetapi dia memegang fakulti, jadi dia patut ada dalam Senat. Tetapi, yang saya tidak faham ini cerita-cerita apakah pengarah-pengarah pusat komputer dan sebagainya pun hendak masuk dalam Senat juga.

Saya mengalu-alukan subseksyen (2) dalam seksyen 17 yang memperkuatkan kuasa Senat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Itu adalah antara perkara yang hendak saya bangkitkan dan saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang perkara-perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

**9.52 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini yang juga menimbulkan kontroversi. Sebenarnya di dalam DAP, kita tidak setuju dengan sebarang bentuk pengkorporatan universiti-universiti yang menjejaskan standard universiti-universiti ini dan mengabaikan pelajar-pelajar yang miskin.

Sesungguhnya, jika pengkorporatan ini tidak menjejaskan standard universiti ataupun menjejaskan pelajar-pelajar yang miskin, kami tidak membantah. Kami sentiasa menekankan bahawa universiti-universiti mestilah bertaraf antarabangsa, bertaraf dunia daripada segi kualitinya. Dan universiti-universiti mesti mewujudkan peluang yang lebih untuk pemuda-pemudi. Saya akan membincangkan lebih panjang lebar mengenai bilangan pemuda-pemudi yang layak dan perlu diberi peluang untuk memasuki universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, maka timbullah perubahan yang besar ke atas universiti-universiti atau IPT di negara ini dalam pelbagai aspek, bukan sahaja daripada pengurusan bahkan juga aspek-aspek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, tidak kira diperingkat universiti ataupun peringkat sekolah, apabila adanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru maka, timbullah idea baru dan apabila Yang



Berhormat Menteri menjelajah ke negara-negara lain untuk mencari ilham, wujudlah idea baru apabila kembalinya ke negara ini dan tanpa kajian yang lengkap dan teliti, maka Yang Berhormat Menteri biasanya mengumumkan satu cadangan yang baru untuk sekolah, untuk universiti termasuk untuk mengkorporatan. Ini, sekali air bah, sekali pasir berubah. Dan tidak kiralah sama ada ahli-ahli akademik, sama ada pelajar-pelajar ataupun ibu bapa, maka dapat menerima idea baru ini, tidak kira.

Setelah Yang Berhormat Menteri mengumumkan hasrat kerajaan untuk mengkorporatkan universiti-universiti, ahli-ahli akademik, pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka merasa khuatir mengenai tujuan kerajaan. Kakitangan-kakitangan akademik mengatakan bahawa mereka tidak diberi peluang, tidak ada perundingan dengan Yang Berhormat Menteri sebelum pengumuman tersebut. Lantaran itu Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa pihaknya akan mengadakan dialog-dialog dengan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb. Ogos 1995, Naib Canselor Universiti Malaya, Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad mengatakan bahawa akhbar itu celaka kerana melaporkan kenaikan fee-fee universiti setelah pengkorporatannya. Yang Berhormat Menteri telah ditanya mengenai kenyataan Naib Canselor tersebut, beliau menjawab bahawa beliau akan memberi responsenya selepas mengkaji fakta-fakta. Sampai sekarang Yang Berhormat Menteri tidak berbalas. Tidak ada responselah sama ada ada kajian fakta-fakta, saya pun tidak tahu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan terus memberi satu surat tawaran kepada Universiti Malaya (UM) pada 1hb. Januari 1991. Menurut Yang Berhormat Menteri, UM akan dikorporatkan dengan sepenuhnya pada awal tahun depan. Ini dia sudah buat keputusan hendak mengkorporatkan UM sebelum ada dialog, sebelum ada perundingan. Itupun saya rasa sangat kecewalah sikap sedemikian.

Nampaknya Menteri-menteri Pendidikan tidak begitu menghargai, tidak begitu bertimbang rasa mengenai pendapat dan perasaan ahli-ahli akademik dan pelajar-pelajar.

Adalah difahamkan bahawa setelah pengkorporatan UM mencadangkan kenaikan fee-fee 700%.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompinkah? Rompin ini daripada Mc Gill Universiti. Mc Gill itu tidak terlibat dalam masalah pengkorporatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong ini pakarlah. Kepong ini belajar universiti mana dulu tu? Masa belajar tentang sakit kulit ini, universiti mana ya? Universiti Kulit North America ke?

Saya hendak bertanya sedikit dan mendapat penjelasan dari Kepong yang yang mengunjurkan dan cuba membayangkan kononnya pengkorporatan (corporatisation), dengan pengkorporatan universiti ini, tidak menjaga kepentingan pensyarah-pensyarah akademi professor. Saya hendak tanya, gaji siapa yang kerajaan hendak naikkan ini? Sudah tentu gaji para akademi dan pakar profesional. Ini Kepong, kalau saya dengar datang dari Ketua Pembangkang cuba mempolitikkan apa dia usaha kerajaan, saya tidaklah terperanjat sangat. Kepong ini sudah dapat penyakit Ketua Pembangkang ini, saya dulu hormat dia ni, sekarang ini sudah berbelah bagi sedikit penghormatan saya kepada beliau.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memberi dia peluang untuk penjelasan tetapi berethorik sedemikian, nampaknya pendidikan di Mc Gill itu kurang sekarang, kita patut mengkorporatkan Mc Gill University. Itulah cadangan saya, kita mengkorporatkan Mc Gill University supaya universiti ini dapat memberi pendidikan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan bahawa setelah pengkorporatan UM, UM mencadangkan kenaikan fees 700% untuk menyesuaikan kehilangan subsidi-subsidi kerajaan. Saya tak tahulah kerana saya tak tahu butirannya, sebab itulah saya bangkitkan hal ini. Kalau inilah berlaku, ini bermakna seorang pelajar Sarjana Muda yang membayar RM1,100 setahun terpaksa membayar RM7,000. Sementara itu pelajar-pelajar lepasan Ijazah selepas Post Graduate terpaksa mencari RM10,500 setahun.

Memang saya bersetuju kerana saya diberitahu bahawa sekarang walaupun seorang pelajar membayar yuran tuition sebanyak RM4,400 untuk kursus kesusasteraan empat tahun dan RM900 untuk kursus Ijazah Perubatan lima tahun, kadang kala kerajaan menanggung hampir-hampir 90% untuk fees para pelajar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi saya mencadangkan pengkorporatan ke atas University Mc Gill, adakah dia terima?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan sedikit, saya boleh menulis kepada Mc Gill tetapi saya rasa yang bersetuju mungkin fakulti perubatan kulit sahaja. Mungkin kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak jadi partner dia, rakan kongsi mungkin saya boleh tulis kepada mereka.

Persoalan saya, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyatakan RM1,000 yuran sekarang, bayaran sekarang RM7,000 diunjurkan akan datang. Tetapi saya hendak bertanya, walaupun biayaannya hanya RM1,000 setahun sekarang, berapa kos sebenar kerajaan membiayai seorang penuntut universiti, adakah Kepong sedar atau tidak atau masih tak mahu melihat kenyataan, cuba hendak membuat sesuatu ini sebagai polemik politik sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tak kena mengena dengan polemik, sebab saya sudah sebutkan kadang kala kerajaan menanggung hampir 90% kosnya. Itu dia tak dengar, asyik hendak tanya, hendak usik sahaja. Baik kita pergi ke Cornell, nampaknya graduan-graduan Cornell lebih baik daripada Mc Gill sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kedua-dua universiti itu apa hubung kaitnya dengan kita? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin daripada Mc Gill dan Padang Terap daripada Cornell.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Takkan Yang Berhormat berkuasa hendak mengkorporatkan kedua-dua universiti itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak berkuasa, saya cadangkan supaya Rompin itu balik ke Mc Gill untuk mencadangkan cadangan daripada Malaysia ini, sebab sebelum saya habiskan ayat saya, dia hendak mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hoi! Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*  
Saya akui bahawa kalau pelajar-pelajar ibu bapa-ibu bapanya mampu, mereka mesti membayar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia minta saya gulung, macam mana hendak beri dia jalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Injury time ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tak ada!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu isteri dia dok tunggu di bawah, hendak ajak balik - lewat. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, beri saya peluang sedikit, kerana ini satu perkara yang penting tak kena mengena dengan polemik. Memang pelajar-pelajar miskin dan ibu bapa-ibu bapa mereka sangat bimbang mengenai kemungkinan kenaikan yuran yang terlalu tinggi dan persatuan-persatuan para pelajar pun sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun menyuarakan bantahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain penyusunan semula organisasi universiti, kita tidak mengetahui butiran pengkorporatan. Terdapat beberapa persoalan yang belum dijawab. Misalnya bagaimana kerajaan mewujudkan keseimbangan di antara campur tangan kerajaan dalam universiti dan autonomi universiti untuk menguruskan secara komersil dan bersaing secara kompetitif.

Bagaimana universiti-universiti bersaing secara komersil tanpa faedah, tanpa keuntungan. Apakah mekanisme untuk membantu pelajar-pelajar miskin walaupun kenyataan-kenyataan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri termasuk sistem Australia, belajar dahulu bayar kemudian melalui cukai pendapatan dan sebagainya, saya tidak ada masa lagi.

Dengan bermulanya pengkorporatan UM pada 1hb. Januari tahun depan maka lain-lain universiti akan mengikutinya secara beransur. Menurut seorang ahli ekonomi, hanya 7% pemuda pemudi Malaysia berusia 18 hingga 24

tahun memasuki IPT berbanding dengan Singapura 12%, Thailand 16%, Jepun 31% dan bagi negara-negara maju puratanya di antara 25% hingga 30%.

Sekarang kita tak sampai 70% kita ketinggalan, kita mesti memperbaiki keadaan dan universiti-universiti tempatan di Malaysia sekarang hanya dapat menampung 100,000 pelajar sahaja dengan pengambilan setahun 12,000.

Ini bermakna 1/6 pelajar-pelajar yang layak untuk memasuki universiti tempatan tidak mendapat peluang. Dan pada masa hadapan dengan Malaysia menjadi satu negara maju, universiti-universiti tempatan mesti memperuntukkan tempat-tempat untuk sekurang-kurangnya 400,000 pelajar dengan pengambilan setahun sekurang-kurangnya 48,000 pelajar. Adakah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada banyak point lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tidak menggunakan masa yang diperuntukkan itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya gulunglah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerajaan mestilah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sudah pesan Yang Berhormat! Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sudah gulung tiga kali dah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mestilah mengumumkan laporan cadangan pengkorporatan di semua universiti yang disediakan oleh perunding-perunding pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Mentakab.

**10.07 mlm.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahar suatu akta yang dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsip dan tujuannya, saya sokong usaha kerajaan mengkorporatkan universiti supaya matlamat-matlamat yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri, khususnya mengenai perubahan struktur pengurusan universiti supaya ianya lebih dinamik dan proaktif dan juga mempelbagaikan sumber kewangan dan memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah dan kakitangan universiti dapat dicapai.

Fasal 29(f) dan (g) bertujuan meminda seksyen 4 Perlembagaan Universiti supaya lembaganya boleh dengan kelulusan Menteri Kewangan menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama, menubuhkan syarikat, meminjam wang, menerbit bon/debentur, memegang saham/debentur, melabur dalam harta tanah dan sebagainya. Pindaan ini adalah bertujuan supaya universiti dapat mempelbagaikan sumber kewangan dan tidak terlalu bergantung kepada peruntukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada beberapa perkara.

Yang pertama, walaupun saya bersetuju universiti dibenarkan menyertai aktiviti ekonomi dan komersil tetapi saya berpendapat aktiviti-aktiviti tersebut harus menumpu kepada bidang-bidang yang ada kaitan dengan akademik seperti:-

- (a) penyelidikan dan pembangunan;
- (b) komersilisasikan hasil penyelidikan yang berdaya maju;
- (c) perkhidmatan perunding;
- (d) penerbitan dan penyebaran maklumat yang berharga;
- (e) latihan khas untuk charge part dan kilang-kilang; dan
- (f) aktiviti-aktiviti yang mempunyai risiko yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya mengadakan satu garis panduan terhadap apa bidang-bidang yang sesuai diceburi dan apa-apa bidang yang harus dielak adalah perlu supaya universiti yang telah didapatkan nanti tidak menjadi satu syarikat business biasa semata-mata cuma mengutamakan aktiviti business mencari keuntungan dan lupa fungsi asalnya sebagai institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan tersebut juga boleh melindungi universiti supaya ia tidak terlalu terdedah atau 'over exposed' kepada risiko business sekiranya ditimpa kelembapan ekonomi yang boleh membawa kerugian yang besar kepada universiti. Selain daripada menceburi dalam bidang komersil untuk mempelbagaikan sumber kewangan universiti, saya juga ingin menyarankan supaya syarikat-syarikat besar digalak untuk meng'anak angkatkan' atau menjadi



penaja utama di pengajian-pengajian yang ada kaitan dengan bidang mereka dan sebagai mendapat balas kepada syarikat, satu cara ialah syarikat tersebut boleh diberi keutamaan menggunakan hasil penyelidikan yang dijalankan dan juga mengupah graduan-graduan yang terlatih dari fakulti-fakulti atau pengajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yuran yang akan dinaikkan selepas pengkorporatan, saya harap tahap kenaikan adalah munasabah supaya ianya tidak

terkeluar dari kemampuan rakyat biasa. Di sini saya ingin mencadangkan supaya yuran untuk kursus sarjana muda direndahkan semana boleh dan yuran untuk ijazah sarjana dan juga ijazah falsafah boleh ditingkatkan sebab kebanyakan mereka adalah dibiayai oleh syarikat besar. Saya juga menyokong konsep “Belajar Dahulu Bayar Kemudian” yang pernah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat pada satu ketika. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**10.13 mlm.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan berpanjang lebar dan tidak berpolemik macam Kepong dan ingin bercakap perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah tepat masanya undang-undang ini diluluskan untuk meningkatkan lagi pendidikan tinggi di negara kita untuk kita melangkah maju ke hadapan bagi menyesuaikan diri di era 2020, untuk menyediakan sumber manusia, akademik dan teknikal untuk kemajuan negara kita, memanjangkan tamadun manusia dan mewarisi budaya yang ada di negara kita untuk menggerakkan minda masyarakat Malaysia.

Kita mesti berangan-angan tinggi. Sebagai sebuah negara Islam kita mesti lihat bagaimana negara Islam membangun pada abad yang ke-6 dan ke-9, di mana Universiti Khurawaiyin di Morocco di tubuhkan. Al-Azhar ditubuhkan di Kaherah. Zaman kegemilangan “Research” di Baghdad dan Cordova, jadi, itulah keazaman kita. Jadi, saya berharap dengan dasar pendidikan yang kita gubalkan ini boleh mencapai ke peringkat yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan mestilah berlandaskan kualiti. Ini banyak disebutkan tadi iaitu kualiti pendidikan. Ini tidak akan boleh dicapai kalau tenaga pengajar tidak mendapat layanan yang baik dan menyenangkan hati mereka, R&D tidak mencukupi, penyelidikan tidak diberi dan tidak diberi kebebasan untuk menggunakan geran-geran yang disediakan. Ini adalah salah satu rungutan yang kadangkala kita dengar daripada kakitangan pengajar dan penyelidik dari universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini adalah sangat penting, kerana banyak diperkatakan tentang kualiti pendidikan di negara kita telah terjejas. Tadi rakan saya di sebelah sana banyak memperkatakan bagaimana perbezaan pendidikan sebelum 1971 dan selepas 1971 yang mana Akta ini telah digunakan sebagai satu alasan dan dengan alasan yang sedemikian kononnya datanglah satu gejala iaitu pendidikan yang kurang berkualiti.

Saya bukanlah hendak menilai kualiti dan produk yang dikeluarkan oleh universiti tempatan, tetapi dalam bidang yang saya tahu, memang banyak yang tidak menyenangkan. Pada tahun lepas, umpamanya, seorang pegawai kanan kerajaan telah memanggil untuk menemuduga lebih 50 orang peguam lulusan universiti tempatan. Selepas temuduga dibuat saya berjumpa dengan pegawai tersebut yang mengatakan, *quality of the education*, dengan izin, yang diterima oleh para siswazah yang datang di hadapannya 'is not even worth the paper was written on'. Ini adalah tuduhan yang keterlaluan dan mungkin tidaklah begitu sangat.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang berlaku, saya sebagai seorang peguam menerima banyak undergraduate, dengan izin, menerusi firma saya, membuat latihan atau pun, *chambering*, dengan izin, ada kebanyakan mereka tidak boleh membuat apa yang dikatakan 'opinion'. *Opinion* adalah pokok pengajian undang-undang. Menulis laporan berlandaskan satu fakta tetapi peguam yang lulus dari universiti - tidak payah saya sebutkan, tidak boleh membuat 'opinion' pun. Jadi, ini adalah satu petunjuk yang mengatakan kualiti 'dictation' itu adalah sangat berkurangan. Jadi, timbul satu perkara iaitu apabila peguam hendak mengambil penolong di pejabatnya, ia akan bertanya "Daripada manakah peguam ini lulus?"

Daripada luar negeri ataupun daripada universiti tempatan?” Jadi, secara ‘sweeping statement’nya, imbasan yang sedemikian menunjukkan peguam keluaran universiti tempatan itu tidak berkualiti, walaupun tidak betul sebenarnya - sebilangan yang tidak baik itu memang betul juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membangunkan pendidikan untuk mewarisi tamadun kita, kualiti pendidikan ini hendaklah dipertingkatkan. Tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana azam negara kita ataupun tujuan negara kita untuk membangunkan negara ini sebagai pusat pendidikan di sebelah sini, maka dengan itu kalau kita pandang, negara kita mempunyai penduduk seramai 18 juta dan kita hanya mempunyai 9 buah universiti.

Jadi, kalau kita pandang, dalam tiap-tiap 2 juta manusia, ada satu universiti sahaja. Di Indonesia, mempunyai 49 universiti kerajaan, 950 private universities. Dengan sendirinya, dengan population sebanyak 189 juta, mengikut satu universiti ialah hampir 2 juta orang sahaja. Philippines mempunyai 55 universiti dan 1,000 colleges, dengan izin, 64 juta manusia, 1.1 juta - 1 universiti. Begitu juga Singapura, 500 orang satu universiti. Thailand - 19 private universities, 16 government universities. Banyak lagi. Australia - 18 juta - 38 universiti. Kurang setengah juta, satu universiti.

Jadi, dalam keadaan yang ada pada kita sekarang ini, amatlah penting sekali. Kita hendaklah memperbanyakkan lagi universiti. Bukan sahaja mempertingkatkan kualiti, produk ataupun pengeluaran universiti itu tetapi juga memperbanyakkan universiti supaya: Satu, kita tidak payah menghantar ramai

pelajar-pelajar kita ke luar negeri lagi. Kita akan selamatkan foreign exchange kita. Yang kedua, barulah kita boleh mengatakan kita boleh dijadikan satu tempat pusat pengajian tinggi di kawasan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita melangkah ke era itu, saya juga ingin bertanya berapa banyakkah institusi dan politeknik-politeknik di negara ini yang telah wujud, akan dinaikkan tarafnya ke taraf universiti? Kerana di England, umpamanya pada tahun 1992 dan 1993, 34 politeknik sekarang telah dipanggil universiti.

Jadi, dengan sendirinya, perangkaan universiti itu bertambah. Bukanlah penambahan universiti itu satu perkara yang unik tetapi universiti juga boleh mengeluarkan siswazah. Jadi, dengan sendirinya, ini amat penting dan apakah pengajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk melihat sama ada institusi umpamanya MARA, politeknik di sana sini boleh dinaik bukan sahaja status universiti tetapi diberi nama universiti?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga meminta sedikit soalan yang telah disebut oleh rakan saya tadi iaitu soalan kemasukan pelajar ke universiti. Ini amatlah penting. Sebagai wakil rakyat mewakili masyarakat di luar bandar dan bumiputera. Ini amatlah penting. Apabila universiti ini dikorporatkan dan diprivatise umpamanya, dengan sendirinya pembayaran universiti mungkin naik walaupun kerajaan ada kawal selia. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, kita tidak dapat mengelakkan. Kualiti ada juga tali perhubungannya dengan

peningkatan gaji, kemudahan dan sebagainya diberi oleh universiti sendiri termasuk tenaga pengajarnya.

Jadi, dengan sendirinya masyarakat yang kurang berkemampuan akan rasa tersisih. Jadi, kita tidak hendak yang elite group di antara kita ataupun masyarakat yang kaya raya boleh menghantar anaknya ke exclusive school berlandaskan sumber kewangan tetapi yang miskin walaupun berkualiti pelajarannya baik dan keputusannya baik di peringkat sekolah tetapi tidak boleh menyusul ke universiti oleh kerana universiti telah mengena bayaran yang tinggi.

Pernah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak. Apabila anak-anak kampung datang ke universiti, bila sampai universiti dia tidak sangka dia kena bayar. Bukan banyak sangat, Tuan Yang di-Pertua, RM1,000 semasa pendaftaran. Dia tidak ada bawa duit RM1,000. Alhamdulillah, saya diberitahu iaitu pihak MARA ada kemudahan geran yang secara serta-merta boleh dibuat. Kalau tidak perkara ini dibantu oleh pihak MARA, besar kemungkinan anak ini yang tidak ada duit RM1,000 di poket dia, balik ke kampung, miss bas dia naik universiti. Seumur hidup dia menyesal keadaan yang sedemikian berlaku.

Jadi, saya memberi satu cadangan supaya pihak universiti itu mempunyai satu in-house grant kepada orang yang berkeleyakan. Apabila mereka sampai untuk mendaftarkan diri di universiti, kalau tidak ada sumber kewangan yang ditetapkan oleh pihak universiti untuk pendaftaran hari yang tertentu, universiti boleh mengeluarkan perkara itu sebagai satu geran ataupun sebagai satu pinjaman agar murid yang sepatutnya masuk ke universiti itu tidak disisihkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain telah banyak disebut oleh rakan-rakan tadi. Saya tidak inginlah hendak berpolemik. Jadi, dengan itu, saya berharap pihak kementerian memberi perhatian dan saya ucapkan syabas dan tahniah atas pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan masa terlalu suntuk dan kita masih banyak perkara Rang Undang-undang yang perlu diselesaikan pada malam ini dan pada esok hari, saya tidak dapat melanjutkan perbahasan ini dan saya memohon menteri untuk menjawab sekarang.

**10.26 mlm.**

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Universiti dan Kolej Universiti 1995.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan bahawa dia agak terkilan bahawa Rang Undang-undang ini telah disiapkan dalam masa yang begitu suntuk dan Ahli Yang Berhormat tidak diberi masa yang secukupnya untuk meneliti rang undang-undang itu. Perkara ini tidak disengajakan kerana pada kali ini, kerajaan mengambil keputusan untuk membentangkan empat rang undang-undang berhubung dengan bidang pendidikan, hampir serentak. Dan ini telah menggunakan segala tenaga dan kepakaran di kementerian dan di Jabatan Peguam Negara pada tahap yang paling



maksimum sehingga mereka telah terpaksa bekerja lebih masa untuk menyediakan keempat-empat Rang Undang-undang ini dalam masa yang dikehendaki oleh kerajaan.

Kelewatan ini bukan disengajakan dan kelewatan ini juga sebenarnya menggambarkan betapa seriusnya pandangan kerajaan kepada proses reformasi pendidikan yang hendak dilaksanakan daripada peringkat prapersekolahan sampailah ke peringkat institusi pendidikan tinggi. Ini juga bererti bahawa kita semua terlibat di dalam satu proses yang begitu bersejarah untuk mengisi satu agenda negara yang begitu besar dan untuk membuat perubahan yang akan menyediakan generasi kita hari ini untuk melangkah ke hadapan menghadapi abad ke-21 dan milinium yang akan datang dengan perasaan yang lebih yakin, dengan ilmu yang secukupnya, dengan pendidikan yang berkualiti dan insya-Allah bertaraf dunia ataupun world class quality education.

Inilah yang merupakan intipati kepada hasrat kerajaan dan walaupun kerajaan sedar bahawa kelewatan membentangkan rang undang-undang ini dengan notis yang secukupnya, boleh dipertikaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak orang ramai tetapi kerajaan percaya bahawa hasrat kerajaan untuk membawa perubahan dengan secepat mungkin akan dapat menggambarkan bahawa usaha ini begitu serius dan hendak dilakukan secepat mungkin demi faedah rakyat dan generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjangkakan juga bahawa soal yuran akan merupakan pokok kepada perbincangan pada kali ini. Saya telah memberi

penjelasan berkali-kali dalam perkara ini dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya perkara yang dibangkitkan tentang yuran yang akan dinaikkan kononnya akan dinaikkan 700% adalah satu perkara yang tidak benar sama sekali, satu perkara yang agak basi dan satu perkara yang tidak perlu.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak, sebab masa suntuk. Jadi, saya hendak menafikan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam zaman pengkorporatan, yuran tidak akan dinaikkan pada tahap yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan kita akan menetapkan yuran kepada tahap yang mampu dibiayai oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Perkara ini akan kita tentukan dalam sedikit masa lagi. Jadi, dari segi kaedah pelaksanaan pengkorporatan universiti, langkah pertama ialah penggubalan rang undang-undang ini dan langkah kedua ialah untuk menyediakan model pengkorporatan, termasuk yuran yang akan dikenakan dan ini dijangka akan dibentangkan kepada kerajaan dalam sedikit masa lagi dan mengikut jadual kita, insya Allah, pada awal tahun hadapan kita jangkakan bahawa proses pengkorporatan akan selesai pada semua peringkat. Kita jangka bahawa pengkorporatan ini akan memberi nafas baru pada universiti.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar dan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh tentang apa dia maksud pendidikan di peringkat universiti dan bagaimana keadaan dalam kampus-kampus kita perlulah diperbaharui dengan satu suasana yang lebih menyegarkan, diberi nafas baru dari segi keadaan dalam kampus-kampus kita supaya universiti benar-benar merupakan pusat kecemerlangan dalam erti kata yang sebenarnya.

Memang inilah hasrat kerajaan. Sebab itulah kita mengkorporatkan universiti supaya universiti bukan sahaja akan ditadbir dan diurus dengan cara yang lebih dinamik, lebih berkesan, lebih pantas dan lebih cepat membuat keputusan, tetapi universiti juga dapat menyerahkan kuasa kepada pihak yang mengetahui keadaan sebenarnya, iaitu pihak di dalam Lembaga Pengarah yang menggantikan Majlis, yang tahu suasana dalam universiti itu, yang tahu apa dia keputusan yang perlu dibuat dan boleh dibuat sebab kita menyerahkan kuasa kepada mereka untuk membuat keputusan dan tidaklah lagi dalam suasana sekarang di mana universiti terpaksa merujuk kepada badan lain, sebab universiti adalah sebuah jabatan kerajaan dan tidak ada kebebasan untuk membuat keputusan.

Saya yakin dan saya percaya bahawa suasana di universiti akan lebih segar dan lebih dinamik lagi. Ia lebih merupakan satu tempat di mana ide-ide baru akan bercambah dan suasana pembelajaran lebih segar lagi, proses penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D akan tumbuh dengan lebih bermakna lagi dan juga kegiatan-kegiatan pelajar yang positif dapat kita galakkan.

Kita tidak boleh memberi kebebasan sehingga pelajar-pelajar boleh mengambil tindakan untuk melibatkan diri dalam urusan parti politik, kerana ini akan menimbulkan suasana yang agak sukar hendak dikawal di kampus-kampus kita. Saya yakin bahawa suasana yang lebih positif ini tidak semestinya kita mahu supaya pelajar-pelajar kita terlibat dalam urusan parti politik, tetapi kalau ada urusan yang boleh mendatangkan hasil dan manfaat, umpamanya seperti kegiatan untuk menyertai perbahasan atau debating society untuk menjalankan kegiatan pelajar yang boleh mendatangkan hasil, umpamanya kegiatan memimpin masyarakat tempatan dan sebagainya dan kegiatan-kegiatan rekreasi, sosial dan bercorak ilmu di universiti. Semuanya ini boleh kita tingkatkan.

Saya telah memberi arahan kepada Naib-naib Chanselor Universiti supaya pelajar-pelajar kita merupakan individu yang all rounded personality, dengan izin, bukan merupakan mereka yang cuma ada kemampuan yang berorientasikan kepada kelulusan peperiksaan untuk memperolehi ijazah semata-mata.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Masa suntuk, Tuan Yang di-Pertua. Lain kali saya boleh beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tetapi kita hendak pelajar kita merupakan mereka yang ada pemikiran yang lebih terbuka dan lebih luas dan kita melihat kepada proses membina pemimpin ataupun leadership training di universiti-universiti kita. Sebab itulah, dasar pengkorporatan dilaksanakan.

Saya mengambil kira bahawa soal yuran ini pokok dan kita mesti ada usaha ataupun cara untuk melindungi mereka yang datang dari golongan berpendapatan rendah, sama ada dari kawasan bandar, apatah lagi dari kawasan luar bandar dan kerajaan amat peka dan amat prihatin atas perkara ini dan kita sedang memikirkan apa cara yang sebaik mungkin. Apabila kita sudah menyediakan satu kaedah atau satu model, insya Allah kerajaan akan mengumumkannya dan saya beri jaminan bahawa pelajar-pelajar miskin tidak akan terlepas peluang untuk mengikuti pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi semata-mata kerana mereka tidak mampu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang begitu suntuk, maka saya tidak akan menyentuh satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam Majlis ini. Ada perkara yang begitu spesifik menyentuh tentang beberapa fasal dan keanggotaan Lembaga Pengarah, Dewan Senat dan sebagainya, saya mengambil perhatian dan saya telah mencatat di sini dan saya akan memberi perhatian yang sebaik mungkin kepada saranan-saranan dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 30** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI  
(PINDAAN) 1995****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.40 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Sekuriti telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia aktiviti institusi-institusi pasaran modal seperti bursa saham, rumah penjelasan dan depository pusat serta untuk melindungi para pelabur.

Rangka kawal selia yang sedia ada di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tidak memberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti kuasa-kuasa pengawal seliaan, pemeriksaan dan penyiasatan yang sepenuhnya ke atas institusi dan peserta pasaran modal.

Akibat dari kekurangan kuasa undang-undang ini Suruhanjaya tidak dapat menjalankan aktiviti audit dan pengawasan ke atas institusi-institusi pasaran modal dengan cekap dan berkesan, dengan itu pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta itu bagi memperluas dan memperlengkapkan bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk memindahkan kuasa pelesenan berkaitan industri sekuriti daripada pegawai pelesen di Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Ini adalah selaras dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1983 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam sesi bulan Ogos lalu, di mana kuasa-kuasa perlesenan berkaitan industri niaga hadapan telah pun dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Di samping itu, pindaan kali ini juga bertujuan untuk membolehkan tabung kesetiaan disusun semula bagi menjadikan lebih mudah dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan bagi ini adalah seperti berikut:

Bahagian III. Beberapa peruntukan dalam Bahagian III Akta adalah dipinda bagi menyelaraskan dan memperkemas kuasa-kuasa menteri dan Suruhanjaya Sekuriti ke atas institusi-institusi pengantara seperti bursa saham dan rumah penjelasan.

Beberapa peruntukan baru juga diperkenalkan bagi tujuan yang sama. Di antara peruntukan baru yang dipinda termasuklah peruntukan di bawah seksyen 7 yang memberi kepada menteri kuasa untuk mengecualikan orang-orang tertentu dari larangan mengenai penubuhan dan penyelenggaraan bursa saham. Kuasa pengecualian ini perlu diberikan kepada menteri untuk memastikan bahawa peruntukan dalam bahagian ini boleh diberi kelonggaran jika timbul keperluan yang tidak dapat dielakkan. Menteri juga diberi kuasa menggunakan kuasa pengecualian ini mengenakan sebarang syarat dan sekatan yang dianggap sesuai.

Seksyen baru 8(A) dan 9(B) telah dimasukkan dengan tujuan meletakkan rumah penjelasan di bawah kuasa pengawal seliaan Suruhanjaya dan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti mengisytiharkan sebuah rumah penjelasan sebagai rumah penjelasan yang diiktiraf. Ini adalah untuk menyelaraskan kuasa Suruhanjaya dengan tugasnya di bawah seksyen 15(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang memperuntukkan bahawa salah satu fungsi Suruhanjaya Sekuriti ialah mengawasi aktiviti rumah penjelasan.



Seksyen 9 dipinda untuk menjelaskan bahawa pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti. Dalam usaha untuk menggalakkan peranan bursa saham sebagai badan kawal selia sendiri atau dengan izin, self regulatory organisation, subseksyen (4) dipinda untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengecualikan melalui notis bertulis mana-mana kategori kaedah daripada keperluan untuk mendapatkan kelulusan Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Sekuriti mesti boleh mengkehendaki bursa saham menghantar kaedah yang dibuat di bawah seksyen 4 kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk kelulusannya, sekiranya Suruhanjaya Sekuriti berpendapat bahawa kaedah tersebut tidak termasuk dalam kategori kaedah yang dikecualikan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Seksyen 9(B) baru menjelaskan tanggungjawab bursa saham. Kemasukan seksyen ini juga adalah bertujuan untuk menggalakkan peranan bursa saham sebagai badan kawal selia sendiri.

Seksyen baru 9(C) dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri untuk menutup selama jangka tertentu sesebuah bursa saham jika berlaku keadaan darurat. Peruntukan ini perlu untuk membolehkan menteri bertindak secara segera dan dengan tegas, dalam keadaan-keadaan tertentu. Misalnya apabila berlaku kegagalan operasi secara menyeluruh, jika berlaku bencana alam ataupun krisis kewangan di dalam atau di luar negeri yang berkemungkinan akan menggugat aktiviti dagangan secara teratur di bursa saham.

Seksyen 11 dipinda untuk memberi kuasa kepada bursa saham dan rumah penjelasan yang diiktiraf untuk menguatkuasakan kaedah-kaedahnya. Antara lainnya, mereka boleh mengarahkan orang yang ingkar supaya mematuhi kaedah-kaedah yang berkenaan. Seksyen ini juga menyatakan bahawa ahli bursa saham, syarikat bursa saham, badan korporat yang tersenarai serta pengarah atau pegawainya adalah dianggap bertanggungjawab untuk mematuhi kaedah-kaedah bursa saham dan rumah penjelasan yang diiktiraf.

Suruhanjaya Sekuriti juga diberi peranan untuk mengambil tindakan ke atas orang yang ingkar sekiranya bursa saham atau rumah penjelasan yang diiktiraf gagal mengambil sebarang tindakan.

Seksyen 11(A) dimasukkan untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti melarang perdagangan sekuriti tertentu sekiranya tindakan sedemikian didapati wajar untuk melindungi para pelabur atau untuk menjaga kepentingan orang awam. Ini adalah sejajar dengan tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 15(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Seksyen 11(B) dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri mengeluarkan notis untuk menggantung fungsi Lembaga Pengarah Bursa Saham, rumah penjelasan yang diiktiraf atau depository pusat termasuk mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh lembaga pengarah tersebut sekiranya tindakan menggantung itu didapati perlu untuk melindungi para pelabur dan kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada Bahagian IV iaitu mengenai pelesenan, pindaan-pindaan utama yang dibuat ialah untuk memindahkan kuasa pelesenan daripada pegawai pelesen di Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Di samping itu, pindaan ini juga memperkenalkan satu kategori lesen yang baru bagi pengurus dana. Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 sebagaimana yang telah dipinda baru-baru ini.

Peruntukan mengenai kategori lesen baru ini terdapat dalam seksyen 15(A). Pindaan-pindaan lain kepada Bahagian IV adalah bertujuan menyelaraskan dan mengecualikan kuasa-kuasa pengawal seliaan ke atas orang-orang yang diberi lesen. Misalnya pindaan kepada seksyen 27 memasukkan keadaan-keadaan bilamana sesuatu lesen boleh dibatalkan atau digantung.

Seksyen baru 28(A) dimasukkan untuk membolehkan seseorang pemegang lesen menyerahkan balik lesen beliau sekiranya semua obligasi dan tanggungan yang berkaitan telah dipenuhi.

Seksyen baru 40(A) pula dimasukkan untuk memperkukuhkan tahap perlindungan pelabur dengan memeruntukkan bahawa sebarang syor yang dibuat oleh seseorang peniaga, pengurus dana atau penasihat pelaburan mengenai mana-mana sekuriti hendaklah dibuat atas asas yang kukuh dan munasabah.

Seksyen 40(C) pula membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengenakan obligasi tambahan ke atas orang-orang yang diberikan lesen melalui peraturan yang dibuat di bawah seksyen 127.

Bahagian VII yang mengandungi peruntukan mengenai audit dan akaun adalah dipinda untuk menjelaskan mengenai akaun dan rekod yang perlu disimpan oleh peniaga dan orang-orang yang menjalankan aktiviti pengurusan dana. Pindaan tersebut adalah bertujuan untuk memperkemarkan aspek pengawalseliaan ke atas mereka yang menjalankan aktiviti pengurusan dana.

Peruntukan dalam Bahagian VII ini juga diperkemarkan untuk menyelaraskan obligasi mengenai audit yang dikenakan ke atas bursa saham, rumah penjelasan dan ke atas orang-orang lain yang diberikan lesen. Tugas juru audit yang dilantik juga disebut secara terperinci dalam pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 50.

Dalam Bahagian VIII Akta, beberapa perkara yang penting mengenai tabung kesetiaan telah dipinda sewajarnya. Pindaan-pindaan yang agak menyeluruh ini adalah perlu untuk menggantikan tabung kesetiaan yang sedia ada sekarang dengan satu dana pampasan yang baru. Ini adalah kerana tabung kesetiaan yang sedia ada sekarang ini terdapat banyak kelemahan dan kekurangan di mana ia tidak mengambil kira keseluruhan peranan dan fungsi tabung ini dalam memberi pampasan kepada pelabur akibat kecurangan broker saham.

Pada masa ini asas tuntutan terhadap tabung kesetiaan itu adalah amat sukar sehingga menyebabkan tidak ada satu tuntutan pun telah dibuat dengan jayanya terhadap tabung tersebut oleh mana-mana pelabur. Selain dari itu, kewujudan atau prosedur membuat tuntutan yang rumit dan terlalu formal telah mengakibatkan kos yang tinggi dan kelambatan dalam membuat sebarang keputusan mengenai sesuatu tuntutan. Pindaan kepada seksyen-seksyen dalam Bahagian VIII ini akan menggantikan tabung kesetiaan dengan dana pampasan yang distruktur semula dengan asas-asas tuntutan yang lebih luas dan adil.

Melalui pindaan kepada seksyen 61, Menteri boleh membuat perkara-perkara terperinci mengenai operasi dana baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen lain kebanyakannya adalah bersifat sampingan dan adalah berbangkit dari pindaan-pindaan utama yang telah dijelaskan tadi. Di antara seksyen yang dipinda ialah seksyen 127 iaitu mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan mengenai pelbagai urusiaga sekuriti yang bertujuan untuk memberikan kelenturan yang sangat-sangat diperlukan dalam undang-undang dan pengawalseliaan industri sekuriti.

Ini adalah untuk membolehkan pihak berkuasa bertindak balas secara tepat dan cepat pada kehendak-kehendak pasaran. Secara keseluruhannya, pindaan yang dicadangkan adalah wajar dan perlu untuk menyelaras, memperkenalkan serta memperkukuhkan pengawalseliaan dan pengawasan ke atas industri sekuriti di negara kita. Pindaan ini juga selaras dengan tanggungjawab yang diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi dan memajukan pasaran sekuriti negara. Kementerian Kewangan yakin bahawa dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, pasaran sekuriti di Malaysia akan menjadi lebih kukuh, lebih efisien dan lebih teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1993 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

**10.54 mlm.**

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana berjaya membawa satu lagi pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong hasrat kementerian ini untuk meminda beberapa peruntukan dan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti yang dipertanggungjawabkan terhadap industri sekuriti di

negara ini dan ini bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengawal selia kuasa untuk membuat penyiataan terhadap seluruh industri pasaran modal di negara ini dan di samping memindahkan kuasa pegawai pelesen daripada Kementerian Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti selaras seperti apa yang dibuat kepada pelesenan industri sekuriti hadapan yang baru-baru dipinda dan juga perpindahan atau pendefinisan dibuat terhadap tabung kesetiaan kepada dana pampasan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, industri sekuriti di negara ini telah pun dikejutkan oleh beberapa pengumuman liberalisasi yang dibuat oleh Menteri Kewangan baru-baru ini bagi memastikan perjalanan industri sekuriti negara ini lebih efisien walaupun di peringkat awal ia mendatangkan beberapa set back dalam industri sekuriti di negara ini dan ini jelas dapat kita lihat daripada kedudukan industri secara keseluruhannya di negara ini yang boleh dikatakan, is not performing sepatutnya ataupun prestasinya agak menurun di akhir-akhir ini. Ini adalah mungkin disebabkan kekhuatiran tentang kewujudan overheating ekonomi dalam negara kita dan juga soal inflasi serta pengumuman tentang current account budget defisit berjumlah RM18 bilion dan keadaan GDP yang begitu tinggi yang menunjukkan bahawa ekonomi kita berada dalam keadaan overheating ini. Maka, apa yang berlaku dalam industri sekuriti, ramai fund managers ataupun pengurus dana asing telah mengeluarkan pelaburan mereka daripada negara ini dan memindahkannya ke negara lain.

Di samping itu juga, tentang pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang pengenalan CDS ini supaya dikuatkuasakan semua stok yang disenaraikan dimasukkan ke dalam CDS sehingga akhir tahun hadapan. Ini juga merupakan satu kejutan kepada industri sekuriti negara yang mana saya rasakan segala infrastruktur yang diperlukan dalam industri ini belum lagi diletakkan di tempat yang sepatutnya sebelum pengumuman ini dibuat. Di samping beberapa pengumuman-pengumuman lain yang dibuat semasa Budget kita yang lalu di mana ada pengenalan levi sebanyak RM100,000 kepada pembeli hartanah atau rumah di negara ini dan juga pengurangan pembiayaan peminjaman untuk membeli rumah RM200,000 ke atas daripada 70% kepada 60%, ini adalah juga di antara perkara-perkara yang boleh mempengaruhi kedudukan dan keadaan pasaran di negara kita di samping keadaan politik.

Namun, dari segi indeksnyanya kita dapat melihat ada penurunan daripada 1,091 pada 6hb Jun yang lalu sehingga 888 keadaan komposit indeks kita dan setelah itu barulah ada kenaikan apabila Yang Amat

Berhormat membuat pengumuman pada 23hb. November ini iaitu tidak mengadakan pertandingan, tidak akan bertanding untuk jawatan Presiden dalam parti.

Ini adalah di antara perkara-perkara yang saya rasa mempengaruhi kedudukan industri sekuriti di negara kita ini di samping adanya regional reshuffling of funds daripada Amerika Syarikat yang kini sudah mula nampak atau bergerak ke Asia dan Malaysia adalah di antara negara yang nampak lebih baik kedudukannya kalau dibandingkan dengan negara Filipina dan juga negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan kepada pindaan Akta Perindustrian Sekuriti 1993 ini yang mana ada 2 tambahan kategori lesen yang dikeluarkan oleh pegawai pelesenan ini. Yang pertama ialah lesen pengurus kumpulan wang; yang kedua wakil pengurus kumpulan wang ini memang kita alu-alukan dan memandangkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Minta sambung besok.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 11.00 malam.***

